

KEMUNCULAN MALAYSIA MODEN

AZMAH ABDUL MANAF



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA



UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BHD

TELAN DISEMAK

Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
No. 1 & 3, Jalan 3/91A
Taman Shamelin Perkasa, Cheras
56100 Kuala Lumpur
Tel: 03-92856577
Fax: 03-92846554/92875763
e-mel: enquiry@upnd.com.my
laman web: www.upnd.com.my

© Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh
Universiti Sains Malaysia

Terbitan Pertama 2003

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu.

ISBN 967 - 61 - 1439 - 1

M
959-505
A2M



12 FEB 2004

NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
APB 01131395

Dicetak oleh
SANON PRINTING CORPORATION SDN BHD
No. 5 & 7, Jalan 10/108C, Taman Sungai Besi,
Jalan Sungai Besi,
57100 Kuala Lumpur.

PRAKATA

KEMUNCULAN MALAYSIA MODEN

Buku ini adalah buku yang pertama daripada tiga modul yang ditulis untuk kursus Sejarah Politik Malaysia Moden. Buku ini memfokuskan perbincangan kepada proses kemunculan Malaysia sebagai sebuah negara moden. Alhamdulillah, setelah melalui pelbagai proses penambahbaikan dan prosedur-prosedur yang ditetapkan oleh Pusat Pengajian akhirnya buku yang mula ditulis pada tahun 1993 ini dapat juga diterbitkan. Menghasilkan sebuah buku untuk rujukan sesebuah kursus bukanlah satu usaha yang mudah, namun berkat kekuatan dan kesabaran yang dianugerahkan Allah dan dorongan yang berterusan daripada rakan-rakan di bahagian Sejarah Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ) maka penulisan ini dapat dihasilkan lebih-lebih lagi dalam bentuk penerbitan yang menjadi impian bagi seorang ahli akademik.

Penerbitan buku ini tidak akan dapat dilaksanakan tanpa sokongan dari pelbagai pihak. Sebagai penulis, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Prof. Madya Zainal Abdul Latif yang menjadi Perekam Pengajaran dan Dr. Hj. Ahmad Jelani Halimi sebagai Penyunting. Juga tidak dilupakan rakan-rakan di bahagian Sejarah iaitu Dr. Hj. Abdul Rahman Hj. Abdullah dan Dr. Hj. Mohd. Isa Othman yang banyak memberi sumbangan idea dalam penulisan buku ini. Sudah pasti saya juga tidak melupakan bekas-bekas pelajar Pengajian Jarak Jauh yang secara tidak langsung (melalui perbincangan bersama mereka) memberi input ke arah memantapkan isi kandungan dan perbincangan buku ini.

Akhir sekali saya tidak melupakan pentadbiran Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh khususnya Dekan PPPJJ, Universiti Sains Malaysia Prof. Madya Misni Surif, Pn. Zabidah Hj. Ramuddin, Pn. Rogayah Mohamad, Pn. Jamilah Jamaludin dan Pn. Maziyah Ariffin dan semua pihak yang telah berusaha merealisasikan penerbitan buku ini. Terima kasih yang tidak terhingga kerana tanpa usaha dari anda semua penerbitan ini tidak akan menjadi kenyataan.

Azmah Abdul Manaf
Darwin, Australia
10 Februari 2003

FRANKS

REMARKS

100

101

102

103

104

105

106

107

108

109

110

111

112

113

114

115

116

117

118

119

120

121

122

123

124

125

126

127

128

129

130

131

132

133

134

135

136

137

138

139

140

141

142

143

144

145

KUNCI

Terdapat berbagai-bagai lambang di bahagian kiri teks. Lambang ini menunjukkan makna yang tertentu seperti yang dinyatakan di bawah dan disediakan untuk membimbing anda dalam proses pembelajaran. Tidak semua lambang tersebut terdapat di dalam buku ini.



Aktiviti



Ulangkaji



Maklum Balas



Latihan Opsyenal



Penyelesaian



Fikir dan Renung Kembali



Bahan Rujukan

KUNCI

Latihan 1
Latihan 2
Latihan 3
Latihan 4
Latihan 5



Latihan 1



Latihan 2



Latihan 3



Latihan 4



KANDUNGAN

Prakata	iii
Kunci	v
Senarai Kependekan	xi
Objektif Buku	1
Pendahuluan	2

PELAJARAN 1: KONSEP NEGARA MODEN

Objektif Pelajaran	5
Pengenalan	6
Definisi Negara	7
Teori Asal-Usul Negara	9
Pembentukan Negara Moden	12
Ciri-Ciri Sebuah Negara Moden	17
Rumusan	20
Soalan Penilaian Kendiri	21
Penyelesaian Bagi Soalan Dalam Teks	21
Bahan Bacaan	24
Nota Belakang	24

**PELAJARAN 2:
PERUBAHAN POLITIK DI BAWAH BRITISH**

Objektif Pelajaran	26
Pengenalan	27
Sistem Politik Melayu Tradisional	28
Perubahan-Perubahan Politik Oleh British	33
Pengekalan Unsur Tradisi	38
Dasar Desentralisasi	41
Kesan-Kesan Daripada Dasar Perubahan dan Pengekalan British	46
Pemodenan Malaysia: Satu Perbincangan	49
Rumusan	55
Soalan Penilaian Kendiri	56
Penyelesaian Bagi Soalan Dalam Teks	56
Bahan Bacaan	60
Nota Belakang	60

**PELAJARAN 3:
PEMBENTUKAN PERLEMBAGAAN 1945 - 1948
DAN PERLEMBAGAAN MERDEKA 1957**

Objektif Pelajaran	63
Pengenalan	64
Perlembangan Malayan Union	65
Malayan Union : Satu Perbincangan Dari Segi Dasar dan Matlamat	72
Kegagalan Malayan Union	80
Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948	83
Perlembagaan Tanah Melayu Merdeka 1957	87
Rumusan	89
Soalan Penilaian Kendiri	90
Penyelesaian Bagi Soalan Dalam Teks	90
Bahan Bacaan	94
Bacaan Tambahan	94
Nota Belakang	95

**PELAJARAN 4:
PEMBENTUKAN MALAYSIA 1963**

Objektif Pelajaran	97
Pengenalan	98
Pembentukan Malaysia Secara Sepintas Lalu	99
Usaha-Usaha Ke arah Pembentukan Malaysia	102
Perlembagaan Malaysia	106
Pembentukan Malaysia: Satu Perbincangan	108
Rumusan	119
Soalan Penilaian Kendiri	119
Penyelesaian Bagi Soalan Dalam Teks	120
Bahan Bacaan	121
Bacaan Tambahan	122
Nota Belakang	122
Bibliografi	123

Senarai Kependekatan

- BMA - British Military Administration
- CPA - Commonwealth Parliamentary Association
- DBP - Dewan Bahasa dan Pustaka
- IGC - Inter-Governmental Committee
- JSEAH - Journal of Southeast Asian History
- JSEAS - Journal of Southeast Asian Studies
- MCA - Malayan/Malaysia Chinese Association
- MCKK - Malay College Kuala Kangsar
- MIC - Malayan/Malaysian Indian Congress
- MMP - Majlis Mesyuarat Persekutuan
- MPAJA - Malayan People's Anti-Japanese Army
- MSCC - Malaysian Solidarity Consultative Committee
- PAP - People's Action Party
- PAS - Parti Islam Se Malaysia/Se Tanah Melayu
- UMNO - United Malays National Organization
- UNKO - United National Kadazan Organization
- SAYA - Sarawak Advanced Youth Association
- SUPP - Sarawak United People's Party

KEMUNCULAN MALAYSIA MODEN

Objektif Buku

Selepas anda mengikuti keseluruhan pelajaran yang ada di dalam buku ini, para pelajar harus boleh;

- Menjelaskan** tentang apa yang dikatakan sebagai sebuah negara moden, proses pembentukannya dan ciri-cirinya.
 - Mengenalpasti** perubahan-perubahan politik yang telah diperkenalkan oleh kerajaan British semasa memerintah negeri-negeri Melayu dan kesan-kesannya ke atas masyarakat Melayu.
 - Membahaskan** tentang matlamat sebenar gagasan Malayan Union 1946 dan Persekutuan Tanah Melayu 1948 diperkenalkan oleh kerajaan British.
 - Menganalisis** sebab utama yang membawa kepada pembentukan negara Malaysia pada tahun 1963.
 - Mengenalpasti** pihak-pihak yang bertanggung jawab dalam pencernaan sebuah negara moden bagi Malaysia.
 - Menghuraikan** semula proses-proses politik yang dialami oleh Malaysia sebelum muncul sebagai sebuah negara baru.
-

PENGENALAN KEPADA BUKU

Kemunculan Malaysia sebagai sebuah negara baru dan moden mempunyai sejarah yang panjang. Bermula dengan kedatangan kuasa-kuasa Eropah seawal abad ke-15 hinggalah Malaysia terbentuk pada 1963; memakan masa lebih kurang lima ratus tahun. Buku ini cuba menggarap proses demi proses yang dilalui oleh Malaysia sejak campur tangan Inggeris di Negeri-Negeri Melayu yang bermula pada 1874. Tarikh ini diambil bukan bermakna sejarah terdahulu tidak penting dan tidak membawa apa-apa erti dalam konteks perubahan-perubahan politik di negeri-negeri Melayu khususnya Melaka, tetapi kesan politiknya hanya berlegar dalam ruang lingkup yang kecil dan tidak menyeluruh ke negeri-negeri Melayu yang lain. Berbanding dengan peranan Inggeris, bertitik tolak daripada campur tangan di negeri Perak pada 1874, satu persatu negeri-negeri Melayu yang lain terlibat dengan perubahan-perubahan politik yang telah dilaksanakan di negeri tersebut. Justeru perubahan-perubahan yang dilakukan begitu ketara mengubah wajah sistem politik tradisional dan menyeluruh ke negeri-negeri lain, maka detik itu menjadi titik mula kepada ruang lingkup buku ini.

Sebagai memenuhi tujuan dan maksud di atas, buku ini membincangkan peristiwa-peristiwa yang dianggap penting dan bertanggung jawab mencernakan kemunculan Malaysia sebagai negara moden. Ia bermula dengan perubahan-perubahan politik yang dilakukan oleh penjajah Inggeris di negeri-negeri Melayu yang di"naungi"nya diikuti dengan penggubalan perlembagaan Malayan Union 1946 dan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948, Perlembagaan Merdeka 1957 dan akhirnya peristiwa pembentukan Persekutuan Malaysia 1963. Sekali imbas, peristiwa-peristiwa yang disebutkan itu adalah peristiwa-peristiwa yang penting dalam sejarah Malaysia dan telah banyak dibincangkan oleh para sarjana sejarah mahupun sains politik. Namun, dalam konteks modul ini, peristiwa-peristiwa berkenaan akan dianalisis daripada perspektif pembentukan Malaysia sebagai sebuah negara baru selepas merdeka yang mendukung nilai-nilai atau sistem politik moden yang diwarisi daripada penjajah, berbeza sama sekali dengan nilai-nilai atau sistem politik tradisi yang diamalkan sebelum ini.

Buku ini bermula dengan memperkatakan tentang konsep negara moden. Terasa janggal jika tidak dibincangkan konsep negara moden kerana tema utama buku ini adalah berkait rapat dengan negara moden. Topik ini membincangkan tentang hal-hal

yang berkaitan dengan negara moden seperti definisi negara, proses-proses pembentukan sesebuah negara baru/moden, mengenalpasti ciri-ciri yang terdapat dalam sesebuah negara baru/moden dan sistem-sistem politik yang diamalkan. Dengan sedikit sebanyak pengetahuan tentang konsep negara moden, maka mudahlah bagi kita untuk memahami proses-proses politik yang dilalui oleh negara Malaysia ke arah pembentukan sebuah negara-bangsa yang mendukung sistem politik moden. Bagaimanapun topik ini tidak membincangkan tentang konsep moden atau modenisasi yang mengundang pelbagai pendapat pro dan kontra daripada para sarjana terutama apabila modenisasi di Asia dikaitkan dengan tamadun Barat. Perbincangan seperti itu adalah di luar cakupan buku ini. Dengan tidak mengabaikan persoalan tentang modenisasi di Asia yang sering diperkatakan, buku ini mengambil keputusan bahawa selewat-lewatnya pada abad ke-19 dunia sudah dilanda oleh arus pemodenan dalam pelbagai aspek hidup.

Bertepatan dengan timbulnya keraguan tentang pendapat umum yang menegaskan bahawa modenisasi di Asia berlaku sebagai akibat atau impak daripada Barat, maka dalam pelajaran dua buku ini, akan dibincangkan tentang perubahan-perubahan politik yang telah dibawa oleh penjajah Inggeris ke Negeri-Negeri Melayu. Perbincangan ini berasaskan kepada persoalan, adakah dengan memperkenalkan sistem politik yang dikatakan 'moden' bagi menggantikan sistem politik tradisi itu bermakna bahawa Inggeris telah meletakkan asas-asas pemodenan bagi negeri-negeri Melayu? Dan seterusnya melahirkan Malaysia seperti yang ada sekarang. Umumnya memang kita ketahui bahawa terdapat banyak impak akibat kehadiran Inggeris di Negeri-negeri Melayu terutama dalam mengubah wajah sistem politik sebelum, semasa dan sesudah era penjajahan mereka. Kesannya memang nyata sehingga masa kini malah tidak keterlaluan disebutkan bahawa sistem politik yang ada sekarang adalah warisan Inggeris. Akan tetapi adakah itu bermakna bahawa anak-anak tempatan tidak memberikan sumbangan walau sedikitpun terhadap pemodenan ini? Inilah antara persoalan yang akan dibincangkan dalam topik berkenaan.

Selepas Perang Dunia Ke-2, kerajaan Inggeris berhasrat untuk mengubah struktur politik Tanah Melayu atas alasan bahawa sistem terdahulu tidak sesuai lagi dengan keadaan semasa. Penggubalan Perlembagaan Malayan Union 1946 dan kemudian diikuti oleh Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948 merupakan usaha-

usaha Inggeris untuk menyerapkan sistem politik yang mereka amalkan atas asas atau janji sebagai persediaan ke arah pemerintahan sendiri bagi Tanah Melayu. Sekali lagi Tanah Melayu mengalami proses pengubahsuaian sistem politik dalam perjalanan ke arah pemerintahan sendiri, mengikut acuan yang dicernakan oleh kerajaan Inggeris. Kesan daripada kedua-dua peristiwa penggubalan perlembagaan tersebut memang tidak boleh dinafikan kerana asas Perlembagaan Tanah Melayu merdeka 1957 adalah perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948 yang diubahsuai daripada Perlembagaan Malayan Union 1946. Perbincangan tentang penggubalan kedua-dua jenis perlembagaan inilah yang akan mengisi ruang topik yang seterusnya, berdasarkan betapa ia telah banyak mengubah sistem politik terdahulu.

Oleh kerana kemerdekaan yang dicapai pada 1957 banyak mencontohi sistem politik Persekutuan Tanah Melayu 1948 maka ianya tidak dibincangkan secara mendalam dalam kursus ini. Buku ini lebih merakamkan tentang perubahan-perubahan politik yang berlaku pada negara. Walau bagaimanapun sedikit perbincangan akan dibuat untuk meneliti sejauh mana persamaan dan perbezaan yang ada di antara Perlembagaan Merdeka dengan Perlembagaan Persekutuan 1948.

Peristiwa pembentukan Malaysia 1963 sekali lagi mengubah wajah Tanah Melayu yang telah merdeka sejak 1957. Kali ini, ia bukan saja mengubah struktur politik Tanah Melayu tetapi juga negeri-negeri lain yang terlibat iaitu Singapura, Sabah dan Sarawak. Perubahan bukan setakat struktur politik tetapi juga dari segi keluasan wilayah negara baru yang diberi nama Malaysia. Di sinilah letaknya kepentingan topik ini untuk diperbincangkan sebagai satu lagi proses ke arah pembentukan Malaysia moden yang kekal hingga ke hari ini biarpun Singapura tidak bersama Malaysia lagi sejak 1965. Jika sebelum ini peranan kerajaan Inggeris begitu menonjol dalam mencorakkan sistem politik Tanah Melayu, tetapi dalam kes pembentukan Malaysia, peranan pemimpin-pemimpin Tanah Melayu khususnya dan pemimpin-pemimpin tempatan negeri-negeri yang terlibat amnya lebih ketara. Tentu ada faktor utama yang telah mendorong mereka yang berkenaan berusaha merealisasikan Persekutuan Malaysia. Perbincangan tentang faktor utama ini akan dilihat dari sudut pelaku sejarah itu sendiri dan juga dari segi tafsiran yang dibuat oleh pengkaji-pengkaji sejarah.

PELAJARAN 1

KONSEP NEGARA MODEN

Objektif Pelajaran

Selepas anda mengikuti pelajaran ini, anda seharusnya boleh:-

- Menjelaskan** tentang dengan apa yang dimaksudkan sebagai sebuah negara moden.
 - Mengenal** pasti proses-proses pembentukan atau kelahiran sesebuah negara moden/baru.
 - Menghuraikan** ciri-ciri yang perlu ada dalam sesebuah negara moden.
 - Menganalisis** perubahan-perubahan yang dialami oleh negara-negara yang wujud dalam zaman tradisional dengan zaman moden.
 - Mengenal pasti** perbezaan di antara ciri-ciri politik moden dengan ciri-ciri politik tradisional.
-

PENGENALAN

Sesuai dengan tumpuan buku pertama ini iaitu untuk membincangkan tentang kemunculan Malaysia sebagai sebuah negara baru dan moden, maka adalah bermanfaat jika dibincangkan terlebih dahulu beberapa perkara yang berkait rapat dengan konsep negara moden. Kita perlu jelas dengan apa yang diistilahkan sebagai negara (*state*), asal-usul sesebuah negara moden dan prinsip-prinsip atau ciri-ciri sesebuah negara moden dan falsafah yang dipegang oleh sesebuah negara itu. Dengan perbincangan ini diharapkan akan memudahkan lagi pemahaman anda terhadap sejarah kemunculan Malaysia sebagai sebuah negara moden yang pada satu ketika dahulu terdiri daripada unit-unit politik kecil yang terpecah-pecah mengikut sempadan negeri dan diperintah oleh sultan-sultannya sendiri. Bukan itu sahaja, jika pada satu ketika dahulu negeri-negeri Melayu diperintah secara mutlak dalam sistem pemerintahan beraja, tetapi kini perkara itu tinggal sebagai sejarah sahaja.

Untuk mengelakkan sebarang kekeliruan, perlulah dicatatkan di sini bahawa dalam pelajaran ini, para pelajar akan hanya didedahkan dengan definisi, proses pembentukan negara baru yang mendukung nilai-nilai pemodenan dan sistem-sistem politik yang diamalkan oleh sesebuah negara moden. Ini tidaklah bermakna bahawa sebelum ini tidak ada negara kerana sebelum dunia memasuki era pemodenan, telah wujud negara di beberapa bahagian di dunia ini yang berasaskan kepada sesuatu tamadun yang telah berkembang. Akan tetapi ia tidak dikenali sebagai negara sebaliknya dikenali sebagai kerajaan atau empayar seperti kerajaan Majapahit dan Mataram di dunia sebelah sini dan kerajaan Yunani dan empayar Rom di Eropah. Kewujudan dan perjalanan pemerintahan kerajaan-kerajaan berkenaan adalah berbeza daripada negara-negara baru yang muncul dalam era dunia moden. Beberapa konsep dan falsafah negara juga telah berubah seiring dengan peredaran zaman. Antaranya yang paling jelas ialah wujudnya sebuah negara yang bersifat negara-bangsa (*Nation-State*) dalam zaman moden ini. Namun begitu tidak dapat dipastikan dengan tepat bilakah perkataan negara digunakan bagi menggantikan perkataan kerajaan. Barangkali perkataan itu digunakan serentak dengan kejatuhan atau kelenyapan empayar-empayar tersebut.

Definisi Negara

Sebelum dunia memasuki era Zaman Modern, perkataan negara tidak digunapakai bagi sesebuah pentadbiran politik di satu-satu kawasan. Sebaliknya perkataan kerajaan yang berasal daripada perkataan dasar raja sering digunakan. Sebab itulah pada zaman-zaman sebelumnya kita lebih kenal dengan nama-nama seperti Kerajaan Majapahit, Kerajaan Ayuthia, Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka, Kerajaan Byzantium, Kerajaan Rom dan sebagainya. Hanya setelah zaman moden bermula barulah perkataan negara digunakan yang sedikit sebanyak berbeza konotasinya dengan perkataan kerajaan.

Perkataan negara (*state*) berasal daripada bahasa Latin *stare* yang bermaksud berdiri, tetapi lebih dirujuk daripada perkataan *status* yang bererti pendirian atau keadaan.¹ Daripada perkataan inilah munculnya perkataan *state* yakni negara, sesuai dengan keadaan sesebuah negara yang berdiri sendiri tanpa campurtangan daripada pihak luar. Negara (*state*) telah didefinisikan kepada berbagai-bagai pengertian mengikut perspektif yang berlainan atau mengikut kepentingan masing-masing. Bagi mereka yang menekankan tentang kelas masyarakat, mereka memberikan pengertian negara sebagai sebuah organisasi kelas dalam sesuatu masyarakat yang menguasai kelas yang lain dalam masyarakat yang sama. Mereka yang menekankan tentang kuasa pula, mendefinisikan negara sebagai sebuah sistem kuasa, atau sebagai sebuah struktur binaan undang-undang.² Begitulah halnya dengan pengertian-pengertian lain yang diberikan. Namun begitu, bagi kita dalam pelajaran ini, kita akan mencari satu definisi negara yang lebih umum dan sesuai dalam semua keadaan, tanpa penekanan kepada aspek-aspek tertentu tetapi tentu sekali ia berkaitan dengan politik. Dari aspek politik juga, negara telah didefinisikan dengan berbagai-bagai pengertian oleh ahli-ahli sains politik. Kita tidak akan membincangkan definisi-definisi itu, cukup sekadar memetik definisi yang difikirkan paling sesuai untuk digunakan di sepanjang kursus ini.

Jika kita merujuk pula kepada pengertian negara (*state*) yang diberikan oleh *Kamus Dewan*, negara bermaksud 'suatu masyarakat politik yang berorganisasi dengan jentera kerajaannya' atau 'wilayah di mana wujud masyarakat politik

yang berorganisasi dengan jentera kerajaannya'. Ternyata definisi-definisi atau makna-makna ini menjurus kepada bidang politik, tetapi ia agak singkat dan tidak menyeluruh dalam ertikata negara yang sebenarnya.

Di dalam banyak-banyak definisi yang telah diberikan oleh ahli-ahli Sains Politik, definisi yang telah diberikan oleh seorang ahli sains politik terkenal iaitu Karl W. Deutsch adalah dianggap paling baik. Dia mendefinisikan bahawa;³

Negara ialah satu jentera yang tersusun untuk membuat dan menjalankan keputusan-keputusan politik dan untuk menguatkuasakan undang-undang dan peraturan-peraturan sesuatu kerajaan.

Deutsch juga memberikan definisi lain bagi negara tetapi tidak begitu jauh berbeza dengan yang diberikan di atas iaitu;⁴

Negara ialah satu organisasi untuk menguatkuasakan keputusan-keputusan dan perintah-perintah, yang dimudahkan oleh wujudnya tabii menurut di kalangan penduduk-penduduknya.

Kedua-dua definisi oleh Deutsch ini mencakupi hal-hal politik yang berkaitan dengan sesebuah negara seperti jentera pentadbiran dan penguatkuasaan undang-undang sesebuah kerajaan. Dalam penjelasan selanjutnya, ia juga menekankan tentang kebebasan sesebuah negara itu untuk menjalankan dasar dan undang-undang ke atas rakyatnya tanpa ada gangguan daripada kuasa dan orang luar. Dengan perkataan lain, sesebuah negara adalah sebuah kerajaan yang mempunyai jentera pentadbirannya yang tersendiri berdasarkan undang-undang dan peraturan yang telah digubal dan dilaksanakan terhadap rakyat negara berkenaan yang dikenalpasti mempunyai tabii untuk mematuhi apa-apa peraturan yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Secara tidak langsung, apabila kita membicarakan tentang negara, kita akan menyentuh pula berkenaan dengan kerajaan (*government*) kerana kedua-dua negara dan kerajaan adalah elemen yang penting dan saling berkait rapat antara satu dengan yang lain. Kerajaan secara amnya boleh diertikan sebagai sebuah

badan yang memegang kuasa dan pemerintahan dalam sesebuah negara. Badan ini terdiri daripada sebahagian daripada rakyat yang diberi mandat untuk menggubal undang-undang negara yang biasanya termaktub dalam apa yang dinamakan sebagai perlembagaan, dan melaksanakan undang-undang tersebut. Boleh dikatakan bahawa tanpa negara, tiadalah kerajaan dan begitulah sebaliknya. Walaupun begitu tidaklah pula kita boleh menganggap yang negara adalah kerajaan dan kerajaan adalah negara. Ini adalah kerana kedua-duanya mempunyai pengertian yang berlainan.⁵

Teori Asal-Usul Negara

Daripada manakah asalnya sebuah negara dan bilakah ianya mula muncul dalam sejarah hidup manusia? Ini adalah antara soalan-soalan penting yang muncul apabila kita membincangkan tentang negara. Persoalan ini telah mendorong pemikir-pemikir politik seperti Aristotle, Ibn Khaldun, Thomas Hobbes, John Locke, Rousseau dan ramai lagi, mengemukakan berbagai-bagai teori mengikut pandangan masing-masing berkenaan dengan asal-usul sesebuah negara dan sebab sesebuah negara itu wujud. Ada yang mengaitkan teori-teori mereka itu dengan agama, dengan alam semula jadi dan faktor sosial. Terdapat berbagai-bagai teori tetapi dalam pelajaran ini kita hanya akan membincangkan empat teori yang terkenal iaitu teori ketuhanan, teori paksaan, teori semulajadi dan teori kontrak sosial.⁶

1. Teori Ketuhanan

Teori ini mempunyai kaitan yang rapat dengan kepercayaan ketuhanan. Ia berdasarkan kepada tiga pernyataan. Pertamanya, negara terbentuk selaras dengan perintah Tuhan, keduanya pemimpin-pemimpin negara telah dilantik atau ditentukan haknya oleh tuhan dan ketiganya mereka hanya bertanggung jawab kepada tuhan dan tidak kepada kuasa-kuasa lain.⁷ Daripada tiga pernyataan yang telah disebutkan itu, jelaslah bahawa pembentukan negara adalah sesuatu yang telah disuratkan atau ditakdirkan atas perintah Tuhan dengan wakil yang telah dipilih sebagai pemimpin sesebuah negara. Teori ini menjadi asas kepada pembentukan negara sebelum zaman moden. Teori ini juga nampaknya seolah-olah mensahihkan kewujudan kerajaan-kerajaan besar yang diperintah oleh golongan raja secara mutlak

suatu ketika dahulu. Tambahan pula teori ini dikukuhkan lagi dengan catatan-catatan yang terdapat dalam kitab-kitab agama Kristian dan Hindu mengenai kewajipan bernegara.⁸ Maka tidak hairanlah jika kita perhatikan bahawa kerajaan-kerajaan besar yang wujud pada zaman silam dikuasai oleh golongan keluarga diraja secara warisan, misalnya Kerajaan Rom dan Yunani di Eropah dan Kerajaan Srivijaya dan Majapahit di Asia Tenggara.

2. Teori Paksaan

Teori ini memperlihatkan pengaruh agama, khususnya agama Kristian. Teori ini berasaskan kepada dosa pertama yang didakwa telah dilakukan oleh manusia pertama iaitu Nabi Adam a.s. Ini adalah satu kepercayaan lama dalam agama Kristian. Dosa pertama itu berkaitan dengan kisah Nabi Adam a.s. yang melanggar larangan tuhan daripada memakan buah khuldi ketika dalam syurga. Sebagai hukuman daripada dosa pertama itu, tuhan telah memaksa diwujudkan sebuah negara di dunia ini untuk manusia. Oleh yang demikian, untuk mewujudkan sebuah negara, golongan yang kuat akan cuba membentuk sebuah negara menerusi peperangan dan penaklukan ke atas satu-satu kawasan. Proses ini berterusan sehingga sesebuah negara yang kuat terbentuk. Negara yang kecil dan lemah akan menjadi mangsa negara yang kuat dan besar. Contoh negara yang muncul melalui proses ini ialah England pada abad ke 9.⁹

3. Teori Semulajadi

Mengikut teori yang dikemukakan oleh Aristotle dan diperkembangkan oleh Ibn Khaldun ini, asal-usul negara adalah selaras dengan sifat manusia yang dikelaskan sebagai 'haiwan bermasyarakat' (*social animals*). Sesuai dengan sifat semulajadinya yang cenderung untuk bermasyarakat, maka negara adalah satu keperluan ke arah itu. Oleh yang demikian, secara semulajadi negara terbentuk untuk memenuhi keperluan bermasyarakat dalam hidup manusia. Dengan perkataan lain, manusia memang secara semulajadi tidak gemar hidup bersendirian sebaliknya cenderung ke arah hidup berkelompok-kelompok dalam satu kumpulan yang akhirnya secara evolusi melahirkan sebuah negara. Ia akan bermula dengan satu kumpulan kecil manusia di mana mereka akan melantik seorang ketua untuk mewakili mereka. Dari sini ia akan berkembang dan mewujudkan sebuah negara.

4. Teori Kontrak Sosial

Satu lagi teori asal usul negara dikenali sebagai teori kontrak sosial. Teori ini telah diperkenalkan sejak lama dahulu iaitu semasa Zaman Pertengahan. Walau bagaimanapun teori ini mengalami perubahan dengan peredaran masa.

Teori kenegaraan ini dinamakan teori kontrak sosial atau teori perjanjian sosial kerana ia melibatkan perjanjian atau kontrak manusia sebagai individu yang bebas untuk menyerahkan kebebasan peribadi itu kepada suatu institusi pemerintah yang telah dipersetujui bersama. Institusi pemerintah ini mempunyai kuasa memerintah yang telah diambil alih daripada individu-individu yang lain. Mengikut teori ini, manusia sebagai haiwan sosial memang cenderung kepada hidup bernegara, tetapi mereka sedar, tidak mungkin wujud negara jika tiada pemimpin yang diamanahkan untuk memerintah mereka. Jadi dalam kes ini, manusia bersetuju untuk membuat satu perjanjian atau kontrak bagi membolehkan orang yang terpilih memerintah mereka dalam sebuah negara dan menggubal peraturan-peraturan yang sesuai untuk dipatuhi oleh mereka semua.



SOALAN DALAM TEKS

- 1 Sebagai satu aktiviti, cuba anda berikan contoh yang sesuai untuk menggambarkan berlakunya teori kontrak sosial dalam pembinaan/pembentukan sesebuah negara.



Bandingkan jawapan anda dengan jawapan yang terdapat pada akhir pelajaran ini.

Kebanyakan teori asal-usul negara ini mengalami perubahan sejajar dengan peredaran zaman walaupun dasar teorinya tidak berubah. Misalnya bagi teori ketuhanan, kedaulatan dan hak memerintah kepada golongan diraja telah berubah kepada kedaulatan dan hak memerintah oleh rakyat sendiri apabila dunia beralih ke zaman Renaissance. Begitu juga pada teori-teori yang lain. Namun begitu, teori yang paling mendapat perhatian ialah teori kontrak sosial atau dikenali juga sebagai teori perjanjian sosial. Justeru itu lahirlah pemikir-pemikir politik yang sering

memperkukuhkan lagi teori ini mengikut pendapat mereka. Antara mereka ialah Thomas Hobbes, John Locke dan Rousseau. Barangkali teori kontrak sosial dianggap lebih tepat dan munasabah untuk membincangkan tentang asal usul sesebuah negara berbanding teori-teori yang lain, kerana ianya dapat menunjukkan kepentingan penubuhan negara bagi manusia.

Pembentukan Negara Moden

Bilakah dunia ini memasuki era zaman moden dan negara manakah yang mula-mula muncul sebagai sebuah negara moden yang mendokong prinsip dan ciri-ciri kemodenan? Ramai sarjana mengiktiraf bahawa peristiwa Revolusi Perancis pada abad ke-18 adalah titik pemisah antara dunia zaman tradisi dengan dunia zaman moden kerana lahirnya beberapa konsep dan fenomena baru yang begitu asing sebelum itu. Jadi secara tidak langsung, Perancis diiktiraf sebagai negara moden pertama. Antara konsep dan falsafah baru yang muncul itu ialah konsep kedaulatan rakyat dalam sesebuah negara dan semangat nasionalisme iaitu semangat yang mementingkan bangsa dan penubuhan sebuah negara-bangsa. Sistem pemerintahan bercorak sekularisme diperkenalkan iaitu yang memisahkan urusan-urusan keagamaan daripada hal-hal politik dan pentadbiran apabila kekuasaan gereja ke atas kerajaan diketepikan dalam Revolusi tersebut. Corak ini kemudiannya menjadi ikutan negara-negara moden lainnya. Sehubungan dengan itu negara-negara yang dahulunya diperintah dengan sistem pemerintahan tradisional umumnya sistem pemerintahan beraja mutlak, mula menerima unsur-unsur pemodenan apabila diruntuhkan sistem pemerintahan lama itu dan digantikan dengan sistem baru.

Negara moden umumnya berdiri di atas keruntuhan sistem politik tradisi lama. Apakah perubahan-perubahan yang terdapat dalam sesebuah negara moden berbanding dengan negara sebelumnya? Yang paling jelas ialah dari segi kekuasaan pemerintah. Pemerintahan bercorak feudal dengan raja-raja yang memerintah secara mutlak digantikan dengan institusi-institusi kerajaan yang menjalankan pentadbiran yang memisahkan antara sektor awam dan peribadi secara jelas. Tidak wujud lagi satu-satu golongan tertentu yang mewarisi atau memiliki kerajaan dan kuasa secara mutlak dan turun temurun. Raja-raja yang walaupun masih wujud hanyalah bertindak atau berfungsi sebagai lambang negara

dengan bidang kuasa yang sangat terbatas. Ketika ini, hal ehwal raja telah dipisahkan daripada hal ehwal kerajaan. Kuasa kerajaan menjadi lebih besar dan luas meliputi kesemua aspek sosial dan ekonomi dan melewati kesemua kawasan yang ada penduduk di dalam kawasan negara tersebut. Walau bagaimanapun dalam zaman moden ini, masih wujud negara yang mengamalkan sistem pemerintahan beraja mutlak seperti Brunei, Kuwait dan Arab Saudi.

Dalam sejarah pembentukan negara-negara moden, terdapat beberapa bentuk atau cara sesebuah negara moden itu muncul. Ia tidaklah muncul semata-mata akibat kebangkitan rakyat menentang kekuasaan mutlak raja seperti yang berlaku dalam peristiwa Revolusi Perancis pada 1789 dan Revolusi Rusia 1917. Negara baru boleh terbentuk akibat perpisahan mahupun penyatuan negara-negara lama.¹⁰ Sebagai contoh, penyatuan antara England dan Scotland membentuk negara Great Britain dan yang terbaru, penyatuan Jerman Timur dengan Jerman Barat telah membentuk negara Jerman. Norway dan Sweden yang dahulunya bersatu kini menjadi negara-negara yang berasingan begitu juga dengan Belgium dan Belanda. Ada negara yang muncul secara aman dan ada pula yang muncul akibat peperangan yang berlaku. Misalnya, peperangan-peperangan yang berlaku di antara empayar-empayar yang besar menyebabkan perpecahan di dalam empayar tersebut dan negara-negara kecil bertindak keluar dan memerdekakan diri mereka lalu membentuk sebuah negara baru yang bebas. Contoh yang tepat yang menggambarkan situasi ini ialah dengan kehancuran empayar Austro-Hungary, muncul negara-negara kecil Eropah Timur. Begitu juga apabila berlakunya keruntuhan empayar Turki-Othmaniyah pada tahun 1929 muncullah negara-negara seperti Mesir dan Turki sebagai negara-negara Republik. Contoh yang terkini ialah apabila munculnya negara-negara Balkan seperti Bosnia Herzegovina, Croatia dan Serbia akibat runtuhnya negara Yugoslavia.

Negara baru juga boleh muncul akibat daripada kemerdekaan sesebuah negara yang pernah dijajah oleh kuasa-kuasa besar yang bertindak sebagai kuasa kolonial, sama ada melalui proses di meja rundingan ataupun pemberontakan dan revolusi. Kebanyakan negara yang terbentuk akibat kolonialisme ini ialah negara-negara di Asia, Afrika dan Amerika Selatan yang pernah dijajah. Contoh terbaik ialah negara kita Malaysia. Negara-negara yang muncul selepas bebas daripada cengkaman penjajah, diambilkira sebagai satu dari cara pembentukan negara moden kerana, biasanya corak

dan sifat negara itu berbeza antara sebelum dijajah dengan selepas mencapai kemerdekaan. Ia berbeza sama ada dalam aspek struktur pemerintahan struktur masyarakat mahupun keluasan kawasannya. Malaysia, yang menjadi tumpuan kursus ini, sebelum dijajah oleh orang-orang Inggeris adalah terdiri daripada beberapa negeri yang diperintah secara bersingan oleh sultan masing-masing. Namun kini Malaysia telah jauh berubah, ia berdiri atas ikatan kukuh negeri-negeri berkenaan setelah melalui pelbagai proses politik dalam era penjajahan.

Dikatakan bahawa negara-negara baru yang terbentuk melalui kemerdekaan ini adalah antara negara yang menghadapi paling banyak masalah dalam proses membentuk negara baru akibat dasar-dasar kolonial yang masih diwarisi. Oleh yang demikian tidak hairanlah jika kita lihat bahawa negara Malaysia sebagai sebuah negara baru menghadapi banyak masalah. Masalah timbul ketika di awal pembentukannya berterusan sehingga ke hari ini, tidak putus-putus, ditambah lagi dengan keadaan negara yang mempunyai penduduknya yang terdiri daripada berbilang kaum, budaya dan agama. Ini akan kita ikuti bersama-sama dalam pelajaran-pelajaran yang akan datang.



SOALAN DALAM TEKS

- Bolehkah anda fikirkan mengapa negara-negara baru yang muncul akibat penjajahan sesebuah negara lain akan banyak menghadapi masalah? Jawapan ini amat berguna apabila kita menyorot tentang kemunculan Malaysia sebagai sebuah negara moden dan cabaran atau masalah yang dihadapinya selepas merdeka.



Bandingkan jawapan anda dengan jawapan yang terdapat pada akhir pelajaran ini.

Seperti yang telah disebutkan sebelum ini, kemunculan negara baru dalam era dunia moden adalah selaras dengan perkembangan minda manusia yang menonjolkan idea-idea dan pemikiran yang baru. Maka dengan itu, negara-negara moden yang muncul akan berpegang kepada idea-idea berkenaan dan berdiri di atas konsep yang tertentu kerana ideologi-ideologi berkenaan mengiktiraf

kewujudan negara. Akibatnya muncullah berbagai bentuk atau jenis negara moden. Antara yang paling popular ialah negara yang mengamalkan prinsip negara demokrasi liberal dan negara yang berasaskan ideologi komunis. Terdapat juga negara yang masih mengamalkan sistem pemerintahan beraja mutlak tetapi menyerapkan unsur-unsur pemodenan. Tidak harus dilupakan di sini ialah negara Islam. Tetapi perlu dijelaskan bahawa, negara Islam muncul bukanlah bersabit dengan perkembangan minda manusia tetapi muncul setelah turunnya wahyu kepada pesuruh Allah, Nabi Muhammad s.a.w. Jadi, sesebuah negara Islam yang tulen tidak berjalan atas ideologi pemikiran manusia tetapi berjalan atas prinsip wahyu yang diturunkan dan diperkemas struktur pentadbirannya oleh kebijaksanaan Khalifah-khalifahnyanya.

Negara demokrasi liberal muncul di atas perjuangan berasaskan kedaulatan rakyat. Umumnya, ada dua jenis atau corak pemerintahan negara demokrasi iaitu sistem Parlimen dan Raja Berperlembagaan dan sistem Republik. Sistem Parlimen Raja Berperlembagaan adalah sistem pemerintahan yang masih mengekalkan raja-raja sebagai pemerintah tertinggi. Namun begitu pada dasarnya, kuasa terletak pada tangan seorang Perdana Menteri dan barisan kabinetnya. Raja hanyalah lambang negara dan perpaduan rakyat semata-mata dengan sedikit kuasa yang diberi. Terdapat banyak negara yang memilih sistem politik ini. Antaranya termasuklah negara kita Malaysia, Britain, Thailand dan beberapa buah negara lain. Rata-ratanya negara itu adalah negara yang pernah mengamalkan sistem beraja mutlak. Republik pula ialah negara demokrasi yang tidak mempunyai raja, sebaliknya ia diketuai oleh seorang Presiden yang mempunyai kuasa yang besar. Negara republik demokrasi adalah seperti Amerika Syarikat, Singapura, Perancis dan Itali. Ada antara negara ini yang suatu ketika dulu mengamalkan sistem pemerintahan beraja mutlak seperti Perancis. Akan tetapi kebangkitan rakyat telah melenyapkannya terus. Selaras dengan pengiktirafan terhadap kedaulatan rakyat, negara demokrasi memberi peluang kepada rakyatnya untuk memilih pemimpin-pemimpin mereka dari kalangan mereka sendiri melalui pilihanraya-pilihanraya yang diadakan beberapa tahun sekali. Ini adalah bertujuan untuk mendapatkan persetujuan dan pengesahan daripada rakyat untuk seseorang itu menjadi pemimpin.

Negara komunis adalah negara yang berpegang kepada ideologi komunis yang dipelopori oleh tokoh terkenal Karl Marx

dan diubahsuai oleh mereka yang kagum dengan ideologi ini seperti Lenin. Sistem politik dalam sesebuah negara komunis berasaskan kepada sistem satu parti yang memerintah. Pemimpin-pemimpin parti berkenaan menjalankan urusan pentadbiran negara. Tidak wujud parti pembangkang. Sehubungan dengan itu, lazimnya pilihanraya tidak diadakan. Jika adapun hanya untuk memilih pemimpin peringkat tertinggi parti yang sekaligus menjadi pemimpin tertinggi sesebuah negara itu seperti yang diamalkan di negara Russia. Monopoli kuasa parti berkenaan merangkumi soal ekonomi apabila mereka memiliknegerakan semua sumber ekonomi atas hasrat untuk mewujudkan agihan kekayaan yang adil bagi semua rakyatnya. Antara contoh negara komunis adalah Republik Rakyat China, Korea Utara dan Cuba. Sesuai dengan prinsip yang dipegang, negara-negara komunis tidak mempunyai raja meskipun suatu ketika dahulu negara-negara ini mempunyai raja seperti negara China dan Russia. Rakyat dalam sesebuah negara komunis biasanya diabaikan hak-hak asasi mereka, malah kebebasan mereka sebagai individu juga terjejas.

Negara Islam yang berpegang kepada prinsip Islam sebagai *Ad-din*, merealisasikan hukum-hukum Islam yang termaktub dalam kitab *Al-Quranul al-Karim*. Negara Islam adalah negara yang unik dan lain dari yang lain biarpun ada pihak yang sering mengkaitkannya dengan prinsip demokrasi liberal. Pemerintah tertinggi dipanggil khalifah atau disebut juga *Amirul Mukminin* iaitu ketua orang-orang beriman. Dari sudut sejarah, negara Islam pertama ialah negara Madinah yang diketuai oleh Nabi Muhammad s.a.w. dan kemudiannya digantikan oleh 4 orang sahabat baginda, Khulafak Ar-Rasyidin (khalifah-khalifah yang bijak). Berakhirnya pemerintahan *Khulafak Ar Rasyidin*, negara dikuasai pula oleh kaum keluarga Bani Umayyah yang membawa kepada sistem pemerintahan monarki. Dalam sesebuah negara Islam, rakyatnya berhak membuat teguran malah menurunkan pemimpinnya yang didapati tidak menjalankan tugasnya dengan adil. Hari ini, kewujudan sebuah negara Islam tulen diragukan walaupun ada pihak yang mendakwa bahawa negaranya negara Islam. Ada yang menyifatkan Iran sebagai negara Islam tulen masa ini. Anda boleh menilainya sendiri berlandaskan konsep negara Islam yang sebenarnya. Anda tidak boleh terkeliru antara negara Islam dengan negara orang Islam. Bagi mereka yang mendakwa negara mereka negara Islam kerana penduduknya rata-ratanya orang Islam, tetapi negara itu tidak menjalankan hukum-hukum Islam, adalah lebih sesuai negara itu dipanggil negara orang-orang Islam sahaja.



SOALAN DALAM TEKS

- 3 Dapatkah anda kesan perbezaan-perbezaan yang terdapat antara sistem pemerintahan komunis dengan sistem pemerintahan Islam setakat ini? Jelaskan perbezaan-perbezaan tersebut.



Bandingkan jawapan anda dengan jawapan yang terdapat pada akhir pelajaran ini.

Kemunculan negara baru yang mendukung nilai-nilai moden seringkali dikaitkan dengan penggantian sistem politik tradisi oleh sistem politik baru sama ada bercorak sistem demokrasi liberal ataupun sistem komunis seperti yang pernah disebutkan sebelum ini. Dan seperti yang telah disebutkan juga sebelum ini bahawa masih ada negara yang mengamalkan sistem yang mirip kepada sistem politik tradisi. Sistem yang dimaksudkan itu ialah sistem beraja monarki mutlak. Antara negara yang masih mengamalkan sistem serupa ini ialah Arab Saudi, Kuwait, Jordan dan Brunei. Dalam sistem ini keluarga diraja memonopoli tampok pemerintahan dan sistem pilihanraya tidak mendapat tempat. Oleh yang demikian tanggapan umum yang disebutkan sebelum ini ada kekecualiannya. Bagaimanapun kebanyakan negara seperti ini tetap menerapkan unsur-unsur pemodenan dalam urusan pentadbiran mereka seperti mewujudkan sistem birokrasi. Wujudnya negara-negara seperti ini barangkali kerana mereka masih mahu mengekalkan sistem warisan silam dalam dunia serba mencabar ini. Didapati setakat ini mereka dan sistem yang diamalkan masih mampu bertahan.

Ciri-ciri Sebuah Negara Moden

Anda telah dijelaskan dengan pembentukan sebuah negara baru atau moden bersama sifat-sifat pentingnya yang menggantikan sistem lama dan ideologi atau sistem politik yang mencorakkan sesebuah negara itu. Sesebuah negara moden mempunyai ciri-cirinya yang tertentu yang membezakannya daripada negara-negara pada zaman tradisi dahulu. Ciri-ciri itu ialah, pertamanya *identiti ruang*, *keduanya kedaulatan*, *ketiganya rakyat dan keempatnya kerajaan*.

Ciri yang pertama iaitu identiti ruang, adalah ciri asas kerana setiap negara mempunyai identiti ruangnya yang tersendiri dengan garisan sempadan yang telah diakui dunia. Biasanya, dalam sesebuah negara moden, ia mempunyai daerah-daerah atau negeri yang tertentu dengan sempadan yang telah ditetapkan. Contohnya Malaysia yang mempunyai 14 negeri. Identiti ruangnya telah ditentukan dan diiktiraf serta tidak boleh dikurang atau ditambah. Negara-negara lain tidak berhak untuk melanggar had sempadan sesebuah negara lain. Jika perkara ini berlaku maka ianya dianggap sebagai satu pencerobohan dan boleh mengakibatkan peperangan antara negara yang terbabit. Jika ini berlaku maka negara berkenaan telah mencabul kedaulatan negara yang diserang yang juga merupakan satu lagi ciri negara moden.

Berbanding dalam sistem kerajaan lama, sesebuah kerajaan itu tidak mempunyai identiti ruang yang tertentu. Ruang atau luas kawasan sesebuah kerajaan itu bergantung kepada lemah atau kuatnya pemerintah atau raja-rajanya. Jika kerajaannya kuat ia akan cenderung untuk meluaskan jajahan takluknya dengan menawan kawasan sekitarnya. Sebaliknya jika ia lemah, kawasan sekitar atau kerajaan-kerajaan kecil yang dijajahnya akan memerdekakan diri atau ditawan pula oleh kerajaan yang lain. Ini menunjukkan bahawa ruang dan garis sempadannya kerajaannya boleh berubah-ubah.

Kedaulatan, ciri kedua bagi sebuah negara moden merupakan ciri terpenting bagi menentukan kebebasan dan kemerdekaan sesebuah negara. Kedaulatan juga mencerminkan kekuasaan sesebuah negara itu dalam negaranya sendiri. Kedaulatan ini juga penting untuk memastikan bahawa sesebuah negara itu bebas daripada kawalan kuasa luar atau dijajah terus oleh negara lain. Selepas Perang Dunia ke 2, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dibentuk untuk memastikan bahawa pencerobohan negara lain ke atas kedaulatan negara yang lain tidak akan berlaku, walaupun keberkesanan peranannya dewasa ini sering dipertikaikan. Ini berbeza dengan keadaan pada zaman silam apabila kedaulatan hanya tertumpu pada raja-raja yang memerintah dan berasaskan kepada kekuatan sesebuah kerajaan itu.

Setiap negara mempunyai rakyat yang tertakluk kepada perundangan yang telah dirangka dan digubal oleh kerajaan masing-masing, yang merupakan ciri yang ketiga. Rakyat juga bertanggungjawab terhadap keselamatan dan kedaulatan negara yang melambangkan juga kedaulatan rakyat itu sendiri. Rakyat

sebuah negara biasanya akan membentuk satu identiti bangsa mereka yang tersendiri yang melambang identiti negara. Dari sini muncullah istilah yang disebutkan sebagai negara-bangsa. Kepentingan rakyat jelas dengan kata-kata bahawa rakyat adalah tiang negara. Tanpa rakyat tidak wujudlah sebuah negara itu. Bezanya antara zaman tradisi dengan zaman moden, rakyat dalam negara moden mempunyai hak-hak mereka sebagai rakyat atau warganegara yang mesti dihormati oleh pemerintah. Misalnya hak untuk bergiat dalam politik, ekonomi, pendidikan dan lain-lain lagi. Rakyat sebuah negara juga dituntut supaya menumpahkan taat setia mereka hanya kepada negaranya dan tidak boleh dengan sewenang-wenangnya menukar kerakyatan atau menjadi rakyat negara lain.

Kerajaan adalah satu badan yang perlu dalam pembinaan sebuah negara. Kerajaan bertanggungjawab dalam urusan pentadbiran rakyatnya, mewujudkan keamanan dan mempertahankan kedaulatan negaranya serta membuat perhubungan antarabangsa dengan negara-negara lain. Seperti yang telah disebutkan sebelum ini, tanpa negara tiadalah kerajaan dan tanpa kerajaan tiadalah negara. Kerajaan, yang terdiri daripada sekelompok rakyat yang telah dipertanggungjawabkan untuk mentadbir negara merupakan ciri yang berkaitan dengan prinsip kedaulatan rakyat. Pada zaman silam istilah kerajaan memberi maksud yang berlainan.

Sebenarnya, keempat-empat ciri tersebut saling kait mengait antara satu dengan yang lain. Kewujudan ciri-ciri inilah yang telah membawa kepada pembentukan sebuah negara moden yang merdeka dan berdaulat. Apabila sesuatu ciri itu tergugat maka tergugat jugalah ciri-ciri yang lain. Misalnya, jika identiti ruang sebuah negara itu dicerobohi oleh sesuatu pihak maka dengan sendirinya ia bermakna kedaulatannya juga telah dicabul. Meskipun jika dilihat sekali imbas, keempat-empat ciri ini juga dimiliki oleh kerajaan-kerajaan besar sebelum ini tetapi wujud perbezaan dari segi situasi, peranan dan masa. Misalnya kerajaan-kerajaan dahulu kala juga mempunyai ruang tetapi tiada identitinya yang tersendiri lantaran ruangnya boleh berubah mengikut masa. Begitu juga dengan rakyat. Ia bergantung kepada kerajaan atau kuasa mana yang memerintah mereka.

RUMUSAN

Peredaran masa memungkinkan kemunculan perkara-perkara atau ide-ide baru, seiring dengan kematangan pemikiran manusia. Bersangkutan dengan hakikat itu muncullah apa yang dikatakan sebagai negara moden yang berlainan sama sekali dengan kerajaan-kerajaan atau empayar-empayar pada zaman silam. Kelainan ini bukan saja terletak pada nama; dahulu dinamakan sebagai kerajaan atau empayar dan sekarang disebut negara, tetapi juga dari segi prinsip-prinsip yang dipegang, corak atau sistem politik yang diamalkan dan identiti yang dimiliki oleh negara-negara baru. Ringkasnya negara baru muncul dengan mendukung nilai-nilai yang baru juga.

Kemunculan negara-negara baru melalui pelbagai cara atau proses. Kebanyakannya memperjuangkan kedaulatan rakyat dan hak-hak rakyat yang mesti diutamakan oleh kerajaan yang memerintah. Dengan itu tersingkirah monopoli raja dan keluarga mereka daripada puncak kekuasaan. Sejarah membuktikan dengan kejatuhan keluarga diraja Louis di Perancis dan keluarga diraja Tzar di Russia. Di negara kita sendiri biarpun raja-raja masih kekal di atas singgahsana tetapi kuasa sebenarnya terletak pada segelintir rakyat yang dipilih untuk menduduki kerusi kerajaan.



SOALAN PENILAIAN KENDIRI

Uji kefahaman anda dengan menjawab soalan-soalan berikut:

1. Berikan definisi negara dan huraikan maksudnya.
2. Bincangkan proses-proses pembentukan sesebuah negara moden dengan contoh-contohnya.
3. Huraikan dengan jelas ciri-ciri yang terkandung dalam sesebuah negara moden.
4. Jelaskan melalui proses manakah negara Malaysia terbentuk sebagai sebuah negara moden?



PENYELESAIAN SOALAN DALAM TEKS

1. Contoh yang paling baik bagi teori kontrak sosial ini ialah Perjanjian Madinah yang telah dibuat di antara Nabi Muhammad s.a.w dengan orang-orang Islam di Madinah yang membawa kepada termetrinya Perlembagaan Madinah. Hasil daripada perlembagaan ini, terbentuklah sebuah negara Islam pertama iaitu Madinah. Jelas dalam perjanjian ini, umat Islam ketika itu telah bersetuju menyerahkan kuasa pemerintahan kepada Nabi Muhammad s.a.w. yang dilantik sebagai ketua negara. Teori kontrak sosial yang boleh dikatakan bermula pada zaman Nabi Muhammad s.a.w., (walaupun ianya tidak dikenali sebagai teori kontrak sosial pada masa itu) telah diperkenalkan dan diperkemas lagi oleh ahli-ahli teori demokratik Eropah. Antara mereka termasuklah Thomas Hubbes, John Locke dan terutamanya oleh Rousseau yang menamakannya sebagai teori kontrak sosial dengan memberi penekanan kepada kedaulatan rakyat.

2. (Jawapan kepada soalan ini bergantung kepada hasil pemikiran pelajar-pelajar sendiri. Jawapan yang diberikan di bawah ini hanyalah sebagai contoh dan jawapan para pelajar tidak harus terikat dengannya.)

Sesebuah negara yang muncul setelah mendapat taraf pemerintahan sendiri daripada negara yang menjajahnya dahulu merupakan negara yang akan menghadapi banyak masalah. Antara perkara yang boleh difikirkan menjadi punca kepada timbulnya masalah-masalah tersebut adalah perkara yang berkaitan dengan dasar-dasar yang telah dijalankan oleh penjajah sebelum ini. Dasar-dasar penjajah mungkin telah mengubah keseluruhan struktur pentadbiran mahupun masyarakat negara berkenaan. Oleh yang demikian apabila negara muda dan baru itu ditadbir oleh pemimpin-pemimpin tempatan yang belum begitu banyak pengalaman dalam bidang politik dan pentadbiran, akan mengambil masa untuk menyesuaikan dasar-dasarnya dengan keadaan yang telah sedia. Masalah akan timbul apabila dasar-dasar mereka itu bertentangan dengan keadaan yang sedia ada dan rakyat tidak bersedia untuk menerimanya. Kemungkinan adalah besar bagi penduduk-penduduknya yang telah biasa dengan sistem dasar pentadbiran penjajah akan merasa tidak puas hati dengan dasar atau sistem kerajaan baru berkenaan. Apabila ini berlaku akan timbullah masalah antara kerajaan baru itu dengan rakyatnya.

Sebab lain yang mungkin juga boleh difikirkan ialah munculnya pihak-pihak tertentu yang ingin mengambil kesempatan menggugat kerajaan yang baru dibina selepas merdeka. Dengan kemantapan pengaruh kerajaan yang masih agak longgar, kebarangkalian untuk mereka jatuh adalah mudah jika ia digugat dengan hebat. Jika ini terjadi, ia akan menimbulkan masalah besar kepada negara baru tersebut. Hanya kecekapan kerajaan sahaja yang mampu menangani cabaran ini.

3. Perkara pokok yang membezakan antara sesebuah negara yang berpegang kepada ideologi komunis dengan negara yang mengamalkan Islam sebagai *Ad-din* ialah dari segi kepercayaan. Ideologi komunis menolak kewujudan Tuhan manakala Islam mengakui wujud Tuhan yang maha

berkuasa. Bertitik tolak daripada kepercayaan yang berbeza inilah juga yang telah membentuk atau mempengaruhi sistem pentadbiran masing-masing.

Sesuai dengan kepercayaan wujudnya Tuhan yang memerintah seluruh alam ini, ketua negara bagi sesebuah negara Islam hanya dianggap sebagai orang yang telah diamanahkan untuk mentadbir negara dan rakyat dengan sebaik-baiknya, berpandukan hukum-hukum yang telah diturunkan. Beliau tidak boleh bertindak sesuka hati kerana jika beliau didapati menyeleweng, rakyatnya (orang-orang Islam) boleh menjatuhkan beliau dari puncak kuasanya. Oleh yang demikian, untuk menjalankan kuasa dan dasarnya, seseorang ketua negara dibantu oleh majlis musyawarah yang terdiri daripada para alim ulama. Pengganti ketua negara dilantik hasil daripada keputusan majlis musyawarah ini. Dalam semua aspek kehidupan, dasar-dasar negara Islam tidak boleh lari daripada landasan hukum-hukum Islam. Maka dari segi ekonomi, negara Islam mengiktiraf atau menerima wujudnya perbezaan kaya dan miskin rakyatnya. Namun begitu perbezaan ini diimbangi dengan sistem zakat.

Negara komunis pula meletakkan kekuasaan yang penuh kepada ketua negaranya untuk menjalankan dasar-dasar pemerintahannya dan seterusnya mengawal rakyatnya. Pemimpin-pemimpin negara komunis datangnya daripada ahli parti komunis yang dipilih oleh rakyat. Parti komunis adalah parti tunggal dalam negara, jadi dalam sesebuah negara komunis tidak wujud parti pembangkang. Pemimpin-pemimpin ini mengawal seluruh jentera pentadbiran. Komunis mementingkan masyarakat secara keseluruhannya dari segi kebebasan dan daripada penindasan individu. Oleh yang demikian orang perseorangan tidak mendapat sebarang hak kerana ditakuti akan berlaku penindasan ke atas yang lain. Ini termasuklah hal-hal yang berkaitan dengan harta benda. Oleh kerana ideologinya berasaskan kepada agihan kekayaan yang sama rata, sumber-sumber ekonominya dikawal secara langsung oleh kerajaan atau dimiliki negarakan. Dalam istilah agihan kekayaan yang sama rata, ertinya tiada yang miskin dan tiada yang kaya. Ini sebenarnya untuk mengelakkan wujudnya perbezaan kelas dalam masyarakat yang boleh

mendorong kepada munculnya penindasan sosial. Berbanding rakyat di negara Islam, rakyat di negara komunis tidak berpeluang menegur pemimpin-pemimpin mereka dan tidak bebas untuk bersuara dalam hal-hal politik dan ekonomi.



BAHAN BACAAN

1. Syed Ahmad Hussein, 1994. *Pengantar Sains Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Pusat Pengajian Luar Kampus.
2. Appadurai, A., 1975. *The Substance of Politics*. Madras: Oxford University Press.
3. Mac Iver, R. M., 1966. *The Modern State*. London: Oxford University Press.

NOTA BELAKANG

1. Andrew Vincent, 1987. *Theories of the State* (London: Basil, Blackwell), hal. 16.
2. R. M. Mac Iver, 1966. *The Modern State* (London: Oxford University Press), hal. 3 - 4.
3. Di petik daripada Syed Ahmad Hussein, 1994. *Pengantar Sains Politik* (Kuala Lumpur: DBP & PPLK), hal. 181.
4. Ibid.
5. Lihat perbincangan mengenainya dalam, Dorothy Pickles, 1988. *Pengantar Ilmu Politik*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka) bab. 2.
6. Syed Ahmad Hussein, op. cit. hal. 188 - 189.

7. A. Appadorai, 1975. *The Substance of Politics*. (Madras, Oxford University Press), hal. 30.
8. *Ibid*, hal. 31.
9. *Ibid*, hal. 33.
10. R. M. Mac Iver, *op. cit.* hal. 320.

PELAJARAN 2

PERUBAHAN POLITIK DI BAWAH BRITISH

Objektif Pelajaran

Selepas anda mengikuti keseluruhan pelajaran ini anda diharap boleh:

- Menganalisis** perbezaan pendapat di antara sarjana-sarjana sejarah berkenaan dengan kemunculan Tanah Melayu sebagai sebuah negara "moden" semasa di bawah pemerintahan British.
 - Menghuraikan** perubahan-perubahan politik oleh British semasa mula memerintah negeri-negeri Melayu.
 - Mengenal** pasti aspek-aspek tradisi yang masih terus dikekalkan oleh British.
 - Membincangkan** kesan-kesan yang wujud akibat daripada dasar dan perubahan-perubahan yang dilakukan oleh British terhadap masyarakat Melayu.
-

PENGENALAN

Dalam pelajaran satu yang lepas kita telahpun membahaskan berkenaan dengan konsep negara moden, kemunculan dan ciri-cirinya. Dengan pengetahuan asas tersebut, maka dalam pelajaran ini kita akan membincangkan pula berkenaan dengan kemunculan negara kita Malaysia sebagai sebuah negara moden. Seperti yang telah disebutkan dalam pelajaran yang lalu negara Malaysia termasuk dalam kumpulan negara-negara baru yang muncul selepas mencapai kemerdekaan daripada kuasa penjajah iaitu kerajaan British walaupun ketika itu ia belum dikenali dengan nama Malaysia. Persoalan tentang bila dan bagaimana negara Malaysia memasuki era pemodenan merupakan antara persoalan yang penting dalam membincangkan tentang kemunculan Malaysia sebagai sebuah negara moden. Perkara ini akan kita tinjau dan bincang untuk mencari jawapannya. Jawapan kita itu tidaklah mutlak sifatnya, bergantung kepada tafsiran masing-masing terhadap fakta sejarah yang ada.

Apabila kita membincangkan berkenaan dengan pemodenan negara ini, tidak dapat tidak ianya akan menyentuh peranan kuasa penjajah yang pernah memerintah negara ini untuk beberapa dekad, iaitu British. Ini adalah kerana, mengikut pandangan ahli-ahli sejarah mahupun sarjana dalam bidang sosiologi dan ekonomi, penjajahan sesuatu kuasa besar ke atas sesebuah negeri yang kecil dan lemah, secara tidak langsung membawa perubahan ke arah pemodenan bagi negeri-negeri tersebut. Sejarar dengan kata-kata G.D. Ness bahawa "*The colonial government created the structure of the modern state and the modern government*",¹ ramai yang menekankan kepentingan sumbangan penjajah Inggeris ke arah pemodenan negeri-negeri di Tanah Melayu yang kini bersatu di bawah satu bendera dan satu negara iaitu Malaysia.

Penekanan kepada kuasa British dan tidak kepada Portugis dan Belanda bukanlah menunjukkan kedua-dua kuasa penjajah itu tidak penting tetapi kerana beberapa sebab. Pertama, biarpun Portugis dan Belanda pernah menjadi kuasa kolonial di Tanah Melayu untuk beberapa ratus tahun tetapi jajahan takluknya terhad hanya di Melaka berbanding Inggeris yang berjaya melebarkan pengaruh dan kuasaannya ke semua negeri-negeri di Tanah Melayu. Kedua, Portugis dan Belanda tidak berjaya mengubah struktur politik (kecuali menghilangkan institusi kesultanan di Melaka), ekonomi dan kemasyarakatan Tanah Melayu dan

sehubungan dengan itu kesannya tidak begitu jelas. Oleh yang demikian penyataan G.D.Ness itu lebih tepat ditujukan kepada peranan Inggeris.

Pandangan G.D. Ness ini memang bertepatan dengan pengakuan orang-orang kulit putih yang mendakwa bahawa merekalah yang bertanggungjawab di atas kemaslahatan dan kebajikan bangsa lain - *white man's burden* - yang menjadi salah satu faktor kepada keterlibatan pihak Inggeris ke atas negeri-negeri Melayu sejak tahun 1874. Alasan mereka ialah untuk mengelakkan berlakunya kehancuran dan kemusnahan negeri-negeri Melayu akibat peperangan saudara yang berterusan. Tambahan pula bagi mereka, untuk mencapai kemajuan dalam pelbagai lapangan hidup seperti kemasyarakatan, ekonomi dan politik, bantuan dan tunjuk ajar harus diperolehi daripada orang-orang kulit putih ini kerana mereka memang mempunyai kemampuan yang tidak boleh dipertikaikan lagi.² Persoalannya di sini, adakah pandangan-pandangan seumpama itu cukup tepat untuk meletakkan kerajaan Inggeris sebagai anasir utama yang membawa perubahan ke arah pemodenan bagi Malaysia, sedangkan terdapat pandangan lain yang agak bertentangan. Jadi, untuk perbincangan yang lebih bernas kita akan membincangkan kedua-dua pandangan berkenaan untuk mencari satu kesimpulan yang lebih tepat.

Sistem Politik Melayu Tradisional

Sebelum kita membincangkan tentang perubahan-perubahan politik yang telah dilakukan oleh pihak Inggeris di negeri-negeri Melayu, eloklah kita tinjau secara sepintas lalu tentang sistem politik Melayu yang diamalkan sebelum kedatangan Inggeris. Tinjauan ini akan memudahkan kita menilai perubahan fungsi institusi tradisional yang pada dasarnya masih kekal dalam era pentadbiran British.

Negeri-negeri Melayu zaman tradisi mempunyai sistem politik yang bertunjangkan kepada adat Temenggung yang tidak jauh berbeza di antara satu negeri dengan negeri yang lain sama ada pada peringkat negeri mahupun pada peringkat kampung. Umumnya, sistem politik negeri-negeri Melayu bermodelkan sistem politik Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka, bahkan sejarah pemerintahan beberapa negeri seperti Johor, Pahang dan Terengganu mempunyai talian rapat dengan kerajaan Melayu Melaka. Sistem pemerintahan beraja mutlak merupakan tunjang

politik negeri-negeri Melayu ketika itu. Bagaimanapun perlulah disebutkan di sini bahawa kekecualian haruslah diberikan kepada Negeri Sembilan yang mengamalkan sistem politik yang bertunjangkan adat Perpatih. Lebih-lebih lagi apabila dilihat bahawa sejarah pemerintahan Negeri Sembilan bermula dengan bertuankan Raja Melewar yang didatangkan khas dari Minangkabau Sumatera tempat lahirnya Adat Perpatih. Sehubungan dengan itu gelaran pemerintah tertinggi yang dipakai berbeza daripada negeri-negeri lain. Di negeri-negeri Melayu, mereka digelar Sultan atau Raja manakala di Negeri Sembilan digelar Yang diPertuan. Begitu juga dengan jawatan-jawatan pembesar negeri yang lain. Satu perbincangan yang berasingan akan dibuat mengenainya.

Pada dasarnya, sultan atau raja atau Yang diPertuan adalah pemerintah tertinggi dan mempunyai kuasa mutlak dalam semua perkara. Namun begitu baginda pada hakikatnya tidak boleh memerintah sesuka hati, sebaliknya baginda dibantu oleh sebilangan pembesar negeri yang dilantik. Lebih daripada itu, di Melaka khususnya, pembesar-pembesar negeri ini dengan bijak telah memisahkan raja atau sultan daripada tugas-tugas kerajaan sehari-hari supaya baginda boleh memelihara kedudukan saktinya agar tidak tercemar pada mata rakyatnya³ yang percaya bahawa raja-raja mereka mempunyai daulat dan kelebihan. Keadaan ini menjadi lebih ketara pada abad-abad ke sembilan belas.⁴ Dengan perkataan yang lebih mudah, sultan tidak mempunyai kuasa pusat yang mutlak. Dari satu segi ia memperlihatkan kebaikan kerana ini dapat mengelakkan pemerintahan bercorak kukubesi, namun ia menjadi buruk apabila terdapat pembesar yang begitu berpengaruh dan kuat sehingga mampu menidakkan kuasa sultan atau mempergunakankuasa sultan. *Sejarah Melayu* banyak mencatatkan kepincangan-kepincangan yang timbul dalam kerajaan Melaka akibat wujudnya pembesar-pembesar seperti ini. Lebih mencatatkan keadaan apabila raja mempunyai penasihat yang bukan terdiri daripada pembesar Melayu yang dilantik sebaliknya terdiri daripada orang luar yang rapat dengan sultan. Dalam keadaan ini pembesar rasmi pun gagal menjalankan kuasa pemerintahan jika penasihat raja lebih berpengaruh dan berperanan besar dalam menasihati sultan mengenai satu-satu keputusan atau perintah.⁵ Walau bagaimanapun kedudukan sultan tetap dipertahankan sebagai simbol perpaduan negeri dengan anugerah daulat dan kedudukan sebagai ketua negeri yang rasmi.

Pada kebiasaannya sejak zaman Melaka, apabila ada sesuatu perkara yang perlu diputuskan, satu perjumpaan antara sultan dengan semua pembesar negeri akan dibuat bagi membincangkannya. Bagaimanapun amalan ini semakin malap menjelang abad ke-18 dan 19 apabila perjumpaan atau mesyuarat seperti ini jarang diadakan. Sebaliknya jika ada sesuatu perkara yang ingin diputuskan segera, perjumpaan hanya diadakan antara sultan dengan pembesar negeri yang berkaitan serta penasihat sultan sahaja. Ini menjadikan sistem pentadbiran tidak menyeluruh dan tidak melibatkan semua jentera pentadbiran.

Dalam sistem pentadbiran Melayu tradisional, pembesar-pembesar negeri dikelaskan dalam kelompok kelas pemerintah tanpa mengira sama ada mereka berketurunan raja ataupun tidak. Secara lazimnya golongan pemerintah ini cuba dikekalkan dalam kelompok keturunan raja. Mereka ini dilantik oleh sultan dan jawatan-jawatan mereka ini ditingkatkan kepada beberapa kelas menurut susunan yang lebih kanan.⁶ Jawatan-jawatan ini kemudiannya diwarisi oleh keturunan pembesar berkenaan terutama jawatan-jawatan yang lebih kanan mengikut hierarki. Jawatan yang terkanan sekali ialah Bendahara. Pada zaman Melaka, Bendahara bertanggungjawab dalam urusan berkaitan dengan saudagar-saudagar asing serta menjadi penimbang-tara dalam pertikaian antara orang Melayu dengan orang asing dan juga antara sesama orang Melayu.⁷ Selepas Bendahara, jawatan yang terpenting ialah Penghulu Bendahari yang bertanggungjawab dalam urusan pungutan cukai serta menjadi ketua Syahbandar. Kemudian diikuti dengan jawatan Temenggung yang bertanggungjawab dalam hal ehwal keselamatan negeri.⁸ Jawatan yang berikutnya ialah Laksamana yang mengetuai angkatan tentera. Kebanyakan negeri Melayu mempunyai jawatan-jawatan utama ini yang dikelompokkan dalam hierarki utama, cuma susunan sahaja yang mungkin berbeza. Perbezaan ini lebih jelas apabila negeri-negeri berkenaan menerima pengaruh luar atau mengalami perubahan sistem politik akibat pertukaran pucuk pimpinan seperti yang berlaku di Pahang apabila diperintah oleh Bendahara.

Selepas jawatan-jawatan terkanan ini, jawatan pembesar yang penting lainnya ialah jawatan pembesar daerah. Pembesar-pembesar daerah ini juga biasanya terdiri daripada keturunan raja. Bilangan jawatan ini berbeza megikut negeri. Di Pahang semasa pemerintahan Bendahara, pembesar daerah yang utama terdiri daripada empat orang yang dikenali sebagai Orang Besar Empat,

manakala Orang Besar Lapan terletak pada hierarki yang lebih rendah dalam struktur pentadbiran negeri itu.⁹ Di negeri Kedah pula, selain daripada jawatan Bendahara, Pembesar Empat yang terdiri daripada Temenggung (Menteri Hal Ehwal dalam Negeri), Laksamana (keselamatan di laut), Penghulu (Kewangan) dan Syahbandar (Pesuruhjaya pelabuhan dan Kastam), Pembesar Lapan, Pembesar Enam Belas dan Pahlawan Hulubalang adalah pembesar penting pada peringkat pusat.¹⁰ Pada peringkat daerah pula, dilantik pembesar-pembesar yang bertanggungjawab ke atas kawasan lembah sungai yang mempunyai batas sempadan yang tidak tetap.¹¹ Sementara itu di negeri Johor pula, di samping pembesar-pembesar utama yang memainkan peranan penting dalam struktur pentadbirannya, terdapat satu majlis yang dinamakan Majlis Orang Kaya yang menjadi tempat untuk merundingkan sesuatu perkara yang berhubung dengan perintah raja atau urusan-urusan kerajaan yang lain.¹² Anggota Majlis Orang Kaya ini memakai gelaran-gelaran tertentu sesuai dengan jawatan dan kedudukan mereka.

Seperi mana jawatan pembesar negeri yang utama, jawatan pembesar daerah juga akan diperturunkan kepada kaum keluarganya. Sungguhpun dari segi hierarki pentadbiran jawatan pembesar daerah terletak di bawah pembesar negeri namun dari segi pengaruh dan kekuasaan, pembesar daerah mempunyai kelebihan. Ini adalah kerana bidang kuasa pembesar negeri hanya terbatas pada jawatan yang disandangnya sahaja sebaliknya bidang kuasa pembesar daerah merangkumi semua perkara yang berlaku dalam daerah kekuasaannya. Ini termasuklah menguatkuasakan undang-undang, mengutip cukai, soal keselamatan di samping kerja-kerja pentadbiran. Biasanya dalam menjalankan penguatkuasaan ini pembesar daerah dibantu oleh penghulu dan ketua kampung. Di Kedah pembesar daerah berupaya membentuk pentadbirannya sendiri dengan bantuan penasihat, setiausaha, pengawal rumah, orang upahan dan orang kepercayaan.¹³ Dari sudut ini pembesar daerah seterusnya mampu mempunyai pengikut-pengikutnya sendiri yang setia dan sanggup berperang bagi pihaknya jika perlu. Lazimnya para pengikut pembesar daerah ini terdiri daripada penduduk daerah daerah kekuasaannya yang berasal daripada kaum keluarganya, sukarelawan dan tentera upahan, orang-orang berhutang serta pengikut-pengikut perempuan.¹⁴ Bilangan pengikut pembesar daerah ini biasanya menggambarkan kekuatan atau kelemahan

pembesar berkenaan. Kelebihan yang dimiliki oleh pembesar daerah ini merupakan satu keistimewaan yang tidak dimiliki oleh pembesar negeri. Walaupun boleh dikatakan bahawa pembesar negeri juga mempunyai pengikut masing-masing tetapi ianya hanya daripada kalangan kaum keluarganya sahaja.

Struktur politik Melayu tradisional yang paling rendah ialah pada peringkat kampung. Setiap kampung ditadbir oleh seorang penghulu. Seperti jawatan-jawatan yang lain, jawatan penghulu ini juga akan diwarisi oleh satu-satu keturunan sahaja. Bagaimanapun terdapat beberapa kriteria yang memungkinkan seseorang itu dilantik menjadi penghulu. Antaranya ialah orang yang terkemuka dan mempunyai anggota keluarga yang teramai dalam kampung berkenaan, orang yang dianggap terkaya, mendapat sokongan daripada golongan atasan dan mempunyai pengaruh atas kebolehan peribadinya.¹⁵ Oleh kerana sesebuah daerah itu tertakluk kepada seorang pembesar maka pembesar berkenaanlah yang bertanggungjawab melantik penghulu kampung. Dalam keadaan ini, biasanya penghulu yang dilantik adalah dari kalangan mereka yang boleh bekerjasama dan taat kepada pembesar berkenaan. Tanggungjawab seseorang penghulu itu berkisar kepada perkara-perkara seperti menjaga keamanan kampung, menangkap dan menyerahkan penjenayah kepada pembesar daerah untuk dibicarakan, menyediakan buruh kerah apabila diperlukan oleh pihak istana dan kaum kerabatnya serta memungut cukai yang diperintahkan. Dalam menjalankan tugas-tugas ini penghulu akan dibantu oleh polis pengawal kampung, imam, bilal dan khatib, yang bersesuaian dengan bidang tugas masing-masing.



SOALAN DALAM TEKS

- 1 Dengan merujuk kepada tulisan J. M. Gullick bertajuk **Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat**, halaman 24-25 & 61-65, buat satu catatan tentang sistem politik Melayu tradisional di Negeri Sembilan.



Tiada catatan yang disediakan dalam pelajaran ini.

Perubahan-Perubahan Politik Oleh British

Sekarang kita akan meninjau pula apakah perubahan-perubahan politik yang telah dilakukan oleh Inggris ke atas negeri-negeri Melayu dan sejauh mana unsur-unsur politik tradisional Melayu dikekalkan? Sebelum itu, perlulah bagi anda mengetahui dengan jelas dasar utama Inggris. Sejak campurtangannya di Negeri-Negeri Melayu, kerajaan Inggris menjalankan dasar pemerintahan secara tidak langsung dengan motif utama untuk memajukan sumber-sumber ekonominya bagi memenuhi kepentingan mereka. Dalam masa yang sama Inggris berpegang kepada dasar yang kononnya mengutamakan kebijaksanaan dan akan memajukan orang-orang Melayu dalam rangka masyarakatnya yang tradisional. Implikasi nyata daripada dasar Inggris ini ialah dua matlamat yang kelihatannya bercanggah dan agak sukar dicapai, seperti mana kata Roff;¹⁶

'Kontradiksi-kontradiksi yang terdapat di dalam tujuan-tujuan ini, yang satu tidak mungkin dilaksanakan dalam bentuk institusi-institusi Melayu yang ada dan yang satu lagi ditujukan untuk mengekalkannya, membawa kepada lahirnya pembelahan dua yang fundamental kepada dasar Inggris sebagaimana yang dapat dilihat setiap kali bertukarnya dasar kolonialnya di Malaya'.

Ketika menjalankan dasar yang kelihatan bercanggah ini, pihak Inggris telah memperkenalkan beberapa aspek baru dalam corak pemerintahannya, dan dalam masa yang sama terdapat warisan politik tradisional Melayu yang mereka kekalkan. Dalam perbincangan tentang perubahan-perubahan politik, peninjauan kita akan meliputi pembaharuan-pembaharuan dari sudut institusi mahupun bidang kuasa. Seterusnya kita akan lihat cara situasi-situasi yang nampaknya begitu asing kepada masyarakat Melayu telah berjaya meletakkan batu asas kepada negeri-negeri Melayu untuk bergerak ke arah sebuah negara "moden" yang akhirnya melahirkan negara Malaysia pada hari ini.

Sasaran pertama yang menerima perubahan apabila Inggris mula campurtangan di dalam hal ehwal negeri-negeri Melayu

terutama bagi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu ialah institusi kesultanan dan kekuasaannya. Sejalan dengan matlamat untuk mengekalkan rangka tradisional masyarakat Melayu, institusi kesultanan masih dikekalkan sebagaimana adanya. Ini juga dikatakan bertujuan untuk mengawal orang-orang Melayu yang menjadi rakyat sultan-sultan berkenaan. Walau bagaimanapun fungsi dan kekuasaannya terjejas dengan begitu hebat sekali. Dengan perlantikan seorang Residen Inggeris sebagai 'penasihat', kuasa Sultan menjadi sangat terbatas. Dalam hal ehwal pentadbiran negeri, sultan mestilah mendapatkan nasihat Residen sebelum bertindak dan nasihat itu perlulah dipatuhi. Oleh yang demikian, jelas di sini bahawa yang berkuasa bukan lagi sultan mahupun pembesar negeri, sebaliknya Residen Inggeris.

Kuasa sultan hanya berlegar pada sekitar hal ehwal adat istiadat Melayu dan agama Islam sahaja. Pihak British memutuskan bahawa hal-hal seperti itu tinggal kekal dalam kuasa sultan dan pembesar-pembesarnya sahaja. Barangkali ini sebagai satu strategi untuk mengambil hati sultan dan pembesar-pembesarnya atau mungkin juga sebagai satu cara untuk memperolehi sokongan daripada masyarakat Melayu yang lain kerana perkara agama dan hal ehwal adat istiadat adalah sesuatu yang sangat sensitif. Sejauhmana British tidak mencampuri kedua-dua urusan itu tidaklah dapat dijelaskan. Akan tetapi secara tidak langsung, dapat dikatakan bahawa tindakan pihak Inggeris ini adalah sebagai satu percubaan menyerapkan sistem pemerintahan sekular di negeri-negeri Melayu dengan memisahkan hal ehwal agama daripada urusan politik.

Oleh yang demikian, bolehlah dikatakan bahawa institusi kesultanan hanya tinggal sebagai lambang semata-mata, ibarat harimau yang tiada bertaring. Ini adalah salah satu contoh ketara 'yang ada ditiadakan' seperti kata Munsyi Abdullah ketika menyorot perubahan-perubahan yang telah dilakukan oleh Inggeris di negeri-negeri Melayu. Jika kita ingat kembali kepada pelajaran satu, perlucutan kuasa mutlak sultan adalah salah satu perubahan yang dialami ke arah pembentukan negara moden. Oleh yang demikian mungkinkah para pelajar bersetuju untuk mengatakan bahawa perubahan-perubahan politik British telah meletakkan asas negara "moden" bagi Malaysia?

Residen dilantik sebagai penasihat kepada sultan. Namun begitu bidang tugasnya sebagai penasihat memang luas, meliputi soal-soal seperti pengutipan cukai, tanah dan perlombongan yang

dahulunya di bawah tanggungjawab pembesar-pembesar negeri dan daerah. Residen Inggeris boleh diibaratkan sebagai Perdana Menteri dalam sistem politik kerajaan Inggeris. Walau bagaimanapun dominannya kuasa residen tidak begitu dirasai oleh sultan-sultan Melayu khasnya lantaran kebijaksanaan Residen-Residen itu bertindak, seolah-olah sultan masih memegang kuasa. Walhal sebenarnya 'nasihat' Residenlah yang selalunya dilaksanakan dalam penentuan dasar dan hal-hal pentadbiran yang lain.

Bersabit dengan kuasa Residen yang besar itu, pembesar-pembesar negeri dan daerah telah kehilangan kuasa dan sumber pendapatan mereka. Mereka tidak lagi diberi izin dan kuasa untuk mengutip cukai daripada rakyat. Untuk mengimbangi kerugian yang dialami ini, pihak British telah membayar ganti rugi dalam bentuk elaun kepada para pembesar berkenaan. Ini adalah semata-mata untuk mengelakkan para pembesar itu daripada menentang British. Wang sara hidup diberi kepada mereka yang tidak lagi memegang sebarang jawatan sementara elaun diberikan kepada yang mempunyai gelaran ataupun jawatan dalam kerajaan. Walau bagaimanapun bukanlah mudah untuk sebahagian daripada sultan dan pembesar-pembesar Melayu menerima perubahan seperti ini.



SOALAN DALAM TEKS

- Berhenti dahulu membaca dan cuba buat aktiviti ini. Berdasarkan peristiwa sejarah, apakah reaksi awal para pembesar Melayu terhadap perubahan-perubahan yang menimpa diri mereka? Ulasakan berserta contoh-contoh.



Bandingkan jawapan anda dengan jawapan yang terdapat di akhir pelajaran ini.

Sebagai menggantikan kekuasaan mutlak sultan dan raja-raja Melayu yang menerima pengaruh Inggeris, telah dibentuk sebuah badan perundangan negeri yang diberi nama Majlis Perundangan Negeri. Ahli-ahlinya terdiri daripada sultan, anak-anak raja, pembesar-pembesar Melayu yang terpilih, perwakilan kaum Cina dan Residen Inggeris yang dilantik. Fungsi majlis ini ialah untuk membincangkan undang-undang yang diusulkan untuk

mendapatkan pandangan daripada orang-orang Melayu lebih-lebih lagi di dalam hal-hal yang berkaitan dengan orang-orang Melayu. Antara perkara yang dibincangkan ialah tentang lesen melombong, peraturan tarif, percukaian dan kerjaraya, perlantikan penghulu, pemberian elaun kepada pembesar-pembesar Melayu dan lain-lain perkara lagi. Majlis ini akan bermesyuarat sekurang-kurangnya tujuh kali dalam setahun. Namun begitu dalam perlaksanaannya, lama kelamaan, majlis ini tidaklah bertindak untuk membincangkan undang-undang yang diusulkan itu, sebaliknya hanya bertindak meluluskannya sahaja. Ke kerapannya majlis ini menjadi semakin kurang sebagaimana fungsi asalnya. Ini adalah akibat daripada permainan politik yang bijak oleh Residen Inggeris yang berkuasa. Kerana, walaupun ahlinya terdiri daripada ramai orang tetapi yang lebih dominan kuasanya ialah Residen. Jelas di sini ialah perubahan corak pemerintahan, seperti yang dicatatkan oleh Andaya;¹⁷

'Dengan itu, proses pemerintahan berubah coraknya daripada perhimpunan secara adat; beratus-ratus anggota keluarga diraja akan berhimpun dalam suasana terbuka kepada orang ramai dan keputusan hanya dicapai setelah perbincangan dibuat yang mungkin mengambil masa sehari-hari'.

Nampaknya daripada perbezaan corak pemerintahan ini boleh diambil satu andaian bahawa corak pemerintahan negeri-negeri Melayu sebelum ini yang lebih bersifat terbuka kepada rakyat yang diperintah berbanding dengan corak pemerintahan yang diperkenalkan oleh British yang memperlihatkan sumbangan rakyat yang terhad biarpun kedaulatan rakyat sering dilaung-laungkan dalam ciri pembentukan negara moden. Bagaimanapun, sistem baru ini dilakukan selain daripada muslihat politik penjajah untuk kepentingan mereka, barangkali juga adalah untuk memastikan segalanya berjalan lancar dan efisien. Satu perkara yang menarik di sini ialah wujudnya perwakilan kaum Cina. Ini menunjukkan bahawa British telah lama mengiktiraf kehadiran kaum Cina di negeri-negeri Melayu yang sebelum ini tidak mendapat perhatian daripada pemerintah Melayu.

Pada peringkat daerah pula, kekuasaan pembesar Melayu

dalam sesuatu daerah itu telah digantikan oleh seorang pegawai daerah Inggeris yang dilantik. Walau bagaimanapun, jawatan penghulu kampung masih terus dikekalkan. Cuma bezanya, perantaraan mereka kini dibuat secara rasmi oleh Residen dan Majlis Undangan Negeri atas perakuan pegawai daerah. Penghulu-penghulu kampung ini bertanggungjawab sepenuhnya kepada pegawai daerah dengan tugas untuk menjaga keamanan kampung atau mukim di bawah jagaannya, menguatkuasakan peraturan-peraturan kerajaan, bertindak sebagai hakim mengadili kes-kes kesalahan kecil dan hal-hal lain yang bersangkutan dengan kemajuan kampung/mukim. Jelasnya fungsi jawatan penghulu kampung telah diperluaskan lagi di sebalik perlucutan hak mengutip cukai daripada penduduk kampung bagi pihak pembesar-pembesar daerah. Kuasa seorang pegawai daerah meliputi hal ehwal daerah yang berada di bawah pentadbirannya.

Seterusnya, corak pentadbiran Melayu diperkenalkan kepada sistem birokrat yang diserapkan ke dalam jabatan-jabatan yang baru dibentuk. Antaranya ialah jabatan kewangan, tanah, polis dan pertanian. Sebelum ini, hal ehwal berkenaan dikuasai oleh pembesar-pembesar tertentu yang telah dilantik, malahan di peringkat daerah, hal ehwal tersebut dikuasai sepenuhnya oleh pembesar daerah. Kebanyakan daripada tugas pengurusan jabatan-jabatan yang baru dibentuk ini diserahkan kepada tanggungjawab pegawai-pegawai Eropah yang dianggap lebih mahir dalam selok belok sistem moden ini. Peluang untuk orang-orang Melayu menjawat jawatan penting dalam perkhidmatan ini masih ada, tetapi ianya lebih terbuka kepada golongan aristokrat. Namun mereka perlulah pula menjalani latihan terlebih dahulu dalam erti kata menerima pendidikan Barat sebelum dibolehkan berkhidmat dalam jabatan-jabatan kerajaan tersebut. Maktab Melayu Kuala Kangsar ditubuhkan bagi memenuhi keperluan latihan yang dimaksudkan itu. Dalam dasar ini, golongan rakyat bawahan tidak begitu berpeluang berkhidmat dengan kerajaan kecuali yang berpendidikan Inggeris. Tidak dapat dinafikan bahawa pengenalan kepada sistem birokrat ini telah memantapkan lagi perjalanan jentera pentadbiran di samping mempercepatkan kemajuan infrastruktur kerana kelancaran jentera pentadbiran bergantung kepada kewujudan infrastruktur yang baik.

Demikianlah secara ringkasnya serba sedikit perubahan politik yang telah dilakukan oleh kerajaan Inggeris semasa memerintah negeri-negeri Melayu. Perubahan-perubahan yang lebih terperinci

boleh didapati daripada tulisan W.R. Roff bertajuk *Nasionalisma Melayu* (bab pertama) dan buku Barbara Watson Andaya & Leonad Y. Andaya, bertajuk *Sejarah Malaysia* (bab empat). Jika kita kembali kepada teras soalan dalam pelajaran ini, kita dapati bahawa memang terdapat banyak perubahan yang dibawa oleh pihak British dan ianya masih kekal hingga ke hari ini. Hakikatnya, sejak campur tangan British di negeri-negeri Melayu, sultan-sultan dan raja-raja Melayu tidak pernah mendapat kembali kuasa mereka yang telah diambil. Struktur pentadbiran masa kini tidak keterlaluan jika dikatakan bermodelkan atau merupakan satu warisan struktur pentadbiran yang telah diperkenalkan oleh British. Berdasarkan kenyataan ini bolehkah kita katakan bahawa perubahan-perubahan politik oleh pihak British telah menjadi asas kepada pembentukan sebuah negara moden bagi Malaysia seperti yang ada sekarang ini? Atau dengan perkataan yang lebih mudah, bolehkah dikatakan bahawa British adalah pengasas kepada pembentukan negara moden bagi Malaysia? Sebelum anda membuat sebarang keputusan eloklah kita tinjau dahulu unsur-unsur tradisi yang masih dikekalkan dan kemudian kita tinjau pula pandangan beberapa orang sarjana mengenai perkara di atas.

Pengekalan Unsur Tradisi

Walaupun sebelum ini, anda telah didedahkan dengan perubahan-perubahan yang telah dibawa oleh pihak British sejak mereka mencampuri urusan pentadbiran negeri-negeri Melayu, tetapi perlu ditegaskan di sini bahawa masih terdapat aspek-aspek tradisi yang telah mereka kekalkan sama ada secara sengaja mahupun tidak. Maka di sini kita akan memperkatakan tentang aspek-aspek pengekalannya itu dan kesan-kesan daripadanya. Dari segi institusi, yang paling nyata dikekalkan ialah institusi kesultanan. Kebijaksanaan penjajah membuatkan mereka tidak menyentuh langsung institusi tradisi itu, biarpun kuasa politik telah dirampas dengan begitu banyak sekali. Bukan setakat institusi kesultanan sahaja yang dikekalkan tetapi juga institusi pemerintah yang lainnya. Yang berubah cuma peranan mereka dalam pentadbiran yang diterajui oleh Residen Inggeris.

Dalam sistem pentadbiran tradisi, golongan ini memegang jawatan penting seperti pembesar negeri dan daerah. Dalam sistem yang diperkenalkan oleh British, golongan inilah yang diberi peluang untuk menjawab jawatan pentadbir dalam kerajaan di

jabatan-jabatan yang ditubuhkan. Selain daripada itu mereka juga diutamakan untuk jawatan penghulu yang mentadbir sesebuah daerah kecil. Dasar ini sebenarnya mempunyai matlamat serampang dua mata. Di samping untuk mengambil hati golongan pemerintah tradisional Melayu dan juga untuk menghapuskan sebarang rasa tidak puas hati akibat penghapusan jawatan-jawatan tradisi, yang mereka sandang sebelum ini, dasar ini juga bertujuan mengekalkan keamanan dan hubungan baik antara pembesar-pembesar Melayu dengan rakyat bawahan. Ini adalah kerana rakyat bawahan lebih senang berurusan dengan pembesar-pembesar Melayu daripada orang asing.

Memang menjadi dasar British untuk terus mengekalkan pentadbir-pentadbir tradisional ini dan berusaha untuk memberikan layanan yang sebaik mungkin kepada mereka. Ini jelas apabila mereka mengutamakan 'orang-orang Melayu keturunan baik-baik' atau 'anak-anak bumiputera golongan atasan'¹⁸ untuk didedahkan kepada pendidikan Inggeris sebagai persediaan untuk memasuki sistem pentadbiran birokrat. Kesan daripada dasar ini, kita dapati bahawa dalam perkhidmatan-perkhidmatan awam, jawatan-jawatan tinggi dan pertengahan hanya dibolot oleh orang-orang Eropah dan 'orang-orang Melayu keturunan baik-baik' ini dan secara tidak langsung menutup peluang untuk orang-orang Melayu yang bukan datang daripada golongan ini.

Berkenaan dengan pusat-pusat pentadbiran negeri dan daerah, pada dasarnya pihak British tidak banyak mengubahnya.¹⁹ Pusat-pusat pentadbiran ada yang dikekalkan terutamanya yang berkaitan dengan penempatan istana raja-raja Melayu. Bagaimanapun bagi pusat-pusat pentadbiran Inggeris, hanya bandar baru yang berorientasikan ekonomi telah dimajukan seperti Ipoh di Perak, Kuala Lumpur, Kuantan di Pahang dan Seremban di Negeri Sembilan. Oleh kerana kepentingan ekonomi dan pentadbiran mereka, infrastruktur di kawasan bandar-bandar baru ini lebih diutamakan berbanding kawasan-kawasan lain termasuk bandar pentadbiran raja-raja Melayu. Akibatnya wujudlah situasi ketidak seimbangan dalam kemajuan infrastruktur antara pusat-pusat pentadbiran yang baru dibuka dengan kawasan-kawasan lain khususnya yang terletak di kawasan-kawasan luar bandar.

Bagi masyarakat Melayu bawahan pula, pengekaln unsur tradisional nampak begitu jelas. Boleh dikatakan kawasan-kawasan desa dan pedalaman tidak disentuh langsung oleh arus pemodenan. Kawasan-kawasan luar bandar ini bukan hanya sepi

dari segi kemajuan pembangunan dan infrastruktur, tetapi juga dalam hal-hal lain contohnya dalam pendidikan. Kita juga dapati tidak ada usaha yang benar-benar gigih untuk mengatasi masalah kemiskinan dan buta huruf di kalangan orang-orang Melayu kampung dan mereka tidak diberi peluang untuk menikmati kemajuan ekonomi negeri yang semakin pesat, sama ada dalam lapangan perburuhan mahupun dalam lapangan perusahaan. Sebaliknya memang menjadi dasar British untuk terus membiarkan masyarakat bumiputera bergelumang dengan arus kehidupan tradisi, sama ada dari segi pendidikan mahupun sumber ekonomi, seperti pengakuan mereka mengenai dasar pendidikan masyarakat Melayu bawahan iaitu, "memadai untuk keperluan biasa murid-murid Melayu yang akan menjadi pembawa kereta lembu, penanam padi, nelayan dan lain-lain".²⁰ Jelas di sini wujud dasar untuk tidak mahu memperkenalkan kehidupan yang lebih baik kepada masyarakat Melayu bawahan. Kemudahan pendidikan yang lebih baik hanya diberi kepada penduduk-penduduk bandar begitu juga dengan perkembangan ekonomi, hanya dinikmati oleh penduduk bandar yang kebanyakannya bukan Melayu.

Daripada huraian-huraian di atas, nampak jelas akan kewujudan ketidakseimbangan dasar British di negeri-negeri Melayu. Dalam aspek politik, banyak perubahan yang dilakukan, sebaliknya dalam aspek lain terutama yang menyentuh kedudukan masyarakat Melayu bawahan di luar-luar bandar, tidak banyak perubahan yang dilaksanakan. Barangkali, kesimpulan yang boleh kita ambil daripada dua situasi ini ialah, British hanya menumpukan perhatian mereka kepada politik kerana sedar bahawa penguasaan dalam politik akan menjamin pemerintahan yang lebih kukuh dan lama di Negeri-Negeri Melayu.



SOALAN DALAM TEKS

- 3 Pada pendapat anda, apakah motif atau tujuan kerajaan Inggeris apabila menjalankan dasar-dasarnya yang kelihatan tidak seimbang antara perubahan dan pengekalan.



Bandingkan jawapan anda dengan jawapan yang terdapat di akhir pelajaran ini.

Dasar Desentralisasi

Kerajaan Inggeris sentiasa berusaha untuk mengukuhkan kekuasaan mereka ke atas negeri-negeri Melayu. Oleh yang demikian mereka sering memperkenalkan dasar-dasar baru yang difikirkan bersesuaian. Langkah pertama yang mereka lakukan ialah membentuk gabungan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu yang terdiri daripada negeri Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan pada 1896. Pembentukan Persekutuan ini bertujuan untuk memudahkan dan menyelaraskan sistem pentadbiran bagi keempat-empat buah negeri itu di samping mengatasi masalah-masalah lain seperti ketidakseimbangan pembangunan antara negeri-negeri terbabit dan juga untuk mengawal kuasa Residen. Untuk itu seorang Residen Jeneral dilantik bagi mengetuai Persekutuan dan akan berurusan dengan residen-residen negeri berkenaan. Sebuah Majlis Mesyuarat Persekutuan juga telah ditubuhkan. Sir Frank Swettenham sebagai Residen Jeneral yang pertama telah menjadikan Kuala Lumpur sebagai ibu negeri Persekutuan pada 1897. Beberapa jawatan baru dibentuk dan beberapa jabatan baru juga ditubuhkan untuk melicinkan pentadbiran. Bagi raja-raja Melayu, sebuah majlis persidangan raja-raja dibentuk untuk membolehkan mereka bertemu sesama mereka dan berbincang setahun sekali. Secara tidak langsung dapatlah dikatakan bahawa benih-benih sistem politik persekutuan telah mula diperkenalkan oleh Inggeris ke atas negeri-negeri Melayu.

Di samping itu kerajaan Inggeris berharap dengan penubuhan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu ini akan dapat menarik negeri-negeri Melayu yang lain menyertainya. Sebelum ini hasrat mereka tidak kesampaian akibat kekangan-kekangan tertentu misalnya pengaruh Siam ke atas empat buah negeri di utara semenanjung iaitu Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu serta keengganan Sultan Johor menerima penasihat Inggeris walaupun baginda menunjukkan sikap berbaik-baik dengan kerajaan Inggeris. Kerajaan Inggeris tidak dapat berbuat apa-apa ke atas negeri-negeri ini melainkan cuba menempatkan seorang penasihat dengan peranan yang amat terbatas. Adalah diharapkan apabila persekutuan yang diwujudkan itu berjaya membangunkan negeri-negeri Melayu yang terlibat maka kelima-lima negeri yang terasing itu turut tertarik untuk berada di bawah naungan Inggeris.

Meskipun hasrat Kerajaan Inggeris sedikit sebanyak tercapai melalui pembentukan gabungan negeri-negeri berkenaan terutamanya yang berkaitan dengan pembangunan ekonomi dan

infrastruktur tetapi hasil yang diharapkan tidaklah begitu memuaskan, sebaliknya timbul masalah-masalah lain pula. Masalah yang paling ketara ialah masalah pemusatan kuasa di tangan Residen Jeneral. Sejak adanya Residen Jeneral, Raja-raja Melayu dan para Residennya semakin hilang kuasanya sebaliknya kuasa tertumpu kepada Residen Jeneral yang memang tidak jelas batas kuasanya malah Perjanjian Persekutuan itu sendiri dikatakan mengandungi perkataan-perkataan yang samar maknanya.²¹ Kepincangan-kepincangan ini akhirnya disedari oleh raja-raja Melayu terutamanya Sultan Idris yang merasakan bahawa negerinya sudah hilang keperibadiannya yang tersendiri akibat Perjanjian Persekutuan itu. Residen-residennya iaitu J.P. Rodger dan E.W. Birch turut menyedari akan keluputan kuasa mereka sejak persekutuan dilaksanakan.

Pelaksanaan Persekutuan lebih menimbulkan masalah apabila John Anderson (1904-1911) menjadi Pesuruhjaya Tinggi bagi Tanah Melayu menggantikan Frank Swettenham dan W.H. Taylor menjadi Residen Jeneral (1905-1911). Cita-cita Anderson untuk menyatukan seluruh Tanah Melayu serta menguatkan cengkaman kekuasaan ke atas negeri-negeri terbabit telah menimbulkan perasaan tidak puas hati banyak pihak. Anderson sebagai Pesuruhjaya Tinggi bertindak tanpa mengira kuasa yang ada pada setiap negeri. Malah beliau dikatakan cuba menguasai pengurusan kewangan Persekutuan.²² Dalam hal ini Residen Jeneral sebaliknya mengawal ketat perbendaharaan dan tidak memberi peluang kepada beliau (Anderson) sehingga menimbulkan krisis antara mereka. Satu hal yang nyata, walaupun jawatan Residen Jeneral lebih rendah daripada Pesuruhjaya Tinggi tetapi kekuasaannya dalam Persekutuan lebih menyerlah sehingga menimbulkan rasa tidak puas hati Pesuruhjaya sendiri, apatah lagi bagi residen-residen negeri yang sering menimbulkan rungutan tentang perkara itu. Namun begitu rungutan-rungutan berkenaan tidak mendapat perhatian daripada kerajaan Inggeris sebaliknya tindakan-tindakan Anderson itu dilihat dari satu sudut sebagai sesuatu yang menguntungkan pihak Inggeris.

Hasrat untuk menarik negeri-negeri Melayu ke dalam naungan Inggeris yang menjadi salah satu sebab Perjanjian Persekutuan 1896 dilaksanakan tidak kesampaian sehingga 1910. Anderson yang melihat fenomena ini berpunca daripada dasar pemusatan kuasa yang dijalankan dalam persekutuan pernah mencadangkan agar dasar sebaliknya atau yang dikenali sebagai dasar

desentralisasi dilaksanakan.²³ Penubuhan Majlis Mesyuarat Persekutuan (MMP) pada 1909 yang dianggotai oleh raja-raja Melayu dan Residen mereka selain Pesuruhjaya Tinggi dan Residen Jeneral adalah sebagai langkah pertama ke arah dasar desentralisasi itu. Walau bagaimanapun dari segi pelaksanaannya ia tidak memuaskan hati raja-raja Melayu yang semakin sedar tentang kekuasaan mereka yang semakin tipis. Ini ditambah pula dengan hakikat bahawa kuasa Majlis Mesyuarat Negeri untuk meluluskan undang-undang semakin berkurangan dengan adanya MMP. Perkara ini jelas apabila MMP boleh meluluskan undang-undang untuk dikuatkuasakan ke atas seluruh Persekutuan atau ke dalam lebih daripada sebuah negeri. Tambahan pula apabila terdapat undang-undang yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Negeri, dianggap tidak sah jika ia bertentangan dengan undang-undang yang diluluskan oleh MMP.²⁴ Ternyata kuasa MMP melampaui kuasa Majlis Mesyuarat Negeri dan ia bertentangan dengan konsep desentralisasi yang mencadangkan pengagihan kuasa dilakukan secara adil antara kerajaan negeri dengan kerajaan persekutuan.

Sehingga Anderson melepaskan jawatan Pesuruhjaya Tinggi, tiada apa-apa lagi tindakan susulan yang diambil untuk meneruskan dasar desentralisasi itu, begitu juga dengan pengganti beliau Arthur Young yang nampaknya tidak berminat dengan perkara itu sebaliknya sibuk memantapkan lagi kuasa beliau. Perang Dunia Pertama yang meletus pada ketika itu menjadi sebab tambahan dasar desentralisasi tidak dapat dilaksanakan.

Sementara itu hubungan antara kerajaan Inggeris dengan masyarakat Melayu pada peringkat akar umbi menjadi semakin jauh dan ini menimbulkan bantahan daripada pegawai-pegawai Inggeris yang bersikap pro Melayu. Mereka menyifatkan keadaan yang merugikan ini berpunca daripada kelemahan sistem yang dijalankan dan menyebabkan elit Melayu di negeri-negeri lain tidak berminat berada di bawah naungan Inggeris. Hanya apabila Laurence Nunns Guillemard dilantik menjadi Pesuruhjaya Tinggi pada 1919 barulah kelihatan tanda-tanda dasar itu akan dilaksanakan semula dengan sikap beliau yang agak lebih terbuka dan gemar mendengar masalah orang tempatan berkaitan dengan pentadbiran.²⁵ Berlakunya kemelesetan ekonomi dunia selepas perang yang juga menjejaskan ekonomi Tanah Melayu telah mempercepatkan lagi tindakan untuk merealisasikan dasar desentralisasi. Walau bagaimanapun beliau lebih berminat dengan

idea pembentukan kesatuan Tanah Melayu yang akan memelihara keperibadian sesebuah negeri.²⁶ Dalam pada itu beberapa buah jawatankuasa yang bertujuan untuk mengkaji dasar pengagihan kuasa ini telah dibentuk oleh Ketua Setiausahaanya (jawatan baru bagi menggantikan jawatan Residen Jeneral) George Maxwell. Ini diikuti dengan penubuhan Jawatankuasa Pengagihan Kuasa Pusat yang mencadangkan beberapa langkah ke arah merealisasikan dasar desentralisasi itu.

Tujuan umum Jawatankuasa Pengagihan Kuasa Pusat itu ialah untuk memberikan Residen lebih kuasa dalam negeri masing-masing supaya bersesuaian dengan tugas penyelenggaraan dan penyeliaan ketua-ketua jabatan di peringkat persekutuan.²⁷ Matlamat desentralisasi sebenarnya mempunyai serampang dua mata kerana selain untuk memuaskan hati sultan di keempat-empat buah negeri dalam Persekutuan tentang kekuasaan mereka, ia juga menjadi alat untuk memancing negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu yang lain agar menyertai mereka. Bagaimanapun dasar ini dicadangkan agar dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Buat permulaannya telah dicadangkan supaya kuasa Residen ke atas beberapa buah jabatan Persekutuan ditambah. Kerajaan negeri pula diberi kuasa ke atas beberapa buah jabatan seperti Jabatan Pertanian dan Perhutanan untuk memperkuatkan lagi pentadbiran negeri di samping belanjawan negeri yang ditambah.

Bagaimanapun, perlaksanaan dasar desentralisasi yang dicadangkan tidak dapat berjalan dengan lancar kerana sering mendapat bantahan daripada pihak-pihak tertentu yang mempunyai kepentingan dalam Persekutuan. Contohnya, Guillemard pada 1925 pernah mencadangkan supaya jawatan Ketua Setiausaha dihapuskan kerana ia terlalu berkuasa hingga menenggelamkan kuasa Residen malah peranannya lebih menonjol berbanding dengan Pesuruhjaya sendiri. Akan tetapi cadangan ini mendapat bantahan yang kuat daripada peladang dan pelombong Cina dan Eropah yang menjadi anggota tidak rasmi dalam MMP. Mereka membantah atas alasan bimbang tentang kestabilan persekutuan tanpa Ketua Setiausaha, bimbang tentang kedudukan perkhidmatan awam dan bimbang kepentingan ekonomi mereka tergugat di negeri-negeri berkenaan²⁸ apabila kerajaan negeri lebih berkuasa. Hasilnya cadangan berkenaan tidak dapat dilaksanakan sehinggalah pada 1935 apabila Persuruhjaya Tinggi yang baru iaitu Sir Cecil Clementi berjaya menghapuskan jawatan itu dan digantikan dengan jawatan Setiausaha Persekutuan.

Antara dasar desentralisasi yang berjaya dilaksanakan ialah penubuhan Majlis Raja-raja Melayu (Durbar) yang akan bersidang setiap tahun. Penubuhan ini adalah menggantikan keanggotaan Raja-raja Melayu dalam MMP kerana disedari bahawa kehadiran mereka dalam Majlis Mesyuarat itu tidak memberi apa-apa makna. Selain Raja-raja Melayu, Majlis berkenaan turut dianggotai oleh Residen masing-masing, Ketua Setiausaha dan Pesuruhjaya Tinggi sendiri. Perkara yang akan dibincangkan adalah berkaitan dengan hal ehwal negara. MMP dengan itu juga diubahsuai keanggotaannya bersabit dengan ketiadaan Raja-raja Melayu. Biarpun terdapat beberapa langkah yang diambil ke arah melaksanakan desentralisasi namun mengikut R. Emerson langkah-langkah itu terlalu kecil dan tidak menepati matlamat yang sebenarnya.²⁹ Hanya jabatan-jabatan yang kecil sahaja yang diserahkan kuasa pengendaliannya kepada kerajaan negeri sementara jabatan-jabatan penting yang lain masih di bawah persekutuan. Tambahan pula pengganti Guillemard iaitu Hugh Clifford tidak membuat apa-apa langkah lagi bagi meneruskan dasar itu walaupun beliau sangat prihatin dengan kedudukan Raja-raja Melayu yang kelihatan agak tergugat dengan adanya tuntutan demokrasi daripada orang-orang asing.³⁰

Cecil Clementi pengganti Hugh Clifford, telah berusaha dengan agak keras dalam dasar desentralisasi ini. Seawal tahun pertama beliau menjawat jawatan itu, telah dikemukakan beberapa cadangan desentralisasi beliau termasuk memansuhkan jawatan Ketua Setiausaha yang tidak dilaksanakan sebelum ini. Cadangan beliau ini berjaya dilaksanakan pada 1935 apabila jawatan itu digantikan dengan jawatan Setiausaha Persekutuan yang kedudukannya lebih rendah daripada Residen negeri. Beliau juga mencadangkan agar semua jabatan diserahkan kembali kepada kerajaan negeri kecuali jabatan yang merangkumi kepentingan negeri-negeri lain dalam persekutuan seperti perkhidmatan kereta api, kastam dan pos. Hal ehwal kewangan walaupun masih diurus oleh kerajaan negeri tetapi diselia oleh penasihat kewangan Persekutuan dan Pesuruhjaya Tinggi. Majlis Mesyuarat Negeri ditambah bidang kuasanya dalam penggubalan undang-undang negerinya serta ditambah keanggotaannya dengan mengambil wakil-wakil bukan Melayu. Hal ehwal perundangan yang melibatkan badan kehakiman juga menerima perubahan dengan penubuhan Mahkamah Tinggi Keadilan di setiap negeri. Kesemua mahkamah ini tertaluk di bawah Mahkamah Agung Malaya. Kemuncak

daripada cadangan Cecil Clementi ialah menyatukan seluruh negeri-negeri Melayu di Semenanjung di bawah satu kesatuan seperti yang pernah dicadangkan oleh Guillemard sebelum ini.

Dari satu segi nampaknya beberapa dasar pengagihan kuasa telah berjaya dijalankan sejak 1909. Namun begitu hakikat sebenarnya pengurangan kuasa sultan tidak diperbaiki dalam dasar berkenaan walaupun dasar ini dilaksanakan atas rasa tidak puas hati Raja-raja Melayu yang terlibat. Yang berjaya dipulihkan ialah kekuasaan Residen negeri dan kakitangannya sahaja dan sememangnya itulah dasar pengagihan kuasa yang mereka maksudkan. Ternyata perubahan-perubahan yang dilaksanakan tidak akan mengembalikan kedudukan Raja-raja Melayu seperti sebelumnya, sebaliknya ia dilakukan untuk menguatkan lagi penguasaan mereka. Kerana itulah mereka tidak putus-putus berusaha untuk menguasai negeri-negeri Melayu yang lain. Hasrat ini terbayang jelas apabila Setiausaha Persekutuan yang dilantik akan juga menguruskan hal-hal yang bukan sahaja melibatkan negeri-negeri dalam persekutuan tetapi juga negeri-negeri yang lain.³¹ Keinginan ini lebih terserlah apabila mendapati negeri Kedah dan Johor mempunyai sumber kewangan yang lebih banyak daripada negeri-negeri lain dalam Persekutuan.

Bagaimanapun, dasar pengagihan kuasa yang dilaksanakan ini tidak dapat diteruskan apabila meletusnya Perang Dunia Kedua yang menyaksikan kekalahan teruk pihak Inggeris di tangan tentera Jepun. Pihak Jepun mengambil masa yang singkat untuk menakluk seluruh Tanah Melayu. Salah satu sebab kekalahan ini dikaitkan dengan sistem politik yang tidak teratur pada ketika itu. Namun yang pastinya, hasrat untuk menarik negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu ke dalam Persekutuan tidak tercapai sehingga saat itu. Kerana itulah apabila Inggeris kembali, dasar-dasar baru pula dilaksanakan yang nampaknya seolah-olah memaksa negeri-negeri berkenaan bersatu bersama negeri-negeri lain di bawah Kesatuan Malaya (Malayan Union). Perkara ini akan dibincangkan dalam pelajaran yang akan datang.

Kesan-Kesan Daripada Dasar Perubahan Dan Pengkalan British

Apabila terdapat kontradiksi dalam tujuan penguasaan kerajaan Inggeris di negeri-negeri Melayu seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, memang dikhuatiri akan timbul kesan-kesan negatif

pada kemudian hari. Dan sememangnya perkara ini telah menimbulkan kesan sama ada yang bercorak serta merta atau yang memakan masa. Dalam pelajaran ini kesan yang akan diberi perhatian ialah kesan-kesan negatif dari sudut masyarakat Melayu untuk membuktikan bahawa usaha-usaha memodenkan negeri-negeri Melayu tidak dibuat secara menyeluruh biarpun tidak dapat dinafikan terdapatnya kesan-kesan positif seumpama kemajuan infrastruktur sebagaimana yang sering disebut-sebut oleh R. Emerson.

Terdapat banyak kesan yang timbul akibat daripada perubahan-perubahan dan pengkealkan unsur tradisional ini kepada negeri dan masyarakat Melayu khususnya. Dari segi kesan serta merta didapati bahawa pada peringkat awal, oleh kerana perlucutan kuasa yang begitu banyak daripada sultan dan anak-anak raja serta perlucutan jawatan pembesar-pembesar negeri telah menyebabkan timbulnya perasaan tidak puas hati di kalangan mereka. Ini ditambah pula dengan penafian hak pembesar untuk mengutip cukai menyebabkan, sumber pendapatan mereka terjejas. Walaupun mereka diberi ganti rugi berbentuk elaun dan wang sara hidup, tetapi ianya jauh lebih rendah berbanding dengan pendapatan hasil pengutipan cukai. Sebagai tindak balas, maka tercetuslah beberapa siri protes oleh pembesar-pembesar tradisional Melayu yang tidak dapat menerima ciri-ciri politik moden yang diperkenalkan kepada mereka. Antara protes awal yang timbul ialah di Perak, negeri pertama yang menerima campur tangan British sehingga membawa kepada pembunuhan Residen pertama Inggeris, J.W.W. Birch. Penentangan ini bukanlah yang pertama dan terakhir kerana sehingga awal abad ke-20 masih meletus peristiwa protes secara bersenjata daripada pembesar-pembesar Melayu yang disokong oleh rakyat bawahan seperti penentangan Dol Said di Negeri Sembilan, Tuk Janggut di Kelantan, Dato Bahaman di Pahang dan Hj. Abdul Rahman Limbong di Terengganu (sekadar menyebut beberapa contoh).

Dari segi hubungan langsung yang terjalin di antara sultan-sultan, anak-anak raja dan pembesar-pembesar Melayu dengan rakyat bawahan, ianya nampak terjejas juga. Sistem penetapan dasar atau undang-undang yang tidak melibatkan rakyat menyebabkan rakyat tidak berpeluang lagi untuk bergaul secara dekat dengan sultan dan anak-anak raja seperti dahulu. Sebaliknya perhubungan mereka semakin hari semakin jauh, akibat bukan sahaja daripada penyusunan politik yang sebegitu rupa, tetapi juga akibat

penyerapan budaya Barat dalam alam kehidupan golongan diraja dan elit tradisional Melayu. Kalau dahulu anak-anak raja dan pembesar sering memenuhkan masa lapang mereka dengan kegiatan sukan tradisi bersama rakyat seperti sepak raga, tetapi kini mereka lebih gemar bermain tenis dan polo yang begitu asing kepada rakyat bawahan.

Sementara itu, rakyat biasa dibiarkan terus hidup dalam kongkongan adat dan budaya tradisi tanpa penyerapan unsur-unsur pembaharuan yang lebih adil dan menyeluruh. Lebih malang lagi kerana kebanyakan penduduk yang menetap di kawasan-kawasan seumpama ini adalah orang-orang Melayu. Oleh yang demikian bolehlah kita andaikan bahawa orang-orang Melayu dari golongan bawahan tidak mendapat tempat dalam usaha-usaha pembaharuan ke arah pemodenan oleh pihak penjajah. Akibatnya orang-orang Melayu masih tinggal di takuk lama sementara kaum pendatang terus ghairah mengejar kemajuan dan keuntungan ekonomi khasnya dengan dokongan pihak penjajah. Petempatan tradisional orang-orang Melayu tinggal tetap di kawasan desa dan kampung sementara kawasan-kawasan bandar dan kawasan ekonomi yang strategis terus dibanjiri oleh kaum pendatang yang mencurah-curah masuk sejak British campur tangan dalam urusan pentadbiran negeri-negeri Melayu. Pihak British yang hanya menumpukan perhatian pada soal-soal pentadbiran dan pembangunan ekonomi sahaja tidak menghiraukan keadaan ini. Akibatnya kesan-kesan daripada dasar pecah dan perintah ini masih kekal sehinggalah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan malahan hingga kini.



SOALAN DALAM TEKS

- 4 Bolehkah anda memikirkan kesan-kesan lain yang tidak disebutkan di sini.



Bandingkan jawapan anda dengan jawapan yang terdapat di akhir pelajaran ini.

Pemodenan Malaysia : Satu Perbincangan

Anda telahpun didedahkan dengan perubahan-perubahan politik yang telah diperkenalkan oleh kerajaan Inggeris sejak mula mencampuri urusan pentadbiran negeri-negeri Melayu termasuklah yang berkaitan dengan dasar-dasar desentralisasi dan telah mengetahui unsur-unsur atau nilai-nilai tradisi yang mereka kekalkan serta serba sedikit kesan-kesan daripadanya. Maka kini kita akan sama-sama membincangkan persoalan pokok pelajaran ini, iaitu adakah benar orang-orang Inggeris yang bertanggung jawab memperkenalkan atau membawa pemodenan kepada Tanah Melayu? Untuk memenuhi tujuan itu pelajaran ini akan memetik atau membincangkan beberapa pandangan sarjana sejarah mengenai perkara ini. Mereka ialah Andaya, W.R. Roff, R. Emerson dan Khoo Kay Kim. Secara umumnya terdapat percanggahan pendapat antara keempat-empat sarjana itu. Dalam mencari satu kesimpulan yang berwibawa, anda boleh membuat tafsiran sendiri berdasarkan pandangan dan hujah-hujah mereka dan juga berdasarkan fakta-fakta sejarah yang anda ketahui.

Andaya dalam bukunya *Sejarah Malaysia*, menganggap bahawa apabila pihak British telah menguasai beberapa buah negeri Melayu sejak tahun 1819, bermakna telah 'lahirlah sebuah dunia baru'.³² 'Lahirlah sebuah dunia baru' ini adalah berikutan daripada ketaranya perubahan-perubahan yang telah dibawa oleh orang-orang Barat itu ke dunia Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, Andaya menegaskan bahawa kehadiran British di negeri-negeri Melayu bukanlah faktor utama yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap masuknya negeri-negeri Melayu ke zaman moden. Sebaliknya beliau beranggapan bahawa kedatangan Inggeris itu hanya bertindak sebagai agen yang mempercepatkan atau meneruskan kesinambungan kepada proses pemodenan yang telahpun dialami oleh negeri-negeri Melayu sebelum ini. Kesinambungan yang dimaksudkan itu ialah kesinambungan daripada perubahan-perubahan yang telah dibawa oleh orang-orang Barat sebelum Inggeris seperti Portugis dan Belanda yang pernah memerintah Melaka beratus-ratus tahun lamanya iaitu sejak dari tahun 1511 apabila kerajaan kesultanan Melaka jatuh ke tangan Portugis dan kemudiannya Belanda pada 1641. Andaya menekankan peranan dua kuasa penjajah ini barangkali bersabit dengan penghapusan pemerintah sistem beraja di Melaka sejak zaman Portugis dan tidak dapat dipulihkan hingga kini.

Walaupun begitu menurut Andaya lagi, perubahan-perubahan atau pembaharuan-pembaharuan yang dibawa oleh kedua-dua kuasa Barat ini tidaklah begitu ketara sepanjang tempoh pentadbiran mereka di Melaka khususnya, tidak seperti kerajaan Inggeris. Peranan Portugis dan Belanda kelihatan kecil berbanding Inggeris dalam hal ini kerana penguasaan mereka hanya di Melaka dan tidak di negeri-negeri Melayu yang lain. Tambahan pula, secara kebetulan mungkin, abad ke-19 iaitu detik mula Inggeris datang ke Tanah Melayu, dunia seluruhnya memang telah dilanda angin perubahan. Justeru itu, angin perubahan itu juga telah melanda negeri-negeri di Tanah Melayu. Oleh yang demikian, Andaya sendiri tidak dapat menafikan bahawa kedatangan Inggeris telah mencipta satu garis sempadan yang nyata dalam proses pemodenan negeri-negeri Melayu iaitu antara sebelum dan sesudah kedatangan Inggeris. Pendapat ini secara tidak langsung memperlihatkan kepada kita bahawa Andaya turut mengakui yang perubahan-perubahan yang telah dibawa oleh Inggeris telah meletakkan batu asas ke arah pengwujudan Malaysia yang moden.

Jika Andaya masih mempunyai pertimbangan lain untuk tidak meletakkan Inggeris sebagai faktor utama terhadap pengenalan negeri-negeri Melayu kepada dunia moden, tidak begitu halnya dengan R. Emerson. R. Emerson dalam bukunya bertajuk *Malaysia : Satu Pengkajian dalam Pemerintahan Secara Langsung dan Tidak Langsung*, dengan tegasnya mendakwa Inggeris adalah anasir utama yang bertanggungjawab meletakkan asas pemodenan kepada negeri-negeri Melayu. Kajian terawal mengenai Tanah Melayu di bawah pentadbiran British ini telah menyorot perubahan-perubahan dan pembaharuan-pembaharuan yang telah dibawa oleh kerajaan Inggeris sepanjang pemerintahan mereka di negeri-negeri berkenaan. Nampaknya beliau begitu terpengaruh dengan pepatah '*White man's Burden*' apabila menegaskan bahawa orang-orang Eropah adalah manusia yang lebih berkebolehan dalam hal-hal kemasyarakatan, ekonomi dan politik. Kemampuan ini menurut beliau lagi adalah sesuatu yang tidak boleh dipersoalkan lagi. Oleh yang demikian kedatangan orang-orang Inggeris ke negeri-negeri Melayu telah membawa faedah yang tidak sedikit kepada penduduk negeri itu terutama dari segi kemajuan material.

R. Emerson dalam tulisan itu telah mengengahkan pembaharuan-pembaharuan yang telah diperkenalkan kepada negeri-negeri Melayu yang menurutnya lagi masih diselubungi

dengan dunia tradisi baik dari segi struktur pemerintahan mahupun dalam bidang ekonomi dan infrastruktur. Sehubungan dengan itu beliau berasa hairan dengan sikap penduduk tempatan yang sesetengahnya bangun memberontak menentang kerajaan Inggeris dalam beberapa peristiwa protes, sedangkan kerajaan Inggeris berniat baik. Jadi, secara ringkasnya pendapat Emerson tentang campur tangan pihak British di Tanah Melayu, "Dalam beberapa hal campurtangan ini dari segi pendidikan mahupun kejayaan-kejayaannya yang besar, menjadi sebagai satu penghubung yang penting bagi Malaysia bercorak zaman pertengahan kepada dunia moden".³³ Walau bagaimanapun, timbul satu persoalan di sini, bagaimanakah tanggapan E. Emerson terhadap pengabaian kerajaan Inggeris dalam dasar-dasarnya yang membiarkan masyarakat pedalaman terus kekal dalam struktur dan suasana 'zaman pertengahan' itu?

Sebenarnya, pandangan R. Emerson ini adalah satu pandangan yang lumrah bagi kebanyakan sarjana Barat. Barangkali ini berpunca daripada diri mereka sendiri sebagai orang Barat atau mungkin juga kerana sumber-sumber yang digunakan dalam kajian-kajian mereka itu kebanyakannya daripada sumber Barat. Seorang lagi sarjana Barat yang sependapat dengan R. Emerson ialah G. D. Ness dalam kajiannya "Bureaucracy and Rural Development in Malaysia", apabila beliau menegaskan bahawa pihak British telah memperkenalkan Tanah Melayu kepada dunia moden sejak pengambilan Pulau Pinang pada tahun 1786 dalam banyak hal terutama mengenai struktur pentadbiran dan hal ehwal ekonomi.³⁴

W.R. Roff, seorang lagi sarjana Barat yang mengkaji tentang pemerintahan kerajaan Inggeris di Tanah Melayu serta kesan-kesan daripada beberapa dasar kerajaan Inggeris. Beliau, pada dasarnya juga tidak dapat menafikan tentang 'budi' yang telah ditabur oleh kerajaan Inggeris sepanjang era penjajahan mereka ke atas negeri-negeri Melayu. Roff dalam tulisannya *The Origins of Malay Nationalism* telah membandingkan kemajuan-kemajuan yang dicapai oleh Negeri-negeri Melayu Bersekutu (di bawah kuasa Inggeris) dengan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu sebagai membuktikan 'budi' yang telah ditaburkan itu. Beliau juga telah menyorot dasar dan matlamat pemerintahan kerajaan Inggeris di negeri-negeri Melayu yang disifatkan sebagai mahu menimbulkan kestabilan politik. Maka selain daripada pemerintahan cara Barat yang tersusun sebagai syarat utama, suasana kependudukan yang baik bagi kemajuan ekonomi dan perdagangan kekayaan alam

negeri itu, perlu diwujudkan, di samping mahu "mengutamakan kebajikan dan kemajuan orang-orang Melayu dalam rangka masyarakat Melayu yang tradisional".³⁵ Pernyataan ini boleh menjelaskan kepada kita tentang perubahan-perubahan dan pengekalan yang dilakukan oleh kerajaan Inggeris seperti yang dibincangkan sebelum ini.

Walau bagaimanapun Roff turut membincangkan kesan-kesan negatif yang timbul akibat perubahan-perubahan yang telah dibawa oleh kerajaan Inggeris khususnya kepada masyarakat Melayu. Menurut beliau, dalam banyak hal orang-orang Melayu terlalu sedikit dapat mengambil manfaat daripada pembaruan tersebut malah ia telah lebih menguntungkan bangsa lain terutama kaum pendatang. Struktur dan taraf hidup orang-orang Melayu terutama yang tinggal di kawasan-kawasan pedalaman tidak banyak berubah. Keadaan ini diburukkan lagi dengan sikap kerajaan Inggeris yang masih mengekalkan beberapa ciri hidup tradisional masyarakat Melayu yang telah kita bincangkan sebelum ini. Menurut Roff lagi hanya segelintir masyarakat Melayu yang benar-benar merasai angin perubahan itu iaitu mereka yang terdiri daripada keluarga diraja dan golongan aristokrat Melayu dan yang tinggal di bandar-bandar yang melibatkan diri dalam hal ehwal pentadbiran. Jadi nampaknya, dunia moden yang diperkenalkan oleh kerajaan Inggeris ini tidak menyeluruh sifatnya, hanya dibuka pada sesetengah golongan dan sesetengah tempat tetapi masih ditutup pada sesetengah golongan dan tempat yang lain.

Seorang lagi sarjana yang akan kita bincangkan pendapatnya di sini ialah Khoo Kay Kim. Jika kita membaca dan meneliti tulisannya bertajuk 'Malay Society, 1874-1920s', jelas sekali sarjana ini mempunyai pandangan yang agak berbeza dengan sarjana-sarjana lain yang telah kita bincangkan tadi. Khoo Kay Kim yang khusus membincangkan tentang masyarakat Melayu di dalam tulisannya itu, tidak begitu bersetuju dengan penerimaan umum bahawa tahun 1874 dilihat sebagai tarikh permulaan pembangunan Tanah Melayu iaitu selepas Perjanjian Pangkor ditandatangani yang menandakan bermulalah era campur tangan Inggeris dalam hal ehwal politik Negeri-negeri Melayu. Sebaliknya bagi beliau, tarikh tersebut hanya boleh dilihat sebagai tarikh perubahan dalam pentadbiran negeri-negeri Melayu oleh British dengan 'mengadakan apa yang tiada' dan 'meniadakan apa yang ada'. Maksudnya di sini Khoo Kay Kim mengakui berlakunya perubahan-perubahan politik oleh Inggeris tetapi itu tidak bermakna bagi beliau

bahawa British telah memodenkan negeri-negeri Melayu dan seterusnya memajukan negeri itu. Sebagai bukti, beliau telah mengemukakan beberapa perkara yang berkaitan dengan kemajuan-kemajuan yang dicapai oleh beberapa buah negeri Melayu sebelum ianya ditadbir oleh kerajaan Inggeris.³⁶

Negeri Johor, menurut beliau adalah contoh terbaik untuk menggambarkan bahawa ada negeri Melayu yang telah lama menuju ke era pemodenan termasuk melaksanakan sistem pentadbiran baru yang diusahakan oleh anak-anak tempatan. Ia telah dilakukan sebelum tahun 1874 lagi. Hasilnya, ia jelas berbeza daripada Pahang yang jauh ketinggalan walaupun telah ditadbir oleh Inggeris sejak dari 1888. Johor hanya menerima seorang Residen Inggeris selepas Perang Dunia Pertama. Jadi bolehlah dikatakan bahawa Johor telah moden terlebih dahulu dalam banyak hal sebelum pihak Inggeris campurtangan di negeri itu. Malahan Johor adalah negeri Melayu pertama yang mempunyai perlembagaan bertulis. Walau bagaimanapun menurut Khoo Kay Kim, dari segi perkembangan ekonomi, Johor tidak boleh menandingi Perak, tetapi bukan berpunca daripada kehadiran Inggeris kerana negeri itu memang kaya dengan sumber asli yang penting iaitu bijih timah.

Dalam bidang sosial yang lain, terutamanya pendidikan, kedatangan British menurut beliau lagi tidak banyak membawa perubahan. Malah dikatakan di setengah-setengah negeri seperti Kelantan dan Terengganu, sistem pendidikannya berkembang baik hasil usaha anak-anak tempatan. Lebih daripada itu dikatakan bahawa pihak British bukan hendak meninggikan atau memajukan lagi pendidikan Melayu, malah membuatnya jauh ketinggalan berbanding pendidikan Inggeris terutamanya. Hasilnya, masyarakat Melayu terus tertinggal di belakang kemajuan bangsa lain akibat dasar Inggeris yang tidak adil dan tidak menyeluruh itu. Dalam hal ini, Khoo Kay Kim juga membincangkan tentang aspek-aspek yang tidak disentuh oleh kerajaan Inggeris malah telah dikekalkan terus tanpa sentuhan arus pemodenan. Sebenarnya banyak lagi contoh-contoh dasar kerajaan Inggeris yang membuatkan Khoo Kay Kim tidak dapat menerima pendapat yang meletakkan Inggeris sebagai faktor utama yang telah membuka pintu negeri-negeri Melayu naungannya kepada arus pemodenan. Namun begitu, sayugia diingatkan kepada anda bahawa sebahagian besar daripada tulisan Khoo Kay Kim dalam artikel berkenaan ialah tentang masyarakat Melayu antara 1874 hingga 1920-an yang ditinjau

daripada aspek sosial dan pendidikan. Anda tidak boleh terkeliru di sini. Apapun, perkara utama yang ingin diutarakan di sini ialah penolakan Khoo Kay Kim terhadap kepentingan Inggeris sebagai peletak asas pemodenan bagi Malaysia dalam pelbagai bidang kerana beliau menegaskan bahawa negeri-negeri Melayu mempunyai sistem politiknya yang tersendiri dan tersusun baik sebelum diubah oleh Inggeris.

Para pelajar sekalian, kita telahpun membicarakan pandangan empat orang sarjana, rata-ratanya sarjana sejarah, tentang persoalan titik mula arus pemodenan yang telah melanda negeri-negeri Melayu. Daripada empat orang sarjana itu, tiga daripada mereka tidak dapat menafikan peranan Inggeris sebagai anasir utama, malah, seorang daripada mereka iaitu R. Emerson begitu yakin dan pasti tentang perkara ini. Manakala seorang lagi iaitu Prof. Khoo Kay Kim mempunyai pandangan yang agak bertentangan. Kini, adalah diharapkan agar para pelajar semua berupaya untuk membuat penilaian sendiri berdasarkan perbincangan-perbincangan yang termuat dalam pelajaran ini dari awal hingga akhir. Namun pembacaan kepada tulisan dan buku-buku yang berkenaan adalah perlu dan dapat membantu para pelajar dalam membuat penilaian yang berwibawa dan boleh dipertahankan.



SOALAN DALAM TEKS

- 5 Berdasarkan kepada pandangan keempat-empat sarjana yang telah dibincangkan itu, buat ulasan anda sendiri tentang perbezaan dan persamaan yang terdapat pada pandangan-pandangan tersebut.



Bandingkan jawapan anda dengan jawapan yang terdapat di akhir pelajaran ini.

RUMUSAN

Perubahan-perubahan politik oleh Inggeris telah meletakkan asas-asas pemodenan bagi negeri-negeri Melayu. Memang pada dasarnya kita tidak boleh menafikan kenyataan bahawa kedatangan Inggeris ke negeri-negeri Melayu sejak kurun ke 18 telah membawa banyak perubahan terutama dalam bidang politik. Dan sememangnya pula unsur-unsur pembaharuan tersebut begitu asing bagi negeri-negeri Melayu. Tidak juga dapat dinafikan bahawa perubahan-perubahan yang direalisasikan itu secara langsung telah menghapuskan sistem politik tradisi yang menjadi syarat bagi sesebuah negara itu memasuki alam baru era pemodenan. Bersandarkan kepada pernyataan-pernyataan ini maka nampaknya seolah-olah kita tidak boleh menolak hakikat pentingnya peranan Inggeris dalam sejarah kemunculan Malaysia sebagai negara moden.

Walau bagaimanapun, darjah kepentingan peranan mereka masih boleh diperbincangkan. Tambahan pula hakikat bahawa masih banyak lagi unsur tradisi yang dikekalkan di sepanjang tempoh pemerintahan mereka. Tidak kurang juga peranan yang dimainkan oleh tokoh-tokoh tempatan. Keraguan tentang peranan Inggeris ini semakin ketara apabila menyentuh tentang kesan-kesan yang ditanggung khususnya oleh masyarakat Melayu akibat dasar-dasar 'pemodenan' Inggeris itu.



PENYELESAIAN BAGI SOALAN DALAM TEKS

Uji kefahaman anda tentang pelajaran ini dengan menjawab soalan-soalan yang berikut:

1. Huraikan perubahan-perubahan politik yang telah dilakukan oleh British ke atas negeri-negeri Melayu yang telah dinaunginya.
2. Apakah anda bersetuju jika dikatakan bahawa pihak British bermaksud untuk memperkenalkan dunia moden kepada negeri-negeri Melayu?
3. Apakah kesan-kesan yang timbul akibat dasar-dasar yang telah dijalankan oleh pihak British?
4. Banding dan bezakan pandangan R. Emerson dengan pandangan W.R. Roff berkenaan pemodenan negeri-negeri Melayu.



SOALAN PENILAIAN KENDIRI

1. Aktiviti untuk soalan ini tidak diberikan kerana jawapannya akan anda perolehi daripada rujukan yang telah dinyatakan.
2. (Jawapan bagi soalan ini adalah bergantung kepada pandangan anda sendiri. Namun begitu jawapan-jawapan tersebut mestilah berlandaskan kepada fakta sejarah. Jawapan yang diberikan di bawah ini hanyalah sebagai contoh sahaja dan jawapan anda tidak semestinya terikat dengan contoh ini.)
 Apabila sistem residen diperkenalkan, kuasa-kuasa yang sebelum ini berada dalam tangan para pembesar Melayu telah berpindah ke tangan residen. Perubahan ini begitu dirasakan oleh golongan pemerintah apabila hak mengutip cukai yang selama ini tiada siapa menggugatnya telah 'dirampas' oleh

residen Inggeris. Pada peringkat awal perubahan-perubahan ini telah menimbulkan keresahan dan rasa tidak puas hati di kalangan pembesar Melayu yang terlibat. Biarpun mereka diberi elaun dan wang sara hidup sebagai ganti rugi tetapi kedudukan mereka dalam masyarakat telah hilang. Mereka beranggapan bahawa British yang datang ke tempat mereka telah merampas segala-galanya yang dinikmati mereka sebelum ini.

Kemuncak daripada perasaan tidak puas mereka, para pembesar ini telah mencetuskan penentangan secara terbuka terhadap kehadiran Inggeris di bumi mereka dengan harapan keadaan akan pulih seperti sediakala. Akibatnya meletuslah beberapa siri penentangan. Yang paling menonjol dan memberi kesan ialah pakatan pembesar-pembesar Perak untuk menentang Residen Perak yang pertama iaitu J.W.W. Birch. Pakatan ini yang dikatakan mendapat restu Sultan juga telah berakhir dengan pembunuhan Residen itu; tidak lama selepas beliau dilantik. Biarpun penentangan ini kemudiannya telah berjaya dikalahkan oleh pihak British dan pembesar-pembesar yang terlibat telah sama ada dihukum mati, atau dibuang negeri tetapi peristiwa ini tidak menjadikan pembesar-pembesar di negeri lain takut untuk turut sama menentang Inggeris.

Ini dapat dibuktikan dengan munculnya beberapa penentangan bersenjata oleh pembesar-pembesar tempatan seperti yang berlaku di Pahang yang diketuai oleh Datok Bahaman pada tahun-tahun 1891-95, di Sabah oleh Paduka Mat Salleh pada tahun-tahun 1894-1905, di Kelantan oleh Tok Janggut pada tahun 1915 dan di Terengganu pada tahun 1928 oleh Hj. Abdul Rahman Limbong. Kesemua pemberontakan ini melibatkan pembesar-pembesar tempatan yang tidak berpuas hati, tidak kira sama ada mereka daripada golongan bangsawan, alim ulama ataupun ketua-ketua kampung. Jadi bolehlah disimpulkan di sini bahawa reaksi pembesar-pembesar Melayu terhadap pembaharuan-pembaharuan oleh British yang melibatkan mereka pada amnya adalah negatif dan mereka tidak dapat menerimanya.

3. (Jawapan untuk soalan ini juga bertitiktolak daripada tafsiran masing-masing terhadap dasar-dasar Inggeris. Jadi anda mempunyai kebebasan untuk memberikan pandangan,

asalkan ia dapat dipertahankan. Jawapan yang diberikan di bawah ini hanyalah sebagai contoh.)

Apabila sesebuah badan pemerintah itu menjalankan dasarnya, maka sudah tentulah ia mempunyai matlamat tertentu. Dalam konteks kerajaan Inggeris di negeri-negeri Melayu, memang sudah jelas mereka mahu mengekalkan struktur masyarakat tradisi orang-orang Melayu. Oleh yang demikian dalam dasar-dasar mereka, matlamat ini perlu dipertimbangkan. Namun begitu ada matlamat yang tersirat di sebalik yang tersurat. Di antara perubahan-perubahan dan pengekalan berkenaan, kepentingan mereka sebagai penjajah dipastikan tidak terjejas. Dalam kes pengekalan unsur-unsur tradisi umpamanya sistem pendidikan yang lambat dimajukan khususnya kepada orang-orang Melayu, adalah untuk memastikan bahawa tidak akan muncul golongan yang berpendidikan dalam jangka waktu terdekat yang kelak akan bangun menentang mereka dan seterusnya menuntut pembebasan daripada dibelenggu oleh kuasa penjajah seperti yang pernah mereka alami di India. Jika ini berlaku tentulah kedudukan pihak penjajah akan tergugat sedangkan mereka belum mahu berundur dari negeri-negeri Melayu.

Dengan memperkenalkan beberapa perubahan kepada golongan tertentu seperti anak-anak raja dan bangsawan Melayu, pihak British berharap akan dapat sokongan dan kerjasama sepenuhnya daripada mereka. Pihak Inggeris sedar bahawa golongan ini adalah golongan yang mempunyai pengaruh yang besar ke atas masyarakat Melayu. Sudah tentulah sokongan dan kerjasama daripada golongan ini akan dapat diperolehi kerana kemudahan-kemudahan begitu banyak diberikan oleh Inggeris kepada mereka seperti berpeluang mendapat pendidikan Inggeris melalui institusi pendidikan yang dibina khusus untuk mereka seperti Maktab Melayu Kuala Kangsar dan seterusnya menjawat jawatan "penting" dalam kerajaan. Dengan kedudukan yang sedia ada golongan ini boleh mempengaruhi masyarakat bawahan agar terus hidup di bawah 'naungan' kerajaan Inggeris. Jadi, jelasny di sini pihak Inggeris telah mengambil kira semua aspek ketika menjalankan dasar-dasar mereka.

4. Untuk soalan ini, maklum balas tidak diberikan, tetapi para pelajar perlu memikirkan jawapannya. Untuk itu para pelajar

perluah membaca bahan-bahan bacaan yang berkaitan sebagai panduan.

5. (Maklum balas yang diberikan di sini hanyalah sebagai contoh ulasan sahaja dan ianya dibuat secara ringkas untuk panduan anda. Mungkin anda mempunyai persamaan atau perbezaan lain yang tidak terdapat di sini, maka anda boleh membuat tambahan).

Daripada keempat-empat pandangan sarjana berkenaan memang terdapat beberapa persamaan dan perbezaan. Persamaan yang ketara ialah apabila keempat-empat orang sarjana berkenaan mengakui bahawa pihak Inggeris telah melakukan banyak perubahan terutama dalam aspek politik di negeri-negeri Melayu. Cuma yang berbezanya di sini, R. Emerson, Andaya dan Roff menyifatkan perubahan-perubahan tersebut sebagai satu era baru atau menandakan bermulanya pengenalan sistem politik moden di negeri-negeri Melayu sedangkan Khoo Kay Kim menyatakan itu sebagai satu perubahan semata-mata. Bagaimanapun, antara ketiga-tiga sarjana tersebut terdapat perbezaan dari segi darjah kepentingan peranan yang dimainkan oleh Inggeris. R. Emerson contohnya memang meletakkan peranan Inggeris sebagai unsur utama dan tidak melihat aspek-aspek lain yang tidak disentuh oleh Inggeris kerana dia hanya menumpukan perhatian kepada aspek politik sahaja.

Roff dan Khoo Kay Kim menegaskan bahawa di samping memperkenalkan beberapa perubahan, pihak Inggeris juga bertindak mengekalkan beberapa unsur tradisi dan tidak membuat apa-apa perubahan dalam aspek-aspek yang lain pula. Sekaligus mereka berdua juga membincangkan kesan-kesan yang timbul akibat daripada dasar-dasar Inggeris tersebut. Ini berbeza dengan Andaya dan lebih-lebih lagi R. Emerson yang hanya menekankan tentang perubahan-perubahan politik yang telah dibawa oleh Inggeris, sedangkan Roff dan Khoo Kay Kim juga menyentuh tentang aspek ekonomi dan pendidikan.



BAHAN BACAAN

1. Emerson R., 1976. *Malaysia*. Kuala Lumpur: DBP.
2. Andaya B. W. & Andaya, L. Y., 1983. *Sejarah Malaysia*. Petaling Jaya: Macmillan Publishers.
3. Roff, W. R. 1994. *The Origins of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
4. Khoo Kay Kim, 1991. *Malay Society*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.

NOTA BELAKANG

1. G. D. Ness, 1967. *Bureaucracy and Rural Development in Malaysia* (California, University of California Press), hal. 13.
2. R. Emerson, 1976. *Malaysia* (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka), hal. 599.
3. B. W. Andaya & L. Y. Andaya, 1983. *Sejarah Malaysia*. (Petaling Jaya, Macmillan Publishers (M) Sdn. Bhd.), hal. 52.
4. J. M. Gullick, 1976. *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*. (Kuala Lumpur, DBP), hal. 71.
5. *Ibid.*, hal. 83.
6. *Ibid.*, hal. 106-107.
7. Andaya, *op. cit.*, hal. 52.
8. *Ibid.*, hal. 53.
9. Aruna Gopinath, 1993. *Sejarah Politik Pahang, 1880 - 1935*. (Kuala Lumpur, DBP), hal. 51.
10. Mohd. Isa Othman, 1990. *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*. (Kuala Lumpur, DBP), hal. 5.

11. *Ibid.*
12. Leonard Y. Andaya, 1987. *Kerajaan Johor 1641-1728*. (Kuala Lumpur, DBP), hal. 57.
13. Mohd. Isa Othman, *op. cit.*
14. J. M. Gullick, *op. cit.*, hal. 157.
15. *Ibid.*, hal. 55.
16. W. R. Roff, 1994. *Origins of Malay Nationalism*. (Kuala Lumpur, Oxford University Press), hal. 15.
17. B. W. Andaya & L. Y. Andaya, 1983. *op. cit.*, hal. 201.
18. W. R. Roff, *op. cit.*, hal. 23.
19. Khoo Kay Kim, 1991. *Malay Society*. (Petaling Jaya, Pelanduk Publications), hal. 3.
20. W. R. Roff, *op. cit.*, hal. 26.
21. B. W. Andaya & L. Y. Andaya, *op. cit.*, hal. 212.
22. R. Emerson, 1987. *Malaysia*. (Kuala Lumpur, DBP), hal. 178, catatan notakaki.
23. Yeo Kim Wah, 1982. *The Politics of Decentralization*. (Kuala Lumpur, Oxford University Press), hal. 23.
24. R. S. Milne & Diane K. Mauzy, 1992. *Politik dan Kerajaan di Malaysia*. (Kuala Lumpur, DBP), hal. 18.
25. Yeo Kim Wah, *op. cit.*, hal 64.
26. R. Emerson, *op. cit.*, hal. 187.
27. *Ibid.*, hal. 194.
28. *Ibid.*, hal. 200.

29. *Ibid.*, hal. 211.
30. *Ibid.*, hal. 212.
31. *Ibid.*, hal. 411.
32. B. W. Andaya & L.Y. Andaya, *op. cit.*, hal. 131
33. R. Emerson, *op. cit.*, hal. 596.
34. G. D. Ness, *op. cit.*, hal. 13.
35. W. R. Roff, *op. cit.*, hal. 12.

PELAJARAN 3

PEMBENTUKAN PERLEMBAGAAN 1945 - 1948 DAN PERLEMBAGAAN MERDEKA 1957

Objektif Pelajaran

Adalah diharapkan anda akan dapat memenuhi objektif pelajaran ini selepas mengikutinya iaitu:

- Mengenalpasti** dasar-dasar kerajaan British dalam gagasan Malayan Union 1946 dan Persekutuan Tanah Melayu 1948.
 - Menjelaskan** matlamat sebenar British memperkenalkan gagasan Malayan Union dan Persekutuan Tanah Melayu.
 - Menganalisis** pandangan sarjana berhubung dengan matlamat British menggubal gagasan Malayan Union.
 - Menghuraikan** persamaan dan perbezaan dasar-dasar British dalam gagasan Malayan Union dan Persekutuan Tanah Melayu.
-

PENGENALAN

Dalam pelajaran ini kita akan cuba meninjau keadaan politik Tanah Melayu yang bergolak selepas pendudukan Jepun berakhir apabila Perangan Dunia Ke-2 tamat. Dua peristiwa penting yang memperlihatkan perubahan dasar-dasar British sebaik saja menduduki semula Tanah Melayu menjadi tumpuan pelajaran ini iaitu cadangan penubuhan kerajaan Malayan Union pada tahun 1946 dan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948. Kedua-dua gagasan ini mempunyai kaitan yang sangat rapat antara satu dengan yang lain dan telah mendatangkan kesan politik yang besar kepada Tanah Melayu bukan sahaja kerana ia melibatkan perubahan drastik struktur pentadbiran Tanah Melayu tetapi juga ia telah memperlihatkan buat julang-julang kalinya penyatuan masyarakat Melayu yang diibaratkan sebagai pencetusan semangat nasionalisme Melayu yang hebat dalam sejarah Malaysia.

Malayan Union adalah satu gagasan yang telah digubal oleh kerajaan British sebelum perang dunia tamat lagi. Gagasan ini mengandungi perubahan-perubahan dasar politik British yang agak drastik jika dibandingkan dengan dasar mereka sebelum perang. Penyatuan negeri-negeri Melayu di bawah satu pemerintahan pusat di bawah kuasa Gabenor Jeneral British adalah contoh kepada dasar yang termaktub dalam gagasan Malayan Union. Sebelum ini sebagaimana yang kita semua sedia maklum, negeri-negeri Melayu diperintah secara berasingan atau yang disebut juga sebagai dasar pecah dan perintah. Tanah Melayu terbahagi kepada tiga kelompok yang besar iaitu Negeri-Negeri Selat (Melaka, Pulau Pinang dan Singapura), Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang) dan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu (Johor, Kelantan, Kedah dan Terengganu serta Perlis).

Persoalan pokok yang akan dibincangkan mengenai gagasan Malayan Union ini ialah, sejauh manakah dapat dikatakan bahawa pengenalan gagasan ini boleh dianggap sebagai telah meletakkan satu asas kepada sebuah kerajaan yang berpemerintahan sendiri kepada Tanah Melayu oleh British? Adakah gagasan Malayan Union dan kemudiannya ditukar kepada Persekutuan Tanah Melayu 1948 dapat dianggap sebagai perintis ke arah mewujudkan sebuah negara baru yang mempunyai ciri-ciri pemerintahan moden? Lebih jelas lagi adakah matlamat kerajaan Inggeris memperkenalkan

Malaya Union sebagai satu usaha untuk memberi taraf pemerintahan sendiri dalam rangka sebuah negara-bangsa? Sebagai panduan kepada anda sekalian untuk membuat keputusan kepada persoalan-persoalan tadi, pelajaran ini akan memetik beberapa pandangan ahli sejarah dan politik yang mengkaji tentang Malayan Union dan tujuan-tujuan serta matlamat jangka panjangnya yang seiring dengan persoalan yang dikemukakan tadi.

Persekutuan Tanah Melayu telah dikemukakan sebagai ganti kepada Malayan Union yang mendapat tentangan hebat daripada pelbagai pihak terutamanya pemimpin-pemimpin Melayu. Kita akan tinjau dasar-dasar yang terkandung dalam gagasan Persekutuan ini dan akan melihat, sejauh manakah ianya berubah jauh daripada matlamat sebenar British ketika memperkenalkan Malayan Union sebagai usaha memuaskan hati pihak-pihak yang menentangnya? Atau dengan kata lain dapatkah diterima bahawa Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu ini adalah sebagai satu pembetulan kepada kesilapan yang terdapat pada Perlembagaan Malayan Union sehingga ia diterima oleh pemimpin-pemimpin Melayu yang menentang Malayan Union sebelum ini.

Selanjutnya, untuk memperteguhkan lagi kesimpulan kita terhadap pokok persoalan pelajaran ini, kita akan meninjau Perlembagaan Merdeka 1957 yang dirangka oleh Suruhanjaya Reid bagi membolehkan Tanah Melayu diberi kemerdekaan. Sejauh mana perlembagaan baru ini berbeza atau sama dengan perlembagaan yang sebelumnya akan dibincangkan. Dengan membuat penelitian yang rapi kita pasti dapat jawapannya.



Perlembagaan Malayan Union

Sebagai satu permulaan dalam sesi pembelajaran ini, adalah lebih baik jika anda cuba kembalikan ingatan terhadap apa-apa sahaja perkara yang berkaitan dengan Malayan Union. Saya percaya, topik tentang Malayan Union ini bukanlah satu topik yang baru dan asing bagi anda. Jadi, cuba ingatkan kembali dan catatkan apa-apa sahaja yang anda ketahui tentang Malayan Union. Barangkali ia akan dapat membantu anda memahami pelajaran ini dengan lebih mudah.

Selepas Jepun dengan rasminya menyerah kalah dalam bulan Ogos 1945, British telah kembali ke Tanah Melayu. Kembalinya British bukanlah dengan tangan kosong, sebaliknya mereka membawa bersama satu cadangan baru dalam urusan politik dan pentadbiran Tanah Melayu untuk menggantikan pemerintahan tentera British (BMA). Cadangan yang dikenali sebagai Malayan Union atau Kesatuan Tanah Melayu itu merupakan satu cadangan perlembangan baru yang begitu asing bagi pemimpin-pemimpin dan masyarakat Melayu juga kaum-kaum lain. Hanya pemimpin-pemimpin Inggeris sahaja yang tahu hal ini. Hanya setelah kertas putih yang mengandungi cadangan-cadangan Malayan Union dikeluarkan pada January 1946 barulah masyarakat Tanah Melayu tahu akan rancangan British itu. Bagaikan terkena kejutan elektrik,¹ masyarakat Tanah Melayu tanpa mengira kaum mula memperlihatkan reaksi mereka.

Tanpa berbincang terlebih dahulu dengan para Sultan dan pemimpin-pemimpin Melayu serta tanpa menghiraukan kritikan-kritikan dan perasaan tidak puas hati sama ada di kalangan pentadbir-pentadbir Inggeris yang lama atau pemimpin-pemimpin Melayu sendiri, kerajaan British telah mempertanggungjawabkan tugas mendapatkan persetujuan daripada Raja-raja Melayu melalui tandatangan masing-masing terhadap cadangan berkenaan kepada Harold Mac Michael. Atas kecekapan beliau, tugas itu selesai dalam tempoh masa dua bulan sahaja. Tidak ada satupun tandatangan Raja-raja Melayu yang tidak diperolehi oleh Harold Mac Michael. Maka dengan segala persiapan yang rapi Malayan Union diisytiharkan pada 1 April 1946, dengan Edward Gent sebagai gabenor yang pertama. Pengkabungan masyarakat Melayu termasuk raja-rajanya tidak menghalang kerajaan Inggeris melaksanakan perlembagaan tersebut. Timbul persoalan di sini, mengapa kerajaan Inggeris begitu beriya-ya benar melaksanakan Malaysia Union walaupun mendapat kecaman daripada pelbagai pihak? Untuk menjawab persoalan itu eloklah kita meneliti tentang dasar-dasar British dalam gagasan Malayan Union itu.

Dalam kertas putih yang telah dikeluarkan oleh kerajaan British pada bulan Januari 1946 terkandung alasan-alasan Malayan Union diperlukan. Ia juga mengandungi cadangan-cadangan Perlembagaan Malayan Union. Pihak British juga telah menyatakan matlamat atau hasrat sebenar mereka apabila mengutarakan cadangan tersebut. Menurut pihak British mereka perlu membuat perubahan dalam urusan pentadbiran di negeri-negeri Melayu

kerana sistem pentadbiran yang terdahulu tidak sesuai lagi dengan kemajuan yang ingin dicapai oleh negeri-negeri Melayu dalam dunia yang serba moden selepas perang. Oleh yang demikian menurut British lagi;²

"A Stage has now been reached when the system of government should be simplified and reformed. International relations as well the security and other interest of the British Commonwealth require that Malaya should be able to exercise an influence as a united and enlightened country appropriate to her economic and strategic importance."

Perubahan ini juga perlu mengikut British untuk memenuhi kepentingan mereka dalam komanwel British. Bukan setakat kepentingan itu sahaja yang memerlukan negeri-negeri Melayu berubah dari segi struktur pentadbiran, malahan yang lebih penting lagi menurut pihak British ialah;³

"On a longer view, too, the pre-war system will not lend itself to that political adjustment which will offer, through broad-based institutions in which the whole community can participate, the means and prospect of developing Malaya's capacity in the direction of responsible self-government."

Nampaknya daripada kenyataan yang telah dibuat oleh kerajaan Inggeris, matlamat Malayan Union memang baik dan ada asas-asas untuk menyediakan Tanah Melayu ke arah berpemerintahan sendiri. Perkara ini terserlah dengan tindakan British menyatukan kesemua negeri-negeri Melayu menjadi satu unit politik. Penyatuan ini akan memudahkan urusan pentadbiran Tanah Melayu berbanding sistem politik sebelum perang yang terpecah-pecah. Jadi apabila British meninggalkan Tanah Melayu suatu hari nanti, mudahlah bagi anak-anak watan untuk mentadbir negeri-negeri Melayu yang telah disatukan itu. Namun begitu yang menimbulkan persoalan di sini, mengapa dalam gagasan tersebut Tanah Melayu diletakkan pada taraf *Crown Colony* (Tanah Jajahan)? Ini menunjukkan bahawa British mempunyai matlamat lain yang lebih

penting iaitu untuk membangunkan ekonomi Tanah Melayu seperti yang disebutkan dalam *command paper*. Lanjutan daripada itu timbul pula persoalan lain di sini iaitu sejauh manakah matlamat untuk memenuhi kepentingan negeri-negeri Melayu diutamakan berbanding dengan kepentingan pihak British sendiri dalam pelaksanaan Malayan Union itu?

Walaupun gagasan Malayan Union umumnya dikatakan hanya digubal ketika Jepun menduduki Tanah Melayu tetapi menurut C. M. Turnbull dan Albert Lau,⁴ kerajaan British memang telah lama menyedari akan kedudukan mereka yang goyah dan tidak kukuh di negeri-negeri Melayu kerana taraf mereka hanyalah sebagai penaung dan penasihat sahaja, bukan sebagai pemerintah mutlak. Mereka terikat dengan perjanjian-perjanjian yang telah ditandatangani dengan raja-raja Melayu yang tidak mahu kedaulatan mereka diganggu gugat terutama oleh Raja-Raja dari Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu. Menurut Albert Lau, telah ada percubaan oleh kerajaan British untuk mendapatkan kekuasaan yang lebih daripada Raja-Raja Melayu melalui perjanjian Persekutuan 1909,⁵ namun ia tidak mendatangkan apa-apa hasil.

Namun begitu kerajaan British tidak mudah berputus asa. Percubaan demi percubaan dilakukan termasuklah dengan pelaksanaan dasar desentralisasi. Walaupun pada dasarnya, dasar desentralisasi nampaknya seolah-olah akan menguatkan lagi kekuasaan negeri-negeri Melayu tetapi pelaksanaan itu dilakukan dengan harapan Raja-Raja Melayu akan melihat adanya rasional untuk mengadakan perjanjian baru dengan pihak British bagi pemusatan kuasa yang lebih. Bagi Sir L. Guillemard (Pesuruhjaya Tinggi, 1919 - 27) desentralisasi adalah satu taktik untuk melonggarkan simpulan persekutuan antara negeri-negeri Melayu dan dalam masa yang sama sebagai persediaan ke arah memperkukuhkan ikatan kesatuan antara negeri-negeri tersebut.⁶ Namun begitu dasar desentralisasi ini tidak dapat memenuhi kehendak-kehendak pihak British malah ada yang menempelak dasar itu sebagai dasar yang mundur, bersifat diskriminasi dan membazir.⁷ Sehingga perang meletus dan Tanah Melayu bersama Singapura jatuh ke tangan tentera Jepun, cita-cita kerajaan British untuk membentuk sebuah kesatuan di Tanah Melayu tidak dapat dilaksanakan.



Berhenti sebentar membaca. Cuba anda renung dan fikirkan tentang dasar desentralisasi yang telah dijalankan oleh kerajaan Inggeris pada tahun-tahun 1920an. Seharusnya anda tahu tentang dasar desentralisasi ini kerana ia sudah dibincangkan dalam pelajaran yang lepas. Pada pendapat anda apakah matlamat sebenar dasar itu. Sebagai tambahan anda boleh dapatkan maklumat yang terperinci tentang dasar ini dalam tulisan Yeo Kim Wah bertajuk *The Politics of Decentralization*.

Kerajaan British juga telah didesak oleh penduduk imigran untuk diberikan lebih hak kepada mereka daripada yang diterima selama ini. Dasar British sebelum perang lebih pro-Melayu dan ini menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan masyarakat lain. Kerajaan British tidak boleh memandang sepi tuntutan-tuntutan penduduk bukan Melayu kerana mereka ini telah memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi Tanah Melayu terutama dalam industri perlombongan, perdagangan dan perladangan. Malah terdapat pegawai Inggeris yang melihat bahawa kaum inilah yang lebih berhak mewarisi Tanah Melayu kelak.⁸ Namun begitu pihak British tidak dapat melayan tuntutan-tuntutan tersebut terutamanya yang berkaitan dengan kerakyatan di sesebuah negeri Melayu kerana statusnya sebagai penaung sahaja. Oleh yang demikian kita dapati dalam rombakan perlembagaan selepas perang, soal kerakyatan mengalami perubahan dasar yang besar sebagai memenuhi tuntutan masyarakat bukan Melayu selain daripada membentuk kesatuan antara negeri-negeri Melayu.

Oleh yang demikian, bolehlah kita katakan bahawa gagasan Malayan Union adalah merupakan gagasan yang telah dicitacitakan oleh pihak British sejak sekian lama. Ianya menjadi begitu mendesak sekali setelah Tanah Melayu jatuh ke tangan tentera Jepun semasa perang. Dikatakan bahawa corak pentadbiran British di Tanah Melayu yang hanya bertaraf sebagai penaung dan keadaannya yang terpecah-pecah kepada tiga jenis pentadbiran (NNS, NMB & NMTB) itulah yang telah menyebabkan mudahnya mereka tewas kepada tentera Jepun dalam masa yang singkat. Namun begitu barangkali ini hanyalah sebagai satu alasan mereka untuk melaksanakan gagasan Malayan Union dan memerintah negeri-negeri Melayu secara langsung.

Jadi kini, kita akan meninjau secara ringkas tentang cadangan-

cadangan perlembagaan Malayan Union yang terkandung dalam kertas putih yang telah dikeluarkan oleh kerajaan British iaitu yang bertajuk *Malayan Union and Singapore: Summary of Proposed Constitutional Arrangements* (March 1946).

Malayan Union menyatukan seluruh negeri-negeri Melayu kecuali Singapura di bawah satu kuasa pusat yang diketuai oleh seorang Gabenor Jeneral yang dilantik dengan persetujuan raja England. Setiap negeri pula akan diperintah oleh Pesuruhjaya Residen yang bertanggungjawab kepada Gabenor. Kuasa Gabenor memang luas, meliputi kuasa menentukan dasar-dasar kerajaan dalam perkara-perkara utama yang berkaitan. Untuk memenuhi tujuan ini Gabenor akan mempengerusikan Majlis Eksekutif yang terdiri daripada Ketua Setiausaha, Peguam Negara, Setiausaha Kewangan bersama dua orang ahli rasmi dan 5 orang ahli tidak rasmi yang dilantik oleh Gabenor. Majlis ini merupakan tempat untuk membincangkan dasar-dasar kerajaan kolonial.

Selain daripada itu Gabenor juga bertindak sebagai Presiden dalam Majlis Legislatif. Sebagai presiden kuasanya terlalu luas sehingga boleh mengubah, memansuh dan membatalkan manamana undang-undang negeri yang bertentangan dengan undang-undang Malayan Union⁹ yang diluluskan oleh Parlimen British. Nampaknya jelas di sini bahawa Gabenor memainkan peranan yang besar sebagai ketua negara melampaui kuasa Raja-Raja Melayu. Bagi Raja-Raja Melayu pula, telah dibentuk satu majlis khas yang dinamakan Majlis Sultan-Sultan yang turut disertai oleh Gabenor sebagai Presiden. Antara lain tugas majlis ini ialah untuk menimbang undang-undang yang berkaitan dengan agama Islam yang telah diputuskan oleh Majlis Penasihat Melayu (*Malay Advisory Council*). Majlis Penasihat Melayu ini wujud di setiap negeri Melayu dan berfungsi memberi nasihat kepada sultan-sultan dalam hal-hal berkaitan agama Islam. Ini sesuaiilah dengan kekuasaan sultan-sultan Melayu yang hanya berlegar dalam perkara agama sahaja, namun ia tetap dalam pengawasan kerajaan Inggeris dengan kehadiran Gabenor sebagai Presiden Majlis tersebut.

Dengan kuasa yang sebegitu besar maka tidak hairanlah jika timbul keraguan terhadap niat sebenarnya kerajaan Inggeris memperkenalkan gagasan Malayan Union. A.J. Stokkwell sendiri menegaskan bahawa tujuan asas Malayan Union memang untuk memperteguhkan lagi kuasa mereka di negeri-negeri Melayu.¹⁰ Lebih terserlah tentang niat Inggeris ini apabila negeri-negeri Melayu

diletakkan pada taraf tanah jajahan (*Crown Colony*) mereka. Anda perlu meluangkan masa untuk meneliti cadangan-cadangan perlembagaan Malayan Union ini bagi memudahkan pemahaman anda mengenai dasar dan matlamat sebenar kerajaan Inggeris.

Satu perkara lagi yang tersangat penting dan yang telah menimbulkan kontroversi ialah berkaitan dengan kerakyatan Malayan Union. Kerakyatan Malayan Union terbuka kepada:-¹¹

- (a) Sesiapa sahaja yang lahir dalam Malayan Union atau Singapura sebelum tarikh Perlembagaan Malayan Union dikuatkuasakan dan tinggal di mana-mana negeri dalam Malayan Union atau Singapura.
- (b) Sesiapa sahaja yang berusia 18 tahun atau lebih yang bermastautin di Malayan Union atau Singapura apabila penguatkuasaan dijalankan, dalam masa 15 tahun sebelum 15 Februari 1942, 10 tahun daripada itu beliau telah bermastautin di Malayan Union atau Singapura.
- (c) Sesiapa sahaja yang lahir pada atau selepas penguatkuasaan Malayan Union.
- (d) Sesiapa yang lahir di luar dari Malayan Union dan Singapura pada atau selepas penguatkuasaan yang bapanya adalah warganegara Malayan Union/Singapura semasa beliau dilahirkan atau telah menjadi warganegara Malayan Union/Singapura melalui perkara (b) atau melalui permohonan, kanak-kanak berusia bawah 18 tahun daripada perkara (a) dan (b) adalah juga warganegara Malayan Union.

Permohonan untuk menjadi warganegara Malayan Union hanya akan dipertimbangkan jika memenuhi syarat-syarat berikut:-

- (a) Pemohon telah tinggal menetap di Malayan Union/Singapura setahun sebelum tarikh permohonan dibuat, dan telah lebih empat tahun menetap dalam masa lapan tahun sebelum permohonan,
- (b) Pemohon mestilah yang berkelakuan baik dan boleh berbahasa Melayu atau Inggeris dan,

- (c) Bersedia untuk tinggal menetap di Malayan Union/Singapura jika permohonannya diterima.

Demikianlah ketetapan yang telah diambil oleh kerajaan British berkenaan kerakyatan bagi Malayan Union dan Singapura. Jika ianya dikuatkuasakan, maka ramai kaum imigran yang layak menjadi warganegara Malayan Union sama ada secara automatik mahupun melalui permohonan. Ini adalah kerana kaum imigran memang telah lama mendiami negeri-negeri Melayu, sejak pertengahan abad ke-19 lagi.



SOALAN DALAM TEKS

- 1 Sebagai satu aktiviti, cuba anda berikan komen tentang syarat-syarat kerakyatan yang telah ditetapkan dalam perlembagan Malayan Union. Apakah yang dapat anda simpulkan tentang hasrat kerajaan Inggeris berhubung syarat kerakyatan ini?



Bandingkan jawapan anda dengan maklum balas yang terdapat pada bahagian akhir pelajaran ini.

Malayan Union: Satu perbincangan dari segi dasar dan matlamat

Sejarawan terawal yang mengkaji tentang Malayan Union ialah James de ve Allen dalam tulisannya, **The Malayan Union**. Beliau menggariskan beberapa motif utama kerajaan Inggeris memperkenalkan gagasan tersebut.¹² Allen berpendapat bahawa matlamat Malayan Union yang terpenting sekali ialah sebagai satu persediaan oleh kerajaan British untuk Tanah Melayu mencapai taraf pemerintahan sendiri biarpun ianya tidak dapat ditentukan waktunya. Matlamat ini jelas dan nyata walaupun Malayan Union akan meletakkan taraf seluruh negeri-negeri Melayu sebagai tanah jajahan (*Crown Colony*) yang ditadbirkan secara langsung oleh British. Mengikut Allen, British perlu berbuat demikian untuk menjaga kepentingannya di Tanah Melayu terutama dari segi keperluan ekonomi memandangkan Tanah Melayu kaya dengan hasil buminya iaitu getah dan bijih timah. Tanah Melayu ingin

dijadikan sebagai sumber untuk memulihkan kedudukan ekonominya yang terjejas akibat perang dan juga untuk menyaingi ekonomi Amerika Syarikat yang semakin meningkat. Oleh yang demikian jika sumber ekonomi itu tidak ditadbirkan secara langsung oleh Britain, maka besar kemungkinan matlamat yang disebutkan tadi tidak akan dapat dicapai.

Allen mempunyai alasan yang tersendiri ketika mengambil pendirian yang sedemikian rupa. Menurut beliau dasar-dasar Malayan Union yang melibatkan pengambilan ahli-ahli baru dalam perkhidmatan awam, dasar-dasar sosial dan pendidikan melambangkan niat kerajaan British untuk memberikan taraf pemerintahan sendiri kepada Tanah Melayu. Walaupun tidak dapat dijangkakan bila waktunya taraf pemerintahan sendiri dapat dicapai tetapi menurut Allen kerajaan British akan mempercepatkannya apabila jentera pentadbiran dapat diperkemas lagi dengan lahirnya pentadbir-pentadbir yang berkemampuan untuk mentadbir negeri ini kelak dan ianya berkembang selaras dengan prinsip demokrasi.

Matlamat lain Malayan Union menurut Allen lagi, ialah untuk menyatukan negeri-negeri Melayu yang terpecah-pecah sebelum ini. Matlamat ini jelas dengan penyatuan semua negeri-negeri Melayu (kecuali Singapura) di bawah satu unit pentadbiran. Kerajaan British perlu berbuat demikian kerana sistem pentadbiran yang lama mendatangkan kesulitan bagi kerajaan untuk mentadbirnya secara menyeluruh dan berkesan atas beberapa sebab. Pertamanya kerana unit-unit politiknya terpecah-pecah dan sistem pentabdirannya pula berbeza.¹³ Keduanya berkaitan dengan syarat perjanjian di antara raja-raja Melayu dengan British yang meletakkan taraf negeri-negeri Melayu hanya sebagai negeri naungan Britain, bukan yang diperintah secara langsung/dijajah. Tambahan pula dari aspek pertahanan dan keselamatan negeri daripada serangan musuh, keadaan negeri yang berpecah-pecah itu akan memudahkannya jatuh ke tangan musuh seperti yang berlaku dalam peperangan dunia yang kedua yang baru lalu. Oleh yang demikian kerajaan British mempunyai alasan yang cukup kuat dari segi keselamatan untuk menyatukan negeri-negeri Melayu di bawah satu sistem pentadbiran di bawah gagasan Malayan Union.

Matlamat Malayan Union yang ketiga berkaitan dengan dasar kerakyatan yang begitu longgar yang ditawarkan kepada bukan Melayu yang berminat untuk menjadi rakyat Tanah Melayu. British pada dasarnya ingin mewujudkan kerakyatan yang berbilang kaum.

Namun begitu bagi Allen dasar ini sebenarnya sebagai satu cara British menghargai perjuangan masyarakat Cina khususnya yang berusaha menentang Jepun melalui pertubuhan *Malayan Peoples' Anti Japanese Army* (MPAJA) semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Dalam masa yang sama dasar kerakyatan yang lebih longgar ini juga disifatkan sebagai satu hukuman kepada pemimpin-pemimpin dan orang Melayu yang dikatakan bekerjasama dengan Jepun untuk mengalahkan British dalam usaha mereka untuk mencapai kemerdekaan bersama Indonesia di bawah selogan Indonesia Raya. Dikatakan juga bahawa perasaan anti-Melayu telah wujud di kalangan pegawai-pegawai Inggeris berikutan tuduhan itu. Oleh yang demikian, dalam gagasan *Malayan Union* dasar pro-Melayu dan dasar perlindungan kepada hak-hak keistimewaan orang-orang Melayu telah dihapuskan. Lantaran itu jugalah kuasa raja-raja Melayu ditarik dan dihinduskan ke dalam tangan Gabenor Jeneral termasuk hal-hal yang berkaitan dengan hal ehwal adat resam Melayu dan agama Islam.

Bagaimanapun, pendapat Allen ini tidak dipersetujui oleh M. R. Stenson. Sebaliknya Stenson menegaskan bahawa dasar kerakyatan *Malayan Union* yang diatur sebegitu rupa adalah untuk mewujudkan masyarakat pelbagai kaum di Tanah Melayu. Pihak British menurut Stenson lagi sedar bahawa keutuhan ekonomi kapitalis yang ada sekarang bergantung penuh kepada tenaga buruh Cina dan India.¹⁴ Oleh yang demikian kerajaan British tiada pilihan dan terpaksa memikirkan tuntutan-tuntutan yang pernah dikemukakan oleh kedua-dua kaum ini sejak tahun 1930 an lagi. Ringkasnya di sini, jika pun benar dasar kerakyatan terbuka itu sebagai membalas budi kaum imigran, akan tetapi bukanlah kerana sikap mereka dan sikap orang Melayu semasa perang itu. Ia lebih kepada tanda menghargai sumbangan mereka dalam bidang ekonomi.

Seorang lagi sarjana yang menulis tentang *Malayan Union* sambil mengkritik pandangan Allen ialah Mohd. Nordin Sopiee; seorang sarjana sains politik tempatan. Mohd. Nordin Sopiee dalam kajiannya bertajuk *From Malayan Union to Singapore Separation*, (bab 2) meragui pandangan Allen berkenaan dengan matlamat *Malayan Union*. Beliau tidak dapat melihat *Malayan Union* sebagai satu persediaan oleh British ke arah pemerintahan sendiri sebaliknya beliau beranggapan bahawa *Malayan Union* adalah sebagai langkah pertama (dalam perjalanan yang masih jauh) ke arah pemerintahan sendiri bagi Tanah Melayu. Kerajaan British di

Tanah Melayu menurut beliau, tersepit di antara dua situasi selepas perang iaitu di antara desakan rakan sekutunya Amerika Syarikat agar memberikan kemerdekaan kepada tanah jajahannya dengan keperluan ekonomi mereka yang mendesak. Sebagai jalan keluar, British mencadangkan gagasan Malayan Union yang dikatakan mengandungi kedua-dua kepentingan. Pendeknya, kerajaan British terpaksa menjajah dalam usaha memberi taraf pemerintahan sendiri kepada Tanah Melayu (*colonise in order to decolonise*)¹⁵ dan Malayan Union merupakan satu cara mereka merampas kuasa pemimpin-pemimpin Melayu secara sah bagi memudahkan mereka mengatur strategi pentadbiran yang dapat menjaga kepentingan-kepentingan mereka.

Dari segi matlamat British memperkenalkan gagasan Malayan Union, Mohd. Nordin Sopiee berpendapat bahawa, matlamat utama Malayan Union ialah untuk membangunkan sektor ekonomi dengan memberi tumpuan kepada industri getah dan bijih timah; dua sumber alam yang penting dan mampu memberi pulangan yang lumayan jika dimajukan. Ini dapat dilakukan dengan menguatkan dan memusatkan kuasa dalam rangka kesatuan negeri-negeri Melayu yang diperintah secara terus. Pembangunan semula ekonomi Tanah Melayu selepas perang adalah penting kerana ia merupakan sumber untuk mengukuhkan semula kedudukan ekonomi British yang terpaksa bersaing dengan negara-negara besar lain terutama Amerika Syarikat. Jadi tiada sebab British harus mempersia-siakan peluang ini. Dalam aspek ini pendapat Mohd. Nordin Sopiee ini nampaknya tidak bercanggah dengan Allen.

Bagaimanapun, Mohd. Nordin Sopiee menegaskan bahawa ada matlamat Malayan Union lain yang telah diabaikan oleh Allen iaitu yang berkaitan dengan perkembangan semangat kesedaran kebangsaan Melayu (*Malayan Consciousness*). Malayan Union dilihat sebagai satu usaha untuk membangkitkan perasaan kesedaran (nasionalisme) di kalangan orang-orang Melayu khususnya dalam rancangan pihak British untuk memberikan taraf pemerintahan sendiri kepada Tanah Melayu. Beliau menambah bahawa selama ini perasaan sedemikian terbandung kerana dua sikap yang menyelubungi masyarakat Melayu iaitu fahaman kenegerian yang sempit akibat sistem politik yang terdahulu dan perasaan kebanggaan terhadap keturunan atau dinasti tertentu (*dynastic pride*). Perkara ini turut disedari oleh pihak British sendiri dan jelas digambarkan oleh seorang pegawai British yang dipetik

di bawah ini:-¹⁶

"The Malays cherish a definite loyalty towards their rulers and this feeling conflicts with the development of any allegiance towards a larger unit than the state. There is no wide-spread conceptions among the Malays that they are 'Malayans', with common duties and problems; and this is the first problem which must be faced in Malaya if the country is to advance towards nationhood and self-government within the British Commonwealth."

Oleh yang demikian adalah diharapkan dengan pelaksanaan gagasan Malayan Union yang mensyaratkan bahawa kesetiaan rakyat tidak lagi ditujukan kepada raja masing-masing tetapi kepada Ratu England membantu memberi kesedaran kepada orang-orang Melayu tentang perlunya mereka bersatu dan secara tidak terlangsung menyemai semangat cintakan Tanah Melayu sebagai tanah air dan sebuah negara-bangsa. Ini bermakna bahawa perasaan ketaatsetiaan tidak lagi hanya tertumpu kepada sultan dan negeri masing-masing. Semangat ini menurut kerajaan British adalah penting untuk membangunkan sesebuah negara yang baru dalam menuju ke arah pemerintahan sendiri dan bercirikan sebuah negara moden. Taat setia yang hanya ditumpahkan kepada raja-raja atau sultan masing-masing tidak akan membawa kepada tumbuhnya perasaan kebangsaan dan cintakan tanah air sendiri. Jika perasaan seumpama ini tidak ada maka sukarlah bagi sesebuah negara itu wujud dan terus kukuh di persada dunia ini. Dan sememangnya ramai sarjana yang mengkaji tentang kebangkitan semangat nasionalisme Melayu seperti Cheah Boon Kheng, Roff dan Radin Soenarno. Mereka telah menekankan tentang aspek ini sebagai satu faktor penghalang yang penting kepada tumbuhnya semangat nasionalisme Melayu dengan lebih cepat.¹⁷

Persoalan yang timbul di sini ialah bagaimanakah tindakan kerajaan British mengalihkan perasaan ketaatsetiaan orang Melayu daripada raja-raja mereka kepada Ratu England akan dapat membangkitkan perasaan kesedaran kebangsaan dan cintakan negara? Kita sedia memaklumi bahawa perasaan ketaatsetiaan orang-orang Melayu kepada raja-raja mereka sangat tebal dan telah terbukti dalam sejarah. Kerajaan British nampaknya seperti tidak

mengambil kira perkara ini ketika mengambil keputusan untuk berbuat demikian. Nampaknya dalam hal ini ternyata kerajaan British tersalah perhitungan. Kesannya muncul tidak lama kemudian apabila orang-orang Melayu bangkit untuk menentang Malayan Union dan membela raja-raja mereka yang kehilangan kedaulatan dan kekuasaan yang selama ini dipegang. Secara tidak langsung, peristiwa penentangan ini telah menunjukkan bahawa semangat kebangsaan Melayu telahpun wujud dalam kalangan orang-orang Melayu, walaupun ianya mungkin masih boleh dipersoalkan. Adakah penentangan itu mencerminkan perasaan cintakan tanah air sebagai satu faktor lain yang membuatkan mereka bangun menentang Malayan Union? Jadi, walaupun tindakan British ini mungkin benar tetapi cara pelaksanaan dan masanya barangkali tidak kena.

Mohd. Nordin Sopiee juga berpendapat bahawa Malayan Union mempunyai matlamat untuk mewujudkan kecekapan dalam pentadbiran sebagaimana yang disebut juga oleh Allen. Akan tetapi Mohd Nordin Sopiee menambah bahawa kerajaan British terpaksa menyusun semula sistem pentadbiran kerana sebab lain yang tidak disentuh oleh Allen. Jawatankuasa Perancangan Tanah Melayu dalam kajiannya mendapati bahawa hanya terdapat sepuluh peratus pegawai Perkhidmatan Awam Malaya bangsa Melayu yang mampu dan boleh berkhidmat selepas pembebasan Tanah Melayu dari tangan Jepun daripada jumlah keseluruhan pegawai-pegawai yang ada.¹⁸ Masalah kekurangan ini perlu diatasi dalam usaha untuk mewujudkan sistem pentadbiran yang cekap dan efisien dan juga sebagai persediaan ke arah pemerintahan sendiri. Maka, cadangan-cadangan yang dikemukakan dalam Malayan Union menggambarkan hasrat untuk mengatasi masalah kekurangan ini.

Bersangkutan dengan dasar kerakyatan yang lebih terbuka dan penghapusan hak-hak keistimewaan tertentu yang selama ini dinikmati oleh masyarakat Melayu, Mohd. Nordin Sopiee merasakan bahawa ia bukanlah menunjukkan sifat anti-Melayu oleh pegawai-pegawai Inggeris. Ini adalah kerana dalam pada pihak British membuka seluas-luasnya peluang kepada semua kaum dan bangsa untuk merebut peluang dalam bidang politik, ekonomi dan sosial tetapi ia tetap mengakui kepentingan orang-orang Melayu dalam bidang-bidang tersebut.¹⁹ Justeru itu tidaklah boleh dikatakan bahawa dasar kerakyatan terbuka dalam Malayan Union adalah sebagai satu hukuman kepada orang-orang Melayu akibat sikap mereka semasa perang. Barangkali kenyataan ini boleh

diterima kerana didapati bahawa bilangan orang Melayu yang menyokong Jepun dan bersekongkol dengan Indonesia untuk merdeka bersama bukanlah ramai. Bahkan pemimpin persatuan-persatuan Melayu yang wujud ketika itu berusaha bersungguh-sungguh untuk membantu tentera British menentang Jepun dengan mengumpul wang untuk membeli senjata.



SOALAN DALAM TEKS

- 2 Setakat ini anda telah pun didedahkan dengan pandangan Allen dan Mohd. Nordin Sopiee tentang dasar dan matlamat Malayan Union. Dapatkah anda memberikan perbezaan-perbezaan antara dua pandangan ini.



Anda perlu membaca kedua-kedua tulisan sarjana ini untuk mendapatkan jawapannya. Maklum balas untuk aktiviti ini tidak diberikan di sini.

Seorang lagi sarjana iaitu A.J. Stockwell pula dengan tegas menyatakan bahawa matlamat gagasan Malayan Union yang sebenarnya adalah untuk melenyapkan tiga dasar utama sebelum perang iaitu melenyapkan kekuasaan pemerintah Melayu, melenyapkan hak autonomi negeri-negeri Melayu dan melenyapkan kedudukan dan hak-hak istimewa orang-orang Melayu.²⁰ Pendeknya, Malayan Union adalah satu 'serangan' politik yang digubal khas untuk menggugat hak-hak orang Melayu di negeri Melayu. Ini boleh dibuktikan dengan dasar-dasar yang digubal dalam perlembagaan berkenaan, misalnya dengan mengubah status Negeri-Negeri Melayu daripada negeri naungan ke status tanah jajahan, menghapuskan hak-hak keistimewaan orang-orang Melayu dalam perlembagaan dan membuka kerakyatan kepada kaum lain. Namun begitu Stockwell juga seperti sarjana-sarjana lain berpendapat bahawa Malayan Union diperkenalkan sebagai persediaan untuk Tanah Melayu memerintah sendiri.

Stockwell juga mempunyai sebab tertentu untuk beranggapan demikian. Beliau memetik kata-kata Setiausaha Negara Tanah Jajahan yang berkata bahawa kerajaan British memberi jaminan untuk membantu memimpin rakyat tanah jajahan ke arah

pemerintahan sendiri berdasarkan rangka kerja empayar British. British juga berjanji untuk membina dan membangunkan institusi sosial dan ekonomi dengan memperkembangkan sumber semulajadi mereka. Nampaknya, janji-janji kerajaan British ini mempunyai serampang dua mata. Kepentingan mereka di tanah jajahan tetap menjadi keutamaan walaupun mereka menyatakan mahu memberikan taraf pemerintahan sendiri kepada Tanah Melayu suatu hari nanti. Anda perlu baca tulisan A.J.K. Stockwell yang bertajuk *British Policy and Malay Politics During the Malayan Union Experiment 1942-1948*, dan "British Imperial Policy and Decolonization in Malaya, 1942-52", dalam *Journal of Imperial & Commonwealth History* untuk mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh tentang pandangan beliau terhadap Malayan Union.

Anda telahpun mengikuti pandangan tiga orang sejarawan yang memperkatakan tentang dasar dan matlamat Malayan Union secara ringkas. Nampaknya ketiga-tiga mereka tidak dapat melepaskan diri daripada pandangan bahawa Malayan Union adalah perintis ke arah pemerintahan sendiri. Mereka berbeza, terutamanya di antara Allen dengan Mohd. Nordin Sopiee berkenaan dengan konsep ke arah pemerintahan sendiri. Allen dengan tegas menyatakan bahawa memang niat British untuk memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu dengan memperkenalkan Malayan Union, sementara Mohd. Nordin Sopiee pula menegaskan bahawa British sebenarnya menjajah Tanah Melayu secara langsung dan dalam masa yang sama mencipta langkah pertama bagi Tanah Melayu memerintah sendiri. Anda tidak semestinya akur dengan pandangan sejarawan-sejarawan ini, sebaliknya anda bebas untuk menerima pandangan salah seorang daripada mereka ataupun mengemukakan pandangan anda sendiri yang disokong oleh bukti kukuh. Anda juga digalakkan membaca rencana M.R. Stenson bertajuk 'The Malayan Union and The Historians,' yang mengkritik pandangan Allen.



AKTIVITI

Sebagai satu latihan cuba anda kemukakan pendapat anda sendiri berhubung dengan matlamat kerajaan British memperkenalkan gagasan Malayan Union ini. Beberapa perkara di bawah mungkin boleh membantu anda membuat keputusan:

1. Menggabungkan semua negeri-negeri Melayu dalam satu kesatuan dan diperintah secara berpusat.
2. Mengiktiraf kaum imigran dengan memberi kerakyatan kepada mereka.
3. Menghapuskan kedaulatan raja-raja Melayu di negeri masing-masing dan mengalirkan kesetiaan kepada Ratu England.
4. Menukar taraf Tanah Melayu daripada negeri naungan kepada tanah jajahan.

Anda perlu ulas keempat-empat perkara di atas dari sudut hasrat kerajaan British untuk memberi taraf pemerintahan sendiri kepada Tanah Melayu dan melaksanakan Malayan Union.

Kegagalan Malayan Union

Walaupun Malayan Union dikuatkuasakan secara rasmi bagi negeri-negeri di Tanah Melayu pada 1hb April 1946, serentak dengan perlantikan Gabenor yang pertama iaitu Sir Edward Gent, tetapi pada realitinya ia telah menemui kegagalan dalam pelaksanaannya kerana semua Raja dan pemimpin Melayu telah bertindak memulaukan pengisytiharannya. Malah masyarakat Melayu telah mengisytiharkan hari tersebut adalah hari perkabungan untuk seluruh masyarakat Melayu. Kerajaan Inggeris tidak dapat berbuat apa-apa dan barulah mereka sedar bahawa masyarakat Melayu begitu serius menentang Malayan Union. Sebelum ini mereka hanya memandang sepi bantahan-bantahan daripada pemimpin dan persatuan-persatuan Melayu.

Menurut Mohd. Nordin Sopiee, pihak Inggeris memang menyedari akan adanya unsur-unsur yang tidak bagus dan yang tidak akan diterima oleh orang Melayu dalam Malayan Union dan

memang sudah menjangka bahawa ia akan menimbulkan bantahan daripada masyarakat Melayu.²¹ Walau bagaimanapun kerajaan Inggeris tetap mahu melaksanakannya. Akhirnya mereka terpaksa menghadapi juga tentangan yang telah dijangkakan itu. Cuma barangkali mereka tidak menjangka bahawa bantahan yang mereka hadapi sebegitu hebat.

Walaupun cadangan perlembagaan Malayan Union disifatkan oleh kerajaan Inggeris yang terbaik untuk Tanah Melayu tetapi tidak begitu bagi sesetengah pihak. Masyarakat Melayu yang begitu pasif sebelum ini terhadap perubahan-perubahan politik yang dilakukan oleh pihak Inggeris (kecuali dalam beberapa kes penentangan pembesar-pembesar Melayu negeri secara bersenjata) telah menunjukkan reaksi yang negatif terhadap cadangan itu. Sebaik-baik sahaja kerajaan Inggeris mengeluarkan kertas putih tentang cadangan Malayan Union, beberapa orang pemimpin Melayu telah menyatakan bantahan mereka terhadap cadangan tersebut.

Penentangan ini bermula daripada golongan pemimpin atau elit Melayu yang berpendidikan Barat yang diketuai oleh Dato Onn bin Jaafar yang ketika itu memegang jawatan sebagai Menteri Besar Johor. Beliau juga aktif dalam pertubuhan Pergerakan Melayu Semenanjung yang berpusat di negeri Johor. Penentangan bertambah hebat dan menular ke dalam persatuan-persatuan Melayu yang lain apabila raja-raja Melayu menurunkan tanda tangan mereka menyetujui cadangan Malayan Union berkenaan. Persatuan Melayu Selangor telah mengiriskan sepucuk telegraph yang mengandungi bantahan terhadap cadangan berkenaan.²² Mereka juga mula mengkritik secara terbuka tindakan raja-raja Melayu yang menurunkan tanda tangan mempersetujui cadangan Malayan Union yang disifatkan sebagai telah membelakangkan rakyat.²³

Melihatkan rata-ratanya masyarakat Melayu menentang cadangan Malayan Union itu maka beberapa buah persatuan Melayu negeri bercadang mengadakan Kongres Melayu se Tanah Melayu bagi memperhebatkan bantahan mereka terhadap cadangan itu. Walaupun Malayan Union telah ditetapkan untuk diisytiharkan tetapi pemimpin-pemimpin Melayu ini tidak berganjak daripada keputusan untuk mengadakan kongres berkenaan. Dato' Onn bin Jaafar telah dipilih dengan sebulat suara sebagai pengerusi kongres berkenaan yang diadakan pada 1 hingga 4 Mac 1946. Kemuncak daripada kongres selama 4 hari itu ialah tertubuh UMNO,

sebuah pertubuhan Melayu yang julung-julung kalinya menggabungkan keseluruhan orang Melayu di Tanah Melayu. Penubuhan UMNO yang melaungkan cogan kata 'hidup Melayu' bertindak seolah-olah mewakili seluruh masyarakat Melayu menentang Malayan Union yang dianggap membawa kerugian yang tidak sedikit kepada raja dan orang-orang Melayu sebagai penduduk peribumi negara ini. Orang-orang Melayu dengan sokongan raja-raja mereka telah berikrar untuk tidak memberikan kerjasama kepada kerajaan Inggeris selagi bantahan mereka tidak dihiraukan.

Kerajaan Inggeris tidak mempunyai pilihan lain selain daripada tunduk kepada kehendak pemimpin-pemimpin Melayu kerana bagi British tanpa kerjasama dan sokongan daripada orang-orang Melayu, mereka akan menemui kesulitan untuk mentadbir negeri-negeri Melayu pada masa akan datang. Yang lebih membimbangkan mereka ialah tentang besarnya pengaruh pemimpin-pemimpin Melayu seperti Dato' Onn bin Jaafar ke atas masyarakat Melayu. Jadi, jika kerajaan British tidak mencipta kerjasama dengan pemimpin-pemimpin ini, dikhuatiri orang-orang Melayu akan membenci mereka terus menerus dan mungkin akan berusaha untuk menghalau mereka terus dari bumi Tanah Melayu. Tambahan pula perpaduan antara orang-orang Melayu telah tercipta melalui organisasi politik mereka yang besar iaitu Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO). Mahu tidak mahu, tuntutan atau suara mereka perlu diambil kira. Penentangan secara menyeluruh ini telah memaksa kerajaan Inggeris memikirkan semula cadangan perlembagaan yang baru bagi Tanah Melayu bagi menggantikan perlembagaan Malayan Union. Kali ini dalam perbincangan untuk merangka perlembagaan baru, pendapat pemimpin-pemimpin Melayu dan Raja-Raja Melayu dibincangkan bersama-sama untuk memastikan ia akan memuaskan hati mereka.

Bagaimanapun, kegagalan Malayan Union bukan sekadar disebabkan oleh penentangan pemimpin-pemimpin Melayu sahaja tetapi juga kerana beberapa sebab lain. Di antaranya yang penting ialah penentangan daripada bekas pentadbir-pentadbir Inggeris yang melihat Malayan Union sebagai satu tindakan yang tidak bijak terutama daripada aspek menukarkan taraf naungan kepada tanah jajahan. Sambutan dingin daripada masyarakat bukan Melayu di Tanah Melayu juga merupakan sebab perlembagaan Malayan Union ditarik balik. Kerajaan Inggeris mengharapakan sokongan

padu daripada masyarakat Cina dan India atas dasar bahawa perlembagaan Malayan Union memberi hak yang tidak sedikit kepada mereka. Selain daripada syarat kerakyatan yang longgar, penghapusan hak keistimewaan orang Melayu akan menguntungkan mereka. Namun dengan sambutan yang dingin, Malayan Union tidak dapat dilaksanakan.

Bersabit dengan tiga perkara utama yang menimbulkan tentangan hebat masyarakat Melayu dari segenap lapisan, maka tiga perkara itulah yang telah mengalami pindaan dalam perlembagaan baru. Tiga perkara yang dimaksudkan itu, pertamanya ialah berkenaan dengan kehilangan kedaulatan dan kekuasaan Raja-Raja Melayu sebagai pemerintah di negeri-negeri mereka sendiri, kedua terhapusnya hak-hak keistimewaan orang-orang Melayu dan ketiganya, prinsip kerakyatan yang begitu longgar yang memberi kesan politik kepada orang Melayu. Bagi James de ve Allen, ketika beliau menyorot berkenaan dengan tentangan orang-orang Melayu terhadap Malayan Union, menganggap bahawa dalam ketiga-tiga perkara inilah kerajaan British telah melakukan "kesilapan". Bagaimanapun "kesilapan" itu telah diperbaiki dalam perlembagaan yang baru.

Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948

Berikutan daripada kegagalan Malayan Union, kerajaan British setelah didesak oleh raja-raja Melayu dan UMNO telah membentuk satu jawatankuasa kerja yang terdiri daripada pihak British sendiri, wakil sultan dan pemimpin-pemimpin UMNO untuk menggubal satu perlembagaan baru yang diharap akan dapat memuaskan hati semua pihak. Berlainan ketika mereka menggubal Perlembagaan Malayan Union, tiada wakil daripada sultan mahupun pemimpin-pemimpin Melayu yang menyertainya. Barangkali ini adalah salah satu kompromi yang ditunjukkan oleh kerajaan British terhadap orang-orang Melayu yang menentang mereka secara besar-besaran. Seperti yang telah disebutkan tadi bahawa penentangan terhadap Malayan Union bukan sahaja datang daripada orang Melayu tetapi juga daripada bekas pegawai-pegawai British yang pernah berkhidmat lama di Tanah Melayu. Mereka mengingatkan kerajaan British bahawa kehadiran mereka di Tanah Melayu adalah dijemput oleh Raja-raja Melayu untuk memberikan mereka perlindungan dan naungan dan bukannya sebagai penjajah. Oleh yang demikian, apa-apa perubahan politik yang ingin dilakukan

wajarlah dibincangkan terlebih dahulu dan seterusnya mendapatkan persetujuan daripada mereka.

Hasil daripada perundingan berkenaan, mereka telah bersetuju bahawa lima prinsip utama mesti dipegang ketika menggubal perlembagaan baru itu, iaitu:-²⁴

- (a) mesti mewujudkan sebuah kerajaan pusat yang kuat untuk memastikan bahawa keberkesanan pentadbiran yang meliputi semua aspek untuk kepentingan dan kebajikan semua.
- (b) kewujudan secara bersendirinya bagi negeri-negeri Melayu dan negeri-negeri Selat mestilah diperjelaskan dan dijaga.
- (c) peraturan-peraturan baru ini mestilah dalam jangka masa yang panjang agar dapat menyediakan Tanah Melayu ke arah pemerintahan sendiri.
- (d) dengan hasrat untuk memenuhi matlamat di atas, ciri kerakyatan yang sama patut diberikan kepada mereka yang layak dan benar-benar mahu menjadi rakyat Tanah Melayu dan menumpahkan taat setia mereka hanya kepada Tanah Melayu.
- (e) bahawa, oleh kerana negeri-negeri ini adalah negeri-negeri Melayu yang diperintah oleh sultan, maka rakyatnya tidak mempunyai pilihan dari segi ketaatsetiaan atau negeri lain yang mereka anggap sebagai tanah air mereka dan mereka mempunyai kedudukan istimewa dan hak-hak tertentu yang dipertahankan.

Dalam gagasan baru ini, Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu bersama Negeri-Negeri Selat bergabung atau bersekutu dan bukannya disatukan di bawah satu kerajaan pusat seperti dalam Malayan Union. Kedaulatan sultan-sultan ke atas negeri masing-masing dikembalikan semula. Ratu England hanya berkuasa dalam hal ehwal pertahanan dan hubungan antarbangsa Persekutuan. Walau bagaimanapun, Singapura tetap menjadi sebuah Tanah Jajahan Mahkota (*Crown Colony*) yang berasingan dengan alasan bahawa kedudukan dan keadaan Singapura berbeza daripada negeri-negeri Melayu yang

lain. Raja-raja Melayu dan pemimpin-pemimpin UMNO juga tidak mempersoalkan ketetapan ini.

Sebagai memenuhi prinsip pertama yang telah dipersetujui bersama, sebuah kerajaan pusat yang kuat telah dibentuk dan ia mempunyai kuasa legislatif yang luas. Ia merangkumi Majlis Eksekutif Persekutuan dan Majlis Legislatif Persekutuan yang akan dipengerusikan oleh Pesuruhjaya Tinggi yang dilantik oleh Ratu England. Perhatikan di sini, jawatan Gabenor telah digantikan dengan jawatan Pesuruhjaya Tinggi. Walau bagaimanapun kuasa Pesuruhjaya Tinggi sangat luas, meliputi tugas untuk melindungi hak mana-mana negeri Melayu termasuk sultan-sultannya, mengawasi kewangan Persekutuan dan kedudukan istimewa orang-orang Melayu.²⁵ Di Negeri-Negeri Selat, beliau berkuasa untuk melaksanakan kuasa pengampunan di samping berkuasa untuk menyerahkan fungsi-fungsi eksekutif Persekutuan kepada kerajaan-kerajaan Negeri Selat serta kepada Negeri-Negeri Melayu dengan keizinan Ratu England.

Majlis Persidangan Raja-raja Melayu yang terdiri daripada semua Raja-Raja Melayu telah ditubuhkan dengan dipengerusikan oleh salah seorang raja yang dilantik. Ini berbeza dengan majlis Raja-Raja dalam Malayan Union, apabila Gabenor menjadi Presiden majlis. Persidangan boleh diadakan pada bila-bila masa yang diperlukan dan ahli persidangan ini akan bertemu dengan Pesuruhjaya Tinggi sekurang-kurangnya tiga kali setahun. Pesuruhjaya Tinggi bertanggungjawab untuk menjelaskan kepada Raja-raja Melayu berkenaan perkara-perkara penting yang melibatkan negeri-negeri Melayu sambil mendengar pandangan raja-raja terutama berkenaan dasar imigresen kerajaan persekutuan. Sebelum ini dasar imigresen terserah kepada budi bicara pihak Inggeris. Barangkali dasar imigresen sering menimbulkan kecurigaan pada Raja-raja Melayu, jadi mereka patut tahu mengenainya.

Pada peringkat negeri, Raja-Raja Melayu bebas mentadbir negeri masing-masing, bebas dalam ertikata bahawa bidang kuasa mereka dalam hal ehwal Islam dan hal-hal setempat dihormati dan tidak akan diganggu oleh Pesuruhjaya Tinggi. Setiap negeri mempunyai sebuah Dewan Undangan yang disebut Majlis Negeri yang mempunyai kuasa menggubal undang-undang yang berkaitan dalam perkara-perkara yang disenaraikan dalam '*state list*'. Di samping itu setiap negeri juga mempunyai Majlis Eksekutif Negeri yang berfungsi untuk menasihati raja,²⁶ selain daripada

Undang-undang Tubuh Negeri.



SOALAN DALAM TEKS

- 3 Sebagai satu aktiviti, cuba anda buat catatan sendiri berkenaan perkara kerakyatan dalam Perlembagaan Persekutuan 1948. Apakah perbezaan yang dapat anda kesan dalam syarat kerakyatan ini jika dibandingkan dengan syarat kerakyatan Malay Union.



Sebagai maklumbalas anda perlu rujuk kepada jawapan yang diberikan pada bahagian akhir pelajaran ini.

Secara ringkasnya didapati bahawa dua tujuan utama kerajaan British ketika merombak perlembagaan bagi Tanah Melayu selepas perang telah dapat direalisasikan dalam Perlembagaan Persekutuan 1948 yang telah dipersetujui bersama oleh raja-raja dan pemimpin-pemimpin Melayu tempatan. Hasrat untuk mewujudkan sebuah kerajaan pusat yang kuat telahpun dapat dilaksanakan walaupun kedaulatan Raja-Raja Melayu telah dikembalikan sebagaimana keadaannya semasa sebelum perang dan mengekalkan ciri-ciri individu negeri sebagai unit-unit persekutuan yang berbeza. Dalam hal ini perlu diingatkan bahawa kuasa mutlak Raja-Raja Melayu sebenarnya telah lama dirampas secara sah melalui perjanjian-perjanjian yang telah ditandatangani sebelum ini yang melibatkan perantaraan seorang Residen Inggeris sebagai penasihat sultan yang nasihatnya mesti diikuti. Oleh yang demikian, pengembalian kedaulatan Raja-Raja Melayu sebenarnya tidak mempunyai apa-apa erti dari segi pengurangan kuasa kerajaan British dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Dalam ertikata yang mudah, Raja-raja Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu menepati konsep Raja Berperlembangan. Hasrat kerajaan British untuk menjalankan dasar kerakyatan yang lebih terbuka juga telah dapat dijalankan, walaupun syarat-syaratnya telah diperketatkan sedikit. Pelaksanaan dasar kerakyatan yang lebih terbuka bagi semua kaum itu melambangkan pengiktirafan terhadap orang-orang bukan Melayu sebagai rakyat negeri-negeri Melayu yang mempunyai hak sebagai rakyat. Yang membezakan antara orang-orang bukan Melayu

dengan orang-orang Melayu ialah hak-hak keistimewaan yang terus dikekalkan dan syarat dari segi tempoh kediaman untuk membolehkan seseorang itu menjadi rakyat Persekutuan Tanah Melayu.

Jika kita perhatikan cadangan-cadangan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu ini, sebenarnya ia tidak jauh berbeza daripada Perlembagaan Malayan Union. Cuma pada tempat-tempat tertentu sahaja wujud perbezaan sama ada dari segi nama, pengembalian hak dan kedudukan yang cuba dihapuskan dahulu dan syarat-syarat kerakyatan yang begitu longgar sebelum ini diketatkan sedikit. Nampaknya raja-raja Melayu dan pemimpin-pemimpin Melayu begitu berpuas hati dengan perlembagaan baru ini. Barangkali kerana perlembagaan baru ini telah memenuhi hasrat yang mereka perjuangkan sebelum ini. Maka dengan itu cadangan perlembagaan dapat dikuatkuasakan dengan rasminya pada 1hb Februari 1948. Walau bagaimanapun perlu dicatatkan di sini bahawa masih terdapat penentangan terhadap cadangan perlembagaan persekutuan ini. Akan tetapi oleh kerana penentangan itu hanya membabitkan pemimpin-pemimpin dari parti politik berhaluan kiri, kerajaan Inggeris hanya memandang sepi. Jadi jelaslah di sini, dalam beberapa perkara, rancangan kerajaan British terhadap negeri-negeri Melayu telah dapat dilaksanakan melalui gagasan Persekutuan Tanah Melayu 1948. Oleh yang demikian barangkali kita boleh katakan bahawa Persekutuan Tanah Melayu juga adalah sebagai persediaan ke arah pemerintahan sendiri. Anda boleh merujuk pada Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948 untuk mengetahuinya secara lebih mendalam.

Perlembagaan Tanah Melayu Merdeka 1957

Setelah lapan tahun perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dilaksanakan dan setelah melihat wujudnya perkembangan yang baik terutamanya dalam hubungan antara kaum yang diwakili oleh Perikatan UMNO-MIC-MCA, maka pada awal tahun 1956 kerajaan British membuat keputusan untuk memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu selewat-lewatnya pada tahun berikutnya, 1957. Oleh yang demikian satu perlembagaan baru perlu dirangka bagi Tanah Melayu yang merdeka untuk memenuhi keperluan itu. Kerajaan British telah menubuhkan sebuah Suruhanjaya yang dikendalikan oleh Lord Reid. Suruhanjaya yang dikenali sebagai

Suruhanjaya Perlembagaan Reid ini terdiri daripada beberapa orang ahli iaitu Sir Ivor Jennings (British), Sir William Mckell (Australia), Hakim B. Malik (India) dan Hakim Abdul Hamid (Pakistan). Mereka ini ditugaskan untuk merangka satu perlembagaan baru yang mengambil kira perkara-perkara berikut:-²⁷

1. Membentuk satu Perlembagaan Persekutuan untuk seluruh negara sebagai unit tunggal, merdeka, berkerajaan sendiri dan memiliki dua dewan.
2. Menyediakan sebuah kerajaan pusat yang kuat dengan negeri-negeri dan Negeri-negeri Selat menikmati sepenuhnya kuasa autonomi.
3. Suatu kerakyatan yang sama di seluruh persekutuan.
4. Mempertahankan kedudukan istimewa orang-orang Melayu tanpa banyak menjejaskan kepentingan-kepentingan sah kelompok masyarakat yang lain.

Suruhanjaya Reid telah menerima banyak memorandum daripada pelbagai pihak yang berminat untuk memberikan maklumat dan cadangan termasuklah Raja-raja Melayu, Parti Perikatan, Dewan Perniagaan Cina, Dewan Perniagaan Melayu, Persatuan Tamil Seluruh Malaya dan sebagainya.²⁸ Banyak kerumitan yang timbul untuk merangka sebuah perlembagaan yang dapat memuaskan hati semua pihak terutama dalam soal kewarganegaraan, hak istimewa orang Melayu, bahasa rasmi dan kuasa autonomi negeri. Berdasarkan cadangan-cadangan daripada rakyat Tanah Melayu yang diwakili oleh parti-parti dan pertubuhan-pertubuhan ekonomi dan sosial, Suruhanjaya Reid serta pindaan yang dilakukan oleh Parti Pekerja di London maka Perlembagaan Tanah Melayu merdeka dirangka dan diisytiharkan pada 31 Ogos 1957 yang menandakan bebasnya Tanah Melayu daripada kuasa pemerintahan kerajaan Inggeris.

Boleh dikatakan bahawa dalam beberapa perkara asas atau pokok, Perlembagaan 1957 menggunakan Perlembagaan Persekutuan 1948. Paling ketara ialah dari segi mewujudkan gabungan antara Negeri-negeri Melayu dalam bentuk persekutuan, bezanya negeri-negeri Melayu mempunyai lebih kuasa autonomi dalam perkara tertentu yang dimaktubkan dalam senarai negeri.

Begitu juga dalam soal kerakyatan/ kewarganegaraan, asas daripada Perlembagaan 1948 dikekalkan malah lebih terbuka dengan pengamalan konsep *jus soli* kepada bukan Melayu. Hak istimewa orang-orang Melayu terus dikekalkan dengan diawasi oleh Yang diPertuan Agong, ketua rasmi Tanah Melayu yang menggantikan Ratu England. Walau bagaimanapun, sesuai dengan taraf sebuah negara yang merdeka banyakkah perkara baru yang dirangka dalam perlembagaan, misalnya dalam soal kewangan, bahasa dan agama rasmi, perlantikan Yang diPertuan Agong dan lain-lain lagi.

Biarpun sukar untuk membentuk sebuah perlembagaan yang mengandungi beberapa buah negeri dan mempunyai penduduk yang berbilang kaum, dengan adanya asas iatu Perlembagaan 1948, kesukaran itu sedikit sebanyak dapat diatasi. Oleh yang demikian boleh dikatakan bahawa pengalaman perlembagaan Malayan Union 1946 dan Perlembagaan Persekutuan 1948 memberi sumbangan kepada pembentukan Perlembagaan 1957. Bahkan sehingga ke hari inipun rangka dasar pemerintahan diwarisi daripada rangka dasar yang dicernakan oleh penjajah.

RUMUSAN

Dalam perjalanan menjadi sebuah negara-bangsa yang utuh, Tanah Melayu telah mengalami beberapa perubahan dalam penggabulan perlembagaannya oleh pihak kolonial Inggeris. Ianya melibatkan pelupusan hak-hak tradisi yang selama ini dinikmati oleh Raja-raja Melayu sebagai pemerintah berkuasa mutlak dan juga percubaan untuk melupuskan hak-hak istimewa yang selama ini dipelihara oleh kerajaan British ke atas penduduk peribumi iaitu orang-orang Melayu. Perlembagaan Malayan Union 1946 dan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948 adalah dua contoh yang terbaik ke arah pembentukan satu negara-bangsa yang baru bagi Tanah Melayu kerana ia mengiktiraf hak penduduk pelbagai kaum sebagai rakyat yang mendiami negara itu. Dalam masa yang sama ia cuba mewujudkan satu ikatan kesatuan yang kukuh antara negeri-negeri Melayu. Jadi, walaupun masih di bawah jajahan takluk kerajaan British tetapi nampaknya dari pelbagai segi Tanah

Melayu telah mula melangkah ke arah pembentukan sebuah negara moden menjelang kemerdekaannya, moden mengikut acuan tamadun Barat.



SOALAN PENILAIAN KENDIRI

Jawab soalan-soalan ini untuk menguji kefahaman anda.

1. Huraikan dasar-dasar dan matlamat kerajaan British menggubal perlembagaan Malayan Union untuk Tanah Melayu.
2. Nilaiikan kesan-kesan perlembagaan Malayan Union terhadap raja-raja Melayu dan kedudukan istimewa orang-orang Melayu.
3. Malayan Union digubal sebagai persediaan ke arah pemerintahan sendiri bagi Tanah Melayu. Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan ini?
4. Bincangkan persamaan-persamaan dan perbezaan yang wujud dalam perlembagaan Persekutuan 1948 jika dibandingkan dengan perlembagaan Malayan Union.



PENYELESAIAN BAGI SOALAN DALAM TEKS

1. (Soalan ini menghendaki anda berikan komen sendiri tentang syarat-syarat kerakyatan Malayan Union. Oleh yang demikian komen anda mungkin berbeza dengan komen yang diberikan di sini. Jika benar berbeza ia bukanlah satu masalah besar). Pada dasarnya syarat-syarat kerakyatan Malayan Union ini agak longgar dan memudahkan lebih ramai penduduk Tanah Melayu mendapat hak kerakyatan secara automatik. Ini dapat dilihat pada syarat-syarat yang dikenakan. Tidak banyak

syarat yang dikenakan untuk mendapatkan hak kerakyatan Malayan Union. Daripada syarat-syarat yang digariskan itu, sesiapa sahaja yang dilahirkan di negeri-negeri Melayu sebelum atau selepas Malayan Union berhak mendapat kerakyatan. Dari segi syarat bermastautinpun, bilangan tahun yang disyaratkan tidak lama, hanya sepuluh tahun sahaja. Jadi, dengan syarat yang longgar sama ada untuk menjadi rakyat secara automatik mahupun melalui permohonan, ramailah penduduk bukan Melayu layak untuk menjadi rakyat Tanah Melayu. Dengan syarat yang longgar ini tidak hairanlah jika ia menimbulkan kemarahan dan rasa tidak puas hati masyarakat Melayu yang selama ini menaruh kepercayaan kepada kerajaan Inggeris untuk terus menjaga kepentingan mereka di tanah air sendiri.

Berhubung dengan syarat kerakyatan berkenaan, dapat disimpulkan bahawa kerajaan Inggeris ingin memberi peluang kepada penduduk bukan Melayu menjadi rakyat negara ini di bawah nama Malayan Union. Barangkali kerajaan Inggeris ingin membalas budi di atas kegigihan kedua-dua kaum imigran ini membangunkan ekonomi Tanah Melayu. Dapat juga dikatakan bahawa dasar kerakyatan yang longgar ini diadakan bagi membolehkan penduduk bukan Melayu menjadikan Tanah Melayu sebagai negara mereka dan dengan itu mudahlah kerajaan Inggeris membentuk kerakyatan Tanah Melayu ke arah pemerintahan sendiri.

Pada dasarnya perbezaan yang paling nyata ialah dari segi syarat-syarat kerakyatan. Didapati bahawa syarat-syarat kerakyatan Persekutuan Tanah Melayu lebih ketat daripada syarat-syarat kerakyatan Malayan Union. Ini terbukti dalam syarat-syarat bagi rakyat British (*British Subject*) untuk mendapatkan hak kerakyatan Persekutuan Tanah Melayu. Jika dalam Malayan Union, mereka yang lahir dalam Malayan Union dan tinggal menetap di mana-mana dalam Malayan Union secara automatik mendapat hak kerakyatan, tetapi dalam Perlembagaan Persekutuan mereka disyaratkan telah menetap secara berterusan selama 15 tahun. Mereka yang dilahirkan dalam Persekutuan hanya boleh menjadi rakyat sekiranya ayahnya memang dilahirkan dalam Persekutuan ataupun telah menetap secara berterusan selama 15 tahun di mana-mana negeri dalam Persekutuan.

Seperkara lagi, dalam kerakyatan Malayan Union tidak dinyatakan wujudnya rakyat Sultan di negeri-negeri tertentu. Akan tetapi dalam Perlembagaan Persekutuan orang-orang Melayu yang tinggal di negeri-negeri berkenaan diiktiraf sebagai rakyat Sultan negeri berkenaan. Syarat-syarat bagi memohon menjadi warganegara dalam Persekutuan juga lebih ketat berbanding dalam perlembagaan Malayan Union. Mereka yang boleh memohon menjadi warganegara Persekutuan adalah mereka yang telah dilahirkan di mana-mana negeri dalam Persekutuan dan telah tinggal selama 12 tahun, dan lapan tahun terdahulu daripada pemohonannya beliau menetap di mana-mana negeri dalam Persekutuan. Atau mereka yang telah menetap tidak kurang dari 15 tahun daripada 20 tahun dari tarikh permohonan. Dalam Malayan Union mereka hanya disyaratkan telah menetap selama 8 tahun saja. Demikianlah sedikit sebanyak perbezaan yang boleh dikesan.

2. Jawapan bagi soalan ini tidak diberikan. Anda boleh mendapatkan jawapannya apabila mengikuti pelajaran ini dengan teliti dan merujuk pada tulisan-tulisan sarjana yang dinyatakan itu.
3. Kerakyatan Persekutuan
Kerakyatan boleh diperolehi sama ada secara automatik atau pun melalui permohonan. Individu yang disenaraikan di bawah ini secara automatik menjadi rakyat Persekutuan.
 - (a) Sesiapa sahaja yang menjadi rakyat Raja-raja Melayu tanpa mengira negeri kelahiran.
 - (b) Rakyat British yang dilahirkan di mana-mana Negeri Selat, yang terus menetap (sekurang-kurangnya selama 15 tahun berturut-turut) di mana-mana kawasan yang termasuk dalam Persekutuan.
 - (c) Rakyat British yang lahir di mana-mana kawasan yang termasuk dalam Persekutuan yang ayahnya sama ada
 - (i) lahir di mana-mana saja di kawasan berkenaan atau

- (ii) telah bermastautin secara berterusan kurang daripada 15 tahun.
- (d) Sesiapa saja yang lahir pada bila-bila masa dan pada mana-mana wilayah yang termasuk dalam Persekutuan yang bertutur dalam bahasa Melayu dan mengamalkan adat Melayu.
- (e) Sesiapa yang lahir pada mana-mana wilayah bila-bila masa yang kedua ibubapanya lahir di dalam kawasan berkenaan dan telah menetap di situ berterusan tidak kurang daripada 15 tahun, dan
- (f) Sesiapa saja yang ayahnya pada hari lahirnya adalah rakyat Persekutuan.

Peruntukan berkaitan dengan permohonan untuk kerakyatan adalah seperti berikut:-

Pesuruhjaya Tinggi boleh mempertimbangkan pemberian taraf kerakyatan Persekutuan kepada sesiapa yang memohon dan yang memuaskan hati Pesuruhanjaya Tinggi.

- (a) iaitu sama ada:
 - (i) Mereka yang dilahirkan dalam mana-mana wilayah yang termasuk dalam Persekutuan dan telah tinggal dalam mana-mana wilayah berkenaan tidak kurang daripada lapan tahun daripada 12 tahun tarikh permohonan atau
 - (ii) dia sudah tinggal di mana-mana wilayah berkenaan tak kurang daripada 15 tahun daripada 20 tahun dari tarikh permohonan.
- (b) Pemohon mesti membuktikan kepada Pesuruhjaya Tinggi bahawa dia mempunyai kelakuan yang baik, memiliki pengetahuan dalam bahasa Melayu atau Inggeris, membuat perakuan tentang pendudukan tetap dalam borang berkenaan dan jika permohonannya diluluskan dia bersedia bersumpah sebagai rakyat.



BAHAN BACAAN

1. Colonial Office, 1946. *Malayan Union and Singapore: Statement of Policy on Future Constitution*. Command Paper no. Cmd. 6724, London.
2. _____, 1946. *Malayan Union and Singapore: Summary of Proposed Constitutional Arrangement*. Command Paper no. Cmd. 6749, London.
3. _____, 1947. *Federation of Malaya: Summary of Revised Constitutional Proposals*. Command Paper no. Cmd. 7171, London.
4. Allen, James de V, 1967. *The Malayan Union*. Monograph series no. 10, Southeast Asian Studies, Yale University.
5. Mohd. Nordin Sopiee, 1976. *From Malayan Union to Singapore Separation: Political Unification in the Malaysian Region, 1945-65*. Kuala Lumpur: Penerbit University Malaya.
6. Stockwell, A. J. 1979. *British Policy and Malay Politics during the Malayan Union Experiment, 1942 - 1948*. Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society Monograph No. 8.

BACAAN TAMBAHAN

1. Albert Lau, 1991. *The Malayan Union Controversy 1942 - 1948*. Singapore: Oxford University Press.
2. Stenson M. R. 'The Malayan Union and Historian,' *JSEAH* Vol. X No. 2 (Sept. 1969), hal. 344 - 354.
3. Stockwell A. J. "British Imperial Policy and Decolonization in Malaya, 1942 - 52", *Journal of Imperial & Commonwealth History*, Jilid 13, No. 1 (Okt. 1984), hal. 68-85.
4. Simandjuntak B., 1985. *Federalisme Tanah Melayu 1945 - 1963*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.

NOTA BELAKANG

1. Albert Lau, 1991. *The Malayan Union Controversy 1942 - 1948* (Singapore: Oxford Universiti Press), hal.125.
2. Colonial Office, 1946. *Malayan Union and Singapore: Statement of Policy on Future Constitution*. Command Paper no. Cmd 6724, London, hal. 2.
3. *Ibid.*
4. Lihat C. M. Turnbull, "British Planning for Post-War Malaya", *Journal of Southeast Asian Studies*, vol. 5 no. 2, Sept. 1974, hal. 239. Lihat juga Albert Lau, *op. cit.*
5. Albert Lau, *Ibid*, hal. 13.
6. *Ibid.* hal. 14.
7. *Ibid.*
8. James, de V. Allen, 1967. *The Malayan Union. Monograph Series no. 10. Southeast Asian Studies.* (Yale University), hal. 8 - 11.
9. B. Simandjuntak, 1985. *Federalisme Tanah Melayu 1945-1963* (Petaling Jaya: Fajar Bakti), hal. 44.
10. A. J. Stockwell, 'British Imperial Policy and Decolonization in Malaya 1942 - 52', *Journal of Imperial & Commonwealth History*. Jld. 13 No. 1, Okt. 1984, hal. 71.
11. Colonial Office, 1946. *Malayan Union and Singapore: Summary of Proposed Constitutional Arrangements*. Command Paper No. Cmd. 6749, London, hal. 9 - 10.
12. Allen, *op. cit.* hal. 5.
13. *Ibid.*, hal. 2 - 3.
14. M. R. Stenson, "The Malayan Union and Historian," *JSEAH* Vol. X no. 2 (Sept. 1969), hal. 345.

15. Mohd. Nordin Sopiee, 1974. *From Malayan Union to Singapore Separation: Political Unification in the Malaysia Region 1945 - 1965*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya), hal. 16.
16. *Ibid.* hal. 18.
17. Perbincangan mengenai topik ini akan dibuat pada tajuk yang lain.
18. Mohd. Nordin Sopiee, *op. cit.* 18.
19. *Ibid.* hal. 18 - 19.
20. A. J. Stockwell, 1979. *British Policy and Malay Politics during the Malayan Union Experiment, 1942 - 1948*. Malaysian Branch of the Royal Society Monograph no. 8. (Kuala Lumpur), hal. 17.
21. Mohd. Nordin Sopiee, *op. cit.* hal. 19.
22. Mohd. Yunus Hamid, 1961. *Sejarah Pergerakan Melayu Semenanjung*, (Kuala Lumpur), hal. 9.
23. *Ibid.*
24. Colonial Office, 1947. *Federation of Malaya: Summary of Revised Constitutional Proposals*. Command Paper no. Cmd. 7171, London, hal. 3.
25. *Ibid.* hal. 5.
26. B. Simandjuntak, *op. cit.* hal. 50 - 51.
27. *Ibid.* hal. 94.
28. *Ibid.* hal. 94 - 102.

PELAJARAN 4

PEMBENTUKAN MALAYSIA 1963

Objektif Pelajaran

Selepas anda mengikuti pelajaran ini, anda harus boleh,

- Menganalisis** faktor-faktor yang membawa kepada timbulnya gagasan Persekutuan Malaysia.
 - Mengenalpasti** pihak-pihak yang terlibat secara langsung dengan cadangan gagasan ini.
 - Menghuraikan** usaha-usaha yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin yang terlibat untuk menjadikan Malaysia sebagai satu kenyataan.
 - Memberikan** pandangan anda tentang perubahan sikap Sabah dan Sarawak terhadap cadangan Malaysia, dari menentang kepada menyokongnya.
-

PENGENALAN

Sesuai dengan tema umum modul pertama ini yang membincangkan tentang pembentukan sebuah negara moden bagi Malaysia, maka pelajaran empat ini akan menyentuh secara langsung tentang pembentukan Malaysia pada tahun 1963 yang kekal sehingga hari ini dengan sedikit perubahan dari segi keanggotaan pada tahun 1965 apabila Singapura mengambil keputusan untuk keluar daripada Malaysia. Sesuatu yang menarik tentang pembentukan Malaysia ini ialah dari segi tarikhnya, iaitu terbentuk selepas lapan tahun Persekutuan Tanah Melayu merdeka dan melibatkan pula negeri-negeri yang masih di bawah penjajahan Inggeris iaitu Singapura, Sarawak dan Sabah. Walaupun usaha-usaha juga dilakukan untuk membawa bersama negeri Brunei untuk menyertai Persekutuan Malaysia, tetapi ternyata ianya gagal kerana pemimpin-pemimpin negeri itu tidak bersetuju atas alasan-alasan tertentu, terutamanya ketidaksediaan mereka untuk berkongsi kekayaan yang sedang mereka nikmati pada masa itu dengan negeri-negeri lain. (Oleh yang demikian di dalam pelajaran ini persoalan mengenai Brunei tidak akan disentuh secara langsung.) Persoalan yang timbul di sini ialah bagaimana pembentukan Malaysia boleh terjadi dan siapakah watak utama yang berperanan sehingga pembentukan Malaysia tidak dapat dielakkan lagi?

Persoalan yang paling penting yang timbul daripada peristiwa pembentukan Malaysia ini ialah apakah faktor-faktor yang telah mendorong negeri-negeri yang terlibat bersetuju untuk bersatu di bawah satu negara? Persoalan ini boleh kita tinjau daripada beberapa sudut pandangan yang berbeza. Antaranya pandangan yang diberikan oleh para sarjana yang mengkaji tentang pembentukan Malaysia. Akan tetapi yang lebih penting yang ingin kita bincangkan dan seterusnya mencapai satu kesimpulan ialah faktor utama yang menyebabkan negeri-negeri terlibat bersetuju untuk bergabung dari sudut pandangan dan kepentingan masing-masing. Misalnya apakah sebab utama yang membuatkan Singapura ingin bergabung dengan Tanah Melayu, mengapa Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Tanah Melayu ketika itu bersungguh-sungguh berusaha untuk memujuk negeri-negeri Sabah dan Sarawak menyertai Malaysia dan mengapakah pula negeri-negeri Sabah (Borneo Utara ketika itu) dan Sarawak mengubah sikap daripada menentang cadangan pembentukan pada peringkat awal kepada menyetuinya? Sudah tentu perubahan sikap ini

berlandaskan kepada satu atau beberapa sebab, dan sebab-sebab itulah yang ingin kita tinjau dan di antara sebab-sebab itu kita akan cuba mengenal pasti satu sebab yang paling utama. Dalam usaha ini pandangan anda tidak semestinya sama dengan pandangan pelajar lain, bergantung kepada sejauh mana anda mentafsir sesuatu fakta dan sejauh mana anda cuba memahami sudut pandangan pemimpin-pemimpin yang terlibat. Pandangan para pengkaji yang dibincangkan di sini adalah sebagai panduan kepada para pelajar untuk mencapai satu keputusan.

Pembentukan Malaysia Secara Sepintas Lalu

"Malaya today as a nation realizes that she cannot stand alone and in isolation..... Sooner or later she should have an understanding with Britain and the peoples of the territories of Singapore, North Borneo, Sarawak and Brunei. It is premature for me to say how this closer understanding can be brought about, but it is inevitable that we should look ahead to this objective and think of a plan whereby these territories can be brought together in political and economic cooperation".¹

Petikan di atas adalah sebahagian daripada ucapan Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Tanah Melayu ketika berucap di Singapura pada 27 Mei 1961. Ucapan ini dianggap sebagai titik tolak ke arah merealisasikan cadangan pembentukan persekutuan Malaysia kerana ia pertama kali disebutkan secara terbuka oleh Tunku. Namun begitu, idea pembentukan Malaysia ini telah lama timbul. Mengikuti Simandjuntak, dalam bukunya *Federalisme Tanah Melayu 1945-1963*, idea ataupun konsep Malaysia ini boleh dikesan dengan tindakan kerajaan British mewujudkan jawatan Pesuruhjaya Besar bagi United Kingdom di Asia Tenggara pada tahun 1949. Idea ini dapat dilihat dengan jelas apabila dikaitkan dengan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepada pesuruhjaya berkenaan. Antaranya ialah untuk menyelaraskan pentadbiran dalam semua aspek bagi jajahan British di Asia Tenggara supaya semua negeri dapat berkongsi sama rata dalam program kemajuan sosial, ekonomi dan politik. Pesuruhjaya Besar yang pertama iaitu Malcolm McDonald, selalu menekankan tentang

destini yang sama yang wujud terutamanya di wilayah-wilayah Borneo yang terpecah-pecah itu.² Beliau juga inginkan supaya diwujudkan satu kerjasama politik antara Singapura dan Tanah Melayu. Ini semua membayangkan hasrat untuk mewujudkan satu jenis gabungan antara negeri-negeri yang dimaksudkan itu walaupun ia tidak merujuk terus kepada konsep Malaysia.

Mohd. Nordin Soviee pula ketika membincangkan topik yang sama dalam bukunya *From Malayan Union to Singapore Separation* telah menoleh lebih jauh ke belakang. Beliau menegaskan bahawa idea percantuman ini boleh dikatakan wujud sejak dari tahun 1887 lagi apabila Lord Brassey, Pengarah North Borneo Chartered Company yang memerintah Sabah ketika itu, menekankan tentang perlunya semua wilayah jajahan British disatukan untuk mewujudkan satu koloni yang besar.³ Cadangan tersebut telah dikemukakan kepada kabinet British sebanyak dua kali iaitu pada tahun 1888 dan 1932. Malangnya cadangan tersebut tidak mendapat perhatian daripada kabinet British ketika itu. Biarpun cadangan itu hanya tinggal cadangan sahaja ketika itu tetapi ianya mula timbul kembali menjelang tahun 1955 apabila pemimpin-pemimpin tempatan negeri-negeri yang terlibat mula memperkatakan tentang cadangan gabungan tersebut. Ia juga bermula daripada ucapan Tunku Abdul Rahman. Sambutan daripada negeri-negeri lain berbelah bahagi. Pada ketika itu Tunku lebih berminat untuk bergabung dengan negeri-negeri di kepulauan Borneo dan tidak dengan Singapura. Sikap ini barangkali berpunca daripada majoriti penduduk Singapura yang terdiri daripada kaum Cina. Sejak itu konsep Malaysia semakin hangat diperkatakan dan bertambah hebat sejak 1961, diikuti pula dengan usaha-usaha gigih yang dilakukan oleh pihak-pihak yang terbabit untuk merealisasikan Malaysia.

Usaha-usaha gigih untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah kenyataan bermula dengan Tunku Abdul Rahman sendiri. Oleh kerana itulah tidak dapat ditolak kenyataan bahawa Tunku Abdul Rahman telah memainkan peranan utama dalam usaha penubuhan Malaysia di samping pemimpin-pemimpin lain khususnya pemimpin Singapura En. Lee Kuan Yew. Walau bagaimanapun kita tidak boleh mengeneapkan peranan yang telah dimainkan oleh pihak Inggeris yang menjajah negeri-negeri yang lain ketika itu. Ini adalah kerana merekalah yang telah menunjukkan reaksi yang agak positif terhadap cadangan Tunku, walaupun mereka kurang yakin pada cadangan penubuhan itu pada peringkat awalnya. Sayugia diingatkan bahawa kerajaan Inggeris memang berminat pada idea

penggabungan ini sejak dahulu tetapi dalam corak yang berlainan daripada yang diilhamkan oleh Tunku Abdul Rahman. Sebab itulah pada peringkat permulaannya, pegawai-pegawai British di Sabah dan Sarawak khususnya melihat cadangan Malaysia sebagai cadangan yang tidak boleh dilaksanakan dalam jangka waktu yang terdekat akan tetapi mereka juga melihat ada rasionalnya cadangan tersebut. Mereka mencadangkan supaya negeri-negeri Borneo bergabung sesama sendiri terlebih dahulu sebagai persediaan, dan kemudian barulah memikirkan cadangan untuk bersekutu dengan Tanah Melayu dan Singapura. Ada juga yang mencadangkan supaya negeri-negeri Borneo dibiarkan merdeka secara bersendirian terlebih dahulu dan kemudian barulah membuat pilihan sama ada mahu bercantum atau tidak.

Dalam situasi pro dan kontra itu pegawai-pegawai British berkenaan telah menghantar pemimpin-pemimpin tempatan Sabah, Sarawak dan Brunei ke persidangan ke-8 Persatuan Parlimen Komenwel di Singapura pada Julai 1961. Dalam persidangan itu kerajaan British telah memberi ruang kepada mereka yang hadir untuk membincangkan tentang cadangan Malaysia. Ini membuktikan sikap positif kerajaan British terhadap cadangan tersebut. Lanjutan daripada perbincangan dalam persidangan itu ditubuhkan pula satu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Perunding Perpaduan Malaysia (*Malaysia Solidarity Consultative Committee - MSCC*) yang terdiri daripada pemimpin-pemimpin negeri yang terlibat. Penubuhan ini sebenarnya telah membuka lembaran baru kepada usaha-usaha untuk merealisasikan Malaysia kerana berikutan daripada itu pemimpin-pemimpin tempatan Borneo khasnya telah membuka lebih banyak ruang untuk membincangkan gagasan itu kerana sebelum ini mereka tidak dapat menerima cadangan tersebut. Secara tidak langsung peranan pemimpin-pemimpin ini menjadi penting dalam pelaksanaan cadangan Persekutuan Malaysia selepas itu.



SOALAN DALAM TEKS

- 1 Barangkali setakat ini anda telah dapat mengesan pihak-pihak atau tokoh-tokoh yang memainkan peranan penting dalam pembentukan Malaysia. Siapakah mereka? Senaraikan.



Bandingkan senarai anda itu dengan senarai yang disediakan pada bahagian akhir pelajaran ini.

Usaha-Usaha Ke arah Pembentukan Malaysia

Memandangkan bahawa idea pembentukan Malaysia melalui gabungan Tanah Melayu, Singapura, Sabah, Sarawak dan Brunei pada waktu itu datangnya daripada pemimpin Tanah Melayu, maka sewajarnya bagi mereka untuk memulakan langkah pertama. Dalam menangani perkara ini banyak pihak yang perlu ditemui untuk memperolehi sokongan kepada cadangan tersebut. Oleh kerana Singapura, Sabah, Sarawak dan Brunei masih di bawah pemerintahan kerajaan Inggeris maka perlulah bagi Tunku Abdul Rahman Putra mendapatkan persetujuan dan sokongan daripada mereka. Jika tidak dapat sokongan dan persetujuan daripada mereka pasti cadangan itu akan tinggal sebagai cadangan sahaja. Selain daripada itu Tunku Abdul Rahman juga perlu mendapatkan persetujuan daripada pemimpin-pemimpin tempatan negeri-negeri yang terlibat dengan berusaha meyakinkan mereka tentang faedah-faedah yang bakal mereka nikmati apabila bergabung dalam Malaysia.

Sebagai langkah pertama, Tunku Abdul Rahman telah menghantar satu memorandum kepada kerajaan Inggeris mengenai cadangan Malaysia dan menyatakan kesediaannya untuk terbang ke London bagi membincangkan perkara ini. Walaupun pada dasarnya kerajaan Inggeris melihat gagasan Malaysia sebagai satu cadangan menarik tetapi tidak bersependapat dengan Tunku dalam beberapa perkara yang melibatkan kepentingan-kepentingan mereka di Singapura terutamanya dalam bidang ketenteraan. Mereka berhasrat untuk terus mengekalkan pengkalan tentera mereka di negara itu biarpun Singapura telah merdeka kelak. Oleh kerana itu kerajaan Inggeris memperlihatkan

sikap yang dingin pada peringkat awal. Namun begitu mereka masih mahu menimbangkan perkara tersebut. Apabila kerajaan British melihat pemimpin Singapura, khususnya Lee Kuan Yew begitu jelas menyokong cadangan tersebut, maka kerajaan British memanggil Tunku ke London untuk berbincang dalam bulan November 1961. Hasilnya dengan beberapa kompromi yang telah dicapai, kerajaan British bersetuju dengan cadangan penubuhan itu bersama beberapa pengubahsuaian bagi memenuhi kehendak kedua-dua belah pihak dan mereka juga telah menyusun beberapa langkah untuk merealisasikan cadangan ini.

Perkembangan-perkembangan ini tidak bermakna bahawa kerajaan British telah memberikan persetujuan seratus peratus dengan cadangan dan cara Tunku untuk membentuk gabungan tersebut. Sebaliknya mengikut rancangan kerajaan British, penggabungan mestilah melalui beberapa fasa yang mengambil masa beberapa tahun dan melibatkan penyerahan kuasa secara beransur-ansur daripada kerajaan negeri kepada kerajaan Persekutuan. Misalnya mereka mahu agar Tanah Melayu bergabung dengan Singapura terlebih dahulu. Saranan ini bertentangan sama sekali dengan cadangan Tunku yang mahukan percantuman itu dilakukan secara serentak dengan penyertaan Singapura, Sabah dan Sarawak dan penyerahan kuasa yang dilakukan secara langsung. Perbezaan perancangan ini memaksa Tunku dan beberapa pemimpin Tanah Melayu yang lain sekali lagi terbang ke London untuk berbincang. Hasilnya, setelah dua minggu berbincang, barulah satu kesepakatan kata ditemui. Untuk Sabah dan Sarawak, pihak British mencadangkan agar satu Suruhanjaya dibentuk untuk meninjau pandangan penduduknya memandangkan ada reaksi pro dan kontra di kalangan pemimpin-pemimpin politik tempatan di kedua-dua buah negeri berkenaan. Hasilnya satu Suruhanjaya Penyasatan telah dibentuk dalam bulan Oktober 1961 dengan diketuai oleh Lord Cobbold.

Ketika Tunku cuba mendapatkan sokongan daripada kerajaan British, pada masa yang sama beliau juga cuba mendapatkan persetujuan daripada pemimpin-pemimpin tempatan negeri Sabah dan Sarawak. Persetujuan daripada pemimpin-pemimpin Singapura bukan menjadi masalah kepada Tunku kerana mereka benar-benar bersetuju dengan idea itu kecuali beberapa orang pemimpin berhaluan kiri. Usaha-usaha di Sabah dan Sarawak dijalankan dengan begitu bersungguh-sungguh kerana pada peringkat awalnya, bukan sahaja pegawai British negeri-negeri

terbabit menunjukkan reaksi yang tidak begitu menggalakkan tetapi pemimpin-pemimpin tempatan mereka terus menolak cadangan tersebut atas anggapan bahawa percantuman itu merupakan satu bentuk penjajahan baru. Walau bagaimanapun seperti yang telah dijelaskan pada awal pelajaran ini tadi, dengan tindakan pegawai British menghantar pemimpin-pemimpin itu ke Mesyuarat Serantau Persatuan Parlimen Komenwel, ia telah mengubah sedikit sikap mereka terhadap gagasan Malaysia sehingga terbentuknya MSCC. Sejak tertubuhnya MSCC ini, ia telah mengadakan mesyuarat sebanyak empat kali iaitu di Jesselton (Kota Kinabalu), Kuching, Kuala Lumpur dan Singapura. Mesyuarat-mesyuarat itu telah diadakan di antara Ogos 1961 hingga Februari 1962 semata-mata untuk membincangkan tentang penubuhan Malaysia. Melalui perbincangan-perbincangan itulah pemimpin-pemimpin Tanah Melayu cuba menghilangkan keraguan-keraguan yang timbul di hati pemimpin-pemimpin tempatan kedua-dua buah negeri berkenaan berkaitan dengan cadangan gabungan itu.

Antara perkara yang sering mereka bangkitkan dalam majlis perundingan MSCC ialah hubungan semulajadi yang sedia terjalin antara Semenanjung dengan negeri-negeri di Borneo. Berdasarkan sejarah masa silam pun, hubungan antara negeri-negeri berkenaan adalah rapat, bahkan mereka mempunyai ciri-ciri kesamaan daripada pelbagai aspek hidup seperti kebudayaan, ekonomi mahupun politik. Oleh yang demikian, tidak akan timbul sebarang masalah besar jika Sabah dan Sarawak menyertai Tanah Melayu dan Singapura dalam sebuah persekutuan sebaliknya ia akan mempererat lagi hubungan persaudaraan antara mereka. Pada ketika yang sama, pemimpin-pemimpin Kuala Lumpur khususnya terus menerus menafikan dakwaan setengah-setengah pemimpin tempatan Borneo⁴ yang mengatakan bahawa Persekutuan Malaysia bermakna penjajahan Kuala Lumpur ke atas negeri-negeri mereka. Inilah antara perkara yang menimbulkan kecurigaan besar di kalangan pemimpin-pemimpin Borneo untuk menyertai Malaysia. Mereka juga bimbang akan terjadinya diskriminasi kaum dan agama oleh pemimpin-pemimpin Kuala Lumpur yang kebanyakannya orang Melayu terhadap penduduk Borneo. Nama Malaysia itu sendiri berbau Melayu pada pendapat mereka. Untuk menghilangkan keraguan dan kecurigaan-kecurigaan ini Tunku telah menjanjikan beberapa peruntukan istimewa kepada kerajaan-kerajaan negeri dalam perkara-perkara yang berkaitan seperti dalam perkara bahasa, agama dan seumpamanya.

Di samping mengadakan perbincangan dan mesyuarat, para pemimpin negeri-negeri berkenaan dibawa melawat ke Tanah Melayu untuk melihat sendiri keadaan hidup masyarakat berbilang kaum dan kemajuan-kemajuan ekonomi dan infrastruktur yang telah dicapai sejak Tanah Melayu merdeka. Lawatan ini sedikit sebanyak dipercayai telah mempengaruhi pemimpin-pemimpin berkenaan untuk menerima cadangan Malaysia dengan harapan negeri-negeri mereka boleh turut mencapai kemajuan yang sama. Dalam masa yang sama juga dua buah negara jiran iaitu Indonesia dan Filipina telah menunjukkan reaksi negatif terhadap cadangan Malaysia. Filipina telah mendakwa bahawa Sabah adalah sebahagian daripada wilayahnya jika merujuk kepada sejarah kesultanan Sulu dan Indonesia melaungkan secara terbuka tentang tentangan mereka terhadap gabungan yang melibatkan Sabah dan Sarawak itu. Situasi ini sedikit sebanyak telah menggugat perasaan pemimpin Sabah dan Sarawak dari segi keselamatan mereka jika terus bersendirian. Perkara ini juga dipercayai telah melembutkan hati mereka terhadap cadangan Malaysia biarpun masih ada yang ragu-ragu.

Dengan perubahan sikap ini, usaha-usaha ke arah merealisasikan Malaysia berjalan bertambah lancar dengan pembentukan Suruhanjaya Penyiasat Cobbold yang dikendalikan oleh Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk meninjau pendapat rakyat Sabah dan Sarawak tentang pembentukan itu. Hasil daripada peninjauan mereka sebanyak dua kali dan melalui pungutan suara didapati bahawa satu pertiga daripada penduduk di kedua-dua negeri tersebut mahukan percantuman, satu pertiga lagi menyokong percantuman dengan syarat-syarat tertentu manakala satu pertiga lagi berbelah bagi.⁵ Keputusan ini sudah memadai bagi mereka membuat keputusan terhadap pembentukan Malaysia, memandangkan usaha-usaha akan terus dilakukan untuk menarik lebih banyak sokongan. Maka setelah persetujuan dicapai, Malaysia pun diisytihar dengan rasminya pada 16 Sept. 1963 yang juga merupakan hari kemerdekaan bagi Singapura (sebelum ia keluar dari Malaysia), Sabah dan Sarawak. Sebenarnya perisytiharan Malaysia dirancang untuk dilakukan bertepatan dengan tarikh kemerdekaan Tanah Melayu iaitu pada 31 Ogos tetapi ia tidak dapat dilakukan kerana bantahan daripada Indonesia dan Filipina serta tindakan undang-undang yang diambil oleh kerajaan Kelantan. Kerajaan Kelantan yang diperintah oleh parti PAS membantah pindaan perkembangan yang berkaitan dengan Akta Malaysia 1963.⁶ Bagaimanapun mereka tidak berjaya.



SOALAN DALAM TEKS

- 2 Tuliskan perkara-perkara penting yang dibincangkan dalam beberapa siri mesyuarat jawatankuasa MSCC itu. Anda perlu membaca sekurang-kurangnya sebuah daripada empat buah buku rujukan yang disenaraikan di belakang untuk menjawab soalan ini.



Setelah anda menjawab soalan ini, bandingkan dengan maklum balas yang ada pada halaman akhir pelajaran ini.

Perlembagaan Malaysia

Apabila persetujuan telah dicapai berkenaan pembentukan Malaysia, satu perlembagaan yang sesuai telah digubal untuk memenuhi kehendak bersama terutama bagi negeri-negeri Singapura, Sabah dan Sarawak untuk disesuaikan dengan keadaan di negeri-negeri berkenaan. Dalam keadaan ini perlembagaan Persekutuan Malaysia adalah berdasarkan kepada Perlembagaan Tanah Melayu 1957. Oleh kerana keadaan yang berbeza di Singapura jika dibandingkan dengan Sabah dan Sarawak, perundingan untuk menggubal perlembagaan telah dibuat secara berasingan di antara kerajaan British, kerajaan Tanah Melayu dan pemimpin Singapura. Bagi Sabah dan Sarawak pula, satu jawatankuasa telah dibentuk dan dinamakan *Inter-Government Committee* (IGC) yang terdiri daripada perwakilan-perwakilan kerajaan British, Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak untuk membincangkan tentang perlembagaan yang akan dibentuk. Keadaan ini terpaksa dilakukan kerana kedua-dua negeri tersebut mengenakan beberapa syarat atau kelonggaran yang mesti diberikan kepada mereka dalam beberapa perkara sebagai syarat kemasukan mereka ke dalam Persekutuan.

Dalam perlembagaan baru itu telah dipersetujui bahawa Yang diPertua Agung menjadi Ketua Negara manakala di setiap negeri mempunyai ketua negeri mereka sendiri sama ada Sultan, Yang diPertua Negeri ataupun Gabenor (sekarang gelaran gabenor telah dihapuskan dan digantikan dengan gelaran Yang diPertua Negeri). Agama rasmi Persekutuan tetap agama Islam tetapi di Sabah dan Sarawak tidak ada agama rasmi negeri. Di Singapura, ketua

agama Islam ialah Yang diPertuan Agung dengan mendapat nasihat daripada Majlis Agama Islam Singapura yang akan ditubuhkan. Bahasa rasmi Persekutuan tetap Bahasa Melayu. Namun begitu bagi Sabah dan Sarawak tiada bahasa rasmi. Ini bermakna bahawa mereka boleh menggunakan bahasa Inggeris dalam urusan-urusan rasmi. Di Singapura pula, mereka masih boleh menggunakan bahasa-bahasa lain dalam urusan-urusan rasmi sehingga suatu waktu kelak.

Hal-hal imigresen adalah tertakluk kepada kuasa kerajaan Persekutuan namun begitu berkaitan dengan kemasukan ke negeri Sabah dan Sarawak ia tertakluk di bawah kawalan kerajaan kedua-dua negeri itu. Ini adalah bertujuan untuk mengawal kemasukan orang luar ke negeri-negeri itu dan secara tidak langsung bertujuan menjaga kepentingan penduduk peribumi kedua-dua negeri itu. Sebelum ini timbul kebimbangan bahawa jika kemasukan orang luar ke negeri-negeri itu tidak dikawal terutama dari Semenanjung, kepentingan rakyat peribumi akan terjejas. Dalam hal ehwal pendidikan pula, Singapura, Sabah dan Sarawak mendapat kekecualian dari segi pentadbiran biarpun ianya diserahkan kepada kawalan kuasa kerajaan pusat. Dasar dan sistem pendidikan Sabah dan Sarawak tidak akan diganggu-gugat dan diletakkan di bawah pengawasan kerajaan negeri masing-masing. Begitu juga dalam hal ehwal buruh.

Dalam perkara kerakyatan pula, warganegara Singapura akan mengekalkan kewarganegaraan mereka di samping mendapat kerakyatan Persekutuan secara automatik. Di Sabah dan Sarawak, setiap rakyatnya yang menjadi rakyat British menerusi kelahiran dan mendiami Sabah dan Sarawak sehingga Malaysia ditubuhkan akan menjadi warganegara Persekutuan menerusi undang-undang. Mereka yang berumur lebih daripada 17 tahun dan menetap di negeri-negeri berkenaan boleh memohon untuk didaftarkan sebagai warganegara dalam masa lapan tahun selepas pembentukan Malaysia. Mereka haruslah telah tinggal di negeri berkenaan sekurang-kurangnya selama tujuh tahun. Memang terdapat banyak kesulitan yang timbul berhubung perkara kerakyatan ini. Akibatnya timbullah syarat-syarat yang berbeza untuk menjadi warganegara Persekutuan antara Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak. Simandjuntak menghuraikan tentang ini dalam buku beliau bab 7. Anda boleh merujuk untuk mengetahuinya dengan lebih terperinci.

Dalam urusan kewangan pula, Singapura dan negeri-negeri Borneo mempunyai hak ke atas sumber kewangan mereka. Bagi

Sabah dan Sarawak pula, mereka mempunyai peruntukan tahunan yang tetap. Misalnya dalam lima tahun pertama selepas pembentukan Malaysia, kerajaan Persekutuan akan memperuntukkan sebanyak tiga ratus juta ringgit untuk Sarawak dan dua ratus juta ringgit untuk Sabah bagi tujuan pembangunan di negeri-negeri itu. Ini adalah perlu kerana Sabah dan Sarawak bukanlah negeri yang kaya dengan sumber alam, kalau adapun seperti kayu-kayan masih belum dimajukan lagi. Perkara ini memang berbeza dengan Singapura yang sanggup mengeluarkan pinjaman kepada kedua-dua negeri itu.

Demikianlah secara ringkas berkenaan dengan Perlembagaan Persekutuan yang memberikan banyak keistimewaan kepada Sabah dan Sarawak seperti yang dicatatkan dalam Jadual 20 Perkara. Ada sarjana yang menyifatkan Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1963 tidak mantap dan teguh malah ia kelihatan terlalu longgar.⁷ Kelonggaran ini terserlah dalam beberapa perkara penting seperti soal kerakyatan, bahasa rasmi dan pendidikan. Barangkali perkara ini tidak dapat dielakkan akibat kehadiran Singapura, Sabah dan Sarawak yang berbeza latarbelakang masyarakatnya. Untuk pengetahuan yang lebih terperinci tentang Perlembagaan Persekutuan dan 20 Perkara serta pendapat-pendapat mengenainya, anda boleh mendapatkannya menerusi buku-buku rujukan yang disenaraikan pada bahagian akhir pelajaran ini.



Sebelum beralih kepada tajuk lain, cuba anda berhenti sebentar membaca, kemudian fikir dan renung kembali kekecualian-kekecualian yang dinikmati oleh Sabah dan Sarawak hasil daripada perlembagaan yang telah dicapai. Catat dan bincang dengan kawan-kawan.

Pembentukan Malaysia : Satu Perbincangan

Kini kita beralih kepada perbincangan pokok pelajaran ini iaitu meninjau faktor utama yang bertanggungjawab menjadikan Malaysia sebagai sebuah kenyataan di samping faktor-faktor sokongan yang lain. Sebenarnya terdapat berbagai-bagai faktor yang telah ditemui dalam tulisan-tulisan sarjana yang menulis mengenai sejarah pembentukan Malaysia ini, sama ada faktor yang lahir daripada tafsiran para sarjana itu sendiri ataupun faktor yang ditimbulkan oleh individu-individu yang terlibat secara langsung

dengan cadangan penubuhan Malaysia. Secara ringkasnya antara faktor yang membawa kepada penubuhan Malaysia ialah masalah ancaman komunis di Singapura yang memungkinkannya melebarkan pengaruh ke Tanah Melayu, masalah ancaman komunis di wilayah-wilayah Borneo, untuk mencapai keseimbangan kaum dalam Malaysia sekiranya hanya Tanah Melayu dan Singapura sahaja yang bergabung dan untuk mempercepatkan kemerdekaan bagi negeri-negeri Singapura, Sabah dan Sarawak yang secara tidak langsung akan menamatkan penjajahan British di negeri-negeri berkenaan.

Sarjana-sarjana seperti G. P. Means, Simandjuntak dan Mohd. Nordin Sopiie berpendapat bahawa faktor ancaman pengaruh komunis di Singapura menjadi faktor utama yang mendorong penggabungan antara kedua-dua negeri itu. Ancaman itu memaksa Tunku Abdul Rahman dan Lee Kuan Yew pemimpin Singapura memikirkan percantuman dan melihatnya sebagai sesuatu yang sangat perlu. Tunku Abdul Rahman melihat ancaman ini akan datang daripada pihak komunis seandainya Singapura yang akan diberi kemerdekaan selepas pengkajian semula perlembagaan Singapura pada tahun 1963, jatuh ke tangan komunis. Ini secara tidak langsung akan memperkuatkan lagi barisan komunis Tanah Melayu yang diterajui oleh Parti Komunis Malaya. Simandjuntak menulis tentang kebimbangan Kuala Lumpur jika perkara ini berlaku sebagai:-⁸

"Singapura kemudiannya akan menjadi tapak yang kukuh bagi puak berhaluan kiri di mana kegiatan-kegiatan subversif yang berterusan dengan mudah dapat dilancarkan terhadap Tanah Melayu dan wilayah-wilayah Borneo. Ahli-ahli politik Singapura yang condong ke kiri sudah tentu mengalu-alukan perwakilan-perwakilan diplomatik daripada negara-negara blok komunis dan akhirnya melakukan apa yang telah dilakukan oleh Rusia di Cuba, iaitu menyimpan senjata-senjata nuklear. Kedudukan Singapura yang strategik itu menyenangkan lagi perkara ini. Perkembangan sedemikian bukan sahaja mencetuskan persengketaan ideologi tetapi juga memutuskan suatu perjuangan

bersenjata yang akan membinasakan antara selatan dan utara Malaya yang menyerupai corak Korea Utara dan Korea Selatan ataupun Vietnam Selatan dengan Vietnam Utara."

Nampaknya Tunku Abdul Rahman telah memandang jauh ke hadapan berkenaan dengan masalah Singapura ini dan seolah-olahnya beliau tidak mempunyai pilihan lain selain daripada menerima percantuman Singapura dengan Tanah Melayu seperti yang beliau pernah cuba elakkan suatu waktu dahulu. Bagi Tunku, jika Singapura diletakkan di bawah pengawasan Kuala Lumpur, dapaatlah Kuala Lumpur menjaga keselamatan Singapura dan dapat mengelakkan kejatuhan negeri itu ke tangan pihak komunis dan seterusnya akan memungkinkan penyebaran pengaruh mereka ke negeri-negeri yang berdekatan di Tanah Melayu.

Bagi Lee Kuan Yew pula, kejatuhan Singapura ke tangan komunis bermakna akan hilanglah kekuasaan beliau dan partinya, People's Action Party (PAP). Percantuman dengan Tanah Melayu adalah penting untuk mengekalkan kuasanya daripada dirampas oleh pihak komunis di samping untuk memenuhi kepentingan ekonominya. Sebenarnya masalah ancaman komunis ini timbul berikutan dengan kekalahan demi kekalahan yang dialami oleh calon-calon PAP dalam beberapa pilihanraya kecil yang diadakan di negeri itu kepada calon berhaluan kiri pada tahun 1961. Lebih memburukkan keadaan apabila parti PAP itu sendiri mengalami perpecahan dengan wujudnya ahli-ahlinya yang menyokong calon parti berhaluan kiri dalam pilihanraya. Keadaan ini menimbulkan kekusaran di kalangan pemimpin-pemimpin PAP yang berhaluan kanan lebih-lebih lagi apabila didapati peratus undi yang diperolehi oleh parti itu merosot daripada 60.7% pada tahun 1959 kepada hanya 36.7% pada tahun 1961. Mengikut Mohd. Nordin Sopiee, keadaan-keadaan semasa inilah yang memaksa pemimpin kedua-dua negeri melipatgandakan usaha untuk menubuhkan Malaysia,⁹ apatah lagi pemimpin-pemimpin Singapura yang berhaluan kiri menolak percantuman itu. Lee Kuan Yew percaya pemimpin Tanah Melayu mampu menangani masalah komunis ini berdasarkan pengalaman mereka semasa Darurat dahulu. Oleh itu Singapura harus berada dalam Malaysia demi survival parti yang memerintah.

Jadi, setakat ini kita dapati bahawa kedua-dua pihak iaitu pemimpin Tanah Melayu dan Singapura mempunyai asas-asas yang kukuh untuk bercantum. Bagi mereka percantuman sahaja

yang dapat menghindarkan pengaruh komunis daripada tersebar luas di kedua-dua negeri tersebut, walaupun timbul keraguan tentang kemampuan Kuala Lumpur menangani masalah itu oleh kerajaan Inggeris sendiri. Namun pengalaman Tanah Melayu menangani masalah komunis semasa Darurat boleh dijadikan sandaran.

Apabila percantuman dengan Singapura tidak dapat dielakkan lagi, Tunku Abdul Rahman dikatakan menyedari tentang masalah lain yang akan timbul daripada percantuman itu, iaitu masalah ketidakseimbangan bilangan penduduk antara kaum. Penduduk Singapura majoritinya adalah orang Cina dan jika percantuman berlaku ia akan mempengaruhi peratusan penduduk mengikut kaum di Persekutuan Malaysia. Dalam hal ini bilangan penduduk Cina akan mengatasi bilangan penduduk Melayu dan Orang Asli. Jika ini berlaku sudah tentu akan mengakibatkan ancaman terhadap kekuasaan politik yang selama ini dikuasai oleh orang Melayu dan juga keistimewaan-keistimewaan yang dinikmati oleh orang-orang Melayu di Tanah Melayu. Oleh yang demikian sebagai jalan keluar kepada masalah ini ialah dengan memasukkan wilayah-wilayah Borneo iaitu Sabah, Sarawak dan Brunei yang majoritinya terdiri daripada penduduk asli atau bumiputera daripada pelbagai kaum. Masalah keseimbangan kaum inilah mengikut pandangan kebanyakan sarjana yang telah membawa ketiga-tiga negeri di Borneo dilibatkan dalam pembentukan Malaysia.

Namun begitu Simandjuntak tidak dapat menerima alasan untuk mewujudkan keseimbangan kaum ini sebagai faktor utama yang menyebabkan Tunku mahu menarik ketiga-tiga negeri itu. Ini adalah kerana menurut beliau, penduduk bumiputera di Borneo tidak boleh dikelaskan dalam kategori bangsa Melayu. Perkara ini juga telah disedari oleh pemimpin-pemimpin Tanah Melayu, Singapura dan pegawai-pegawai Inggeris. Penduduk peribumi di Borneo berbeza daripada banyak sudut jika dibandingkan dengan orang Melayu, oleh yang demikian jika percantuman berlaku, orang Cina masih merupakan bilangan yang besar berbanding orang Melayu dan bumiputera. Simandjuntak tidak menafikan bahawa jika bilangan orang Melayu dan peribumi Sabah dan Sarawak dicantumkan, ia akan menjadi lebih besar berbanding dengan orang Cina. Akan tetapi menurut Simandjuntak lagi, hakikatnya penduduk peribumi ini tidak menganggap diri mereka orang Melayu, oleh itu kesetiaan mereka terhadap orang Melayu boleh diragukan. Alasan Simandjuntak ini tidak boleh diabaikan begitu sahaja kerana kita

telahpun sebutkan sebelum ini bahawa pemimpin-pemimpin Sabah dan Sarawak bimbang dengan dasar diskriminasi kaum yang mungkin berlaku ke atas mereka oleh orang-orang Melayu. Maksudnya di sini, mereka tidak rasakan bahawa mereka rapat dengan Melayu dari segi keturunan dan orang Melayu akan menerima mereka. Walau bagaimanapun pada pandangan Simandjuntak, apa yang boleh diharap dengan percantuman negeri-negeri di Borneo ini ialah:⁻¹⁰

"Sekiranya terjadi perbalahan perkauman yang tegang, penduduk peribumi Borneo berkemungkinan memilih untuk bersekutu dengan orang Melayu yang lebih rapat dari segi keturunan berbanding dengan orang Cina".

Sejauh mana benarnya andaian ini masih boleh diperbahaskan. Namun Tunku Abdul Rahman dalam usaha mengubah keputusan pemimpin-pemimpin Sarawak dan Sabah sering menekankan tentang latarbelakang sejarah dan budaya mereka yang sama dengan Semenanjung. Barangkali Tunku mengharapkan sokongan daripada mereka terhadap orang-orang Melayu di Semenanjung. Penyertaan daripada negeri-negeri Borneo bukan sahaja dengan alasan yang telah disebutkan di atas tetapi juga menurut Simadjuntak adalah kerana adanya ancaman komunis di negeri Sarawak. Sebagaimana kebimbangan yang timbul berkaitan dengan ancaman komunis di Singapura begitu jugalah di Sarawak. Didapati bahawa pengaruh sosialis yang mirip kepada komunis telah meresap masuk ke dalam beberapa buah pertubuhan sosial seperti pertubuhan *Sarawak Advanced Youth Association (SAYA)* dan sebuah parti politik iaitu *Sarawak United People's Party (SUPP)*. Jika situasi ini tidak disekat, Kuala Lumpur, malah pihak British juga bimbang bahawa Sarawak akan jatuh ke tangan komunis. Keadaan ini juga akan mendedahkan Sabah dan Brunei untuk turut menjadi mangsa yang berikutnya. Oleh yang demikian, percantuman adalah satu cara untuk menyekat pengambilalihan negeri-negeri Borneo ini oleh komunis, sepertimana juga yang difikirkan untuk Singapura.

Bagi Tunku Abdul Rahman mengikut Simadjuntak lagi, selain daripada alasan yang telah dikemukakan di atas, percantuman negeri-negeri Borneo dalam Malaysia secara tidak langsung akan

mempercepatkan kemerdekaan negeri-negeri itu yang kini masih di bawah jajahan British. Ini adalah faedah yang perlu direbut oleh ketiga-tiga negeri tersebut. Walau bagaimanapun, Mohd. Nordin Sopiee tidak nampak bahawa alasan ini dapat diterima kerana pemimpin-pemimpin Borneo menyedari hakikat ini sejak mula tetapi mereka tetap tidak bersedia untuk bercantum, malahan mereka lebih rela berada di bawah pemerintahan British untuk beberapa tahun lagi. Ini adalah kerana mereka berpuas hati dengan pentadbiran British dan merasa percaya bahawa orang-orang Asia masih belum mampu untuk mentadbir sebuah negara yang besar seperti Persekutuan Malaysia yang dicadangkan itu. Jadi, mungkin faktor ini boleh ditolak kepentingannya.

Setakat ini pemimpin-pemimpin Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura begitu serius untuk bergabung dalam Malaysia. Masing-masing mempunyai alasan mereka yang tersendiri yang tertumpu kepada soal keselamatan politik dan ekonomi sehingga mahu menyeret sama ketiga-tiga negeri Borneo. Berlainan pula halnya dengan pemimpin-pemimpin Sabah, Sarawak dan Brunei. Penolakan yang begitu keras pada peringkat awal oleh pemimpin-pemimpin berkenaan terpancar dengan penubuhan *United Front* pada bulan Julai 1961 iaitu kira-kira dua bulan selepas cadangan Malaysia disuarakan oleh Tunku Abdul Rahman.

United Front atau dalam bahasa Melayunya Barisan Bersatu adalah satu pakatan yang dibentuk oleh pemimpin-pemimpin tempatan negeri-negeri Sabah, Sarawak dan Brunei. *United Front* ini dibentuk semata-mata untuk memperlihatkan kepada pemimpin-pemimpin Tanah Melayu dan pegawai-pegawai British di negeri masing-masing bahawa mereka tidak dapat menerima sama sekali cadangan pembentukan Malaysia yang melibatkan negeri mereka. Pendokong utama *United Front* ini ialah Ong Kee Hui, pengerusi parti SUPP (*Sarawak United Peoples Party*) dari Sarawak; A. M. Azahari, Presiden Parti Rakyat Brunei dan Donald Stephens, salah seorang tokoh politik di Sabah yang kemudiannya bertanggungjawab menubuhkan *United National Kadazan Organization* (UNKO) dalam bulan Ogos 1961, iaitu parti politik pertama yang muncul dalam pentas politik Sabah.

United Front ditubuhkan sebagai reaksi awal kepada cadangan Malaysia. Mereka ternyata tidak dapat menerima cadangan tersebut. Menurut James Ongkili:¹¹

"One main reason was that the three territories had long been conditioned into thinking that their common colonial rulers, the British, would eventually lead them to sovereignty and independence. The failure of the Bornean federation proposals of the 1950s was itself evidence that Sarawak, Brunei and Sabah were each inclined to hope and work for their own separate independence, even if the ideal of nationhood might take until the year 2000 or longer to achieve."

Dengan kata lain, ketiga-tiga negeri tersebut berpuas hati dengan keadaan mereka yang begitu dan mereka tidak mahu menyertai Malaysia kerana mereka bimbang mereka akan diperintah oleh satu kuasa yang lain pula. Mereka tidak dapat melihat apa-apa keuntungan yang bakal mereka nikmati dengan menyertai Malaysia. Walaupun mereka sedar bahawa dari segi kemajuan mereka jauh tertinggal di belakang Tanah Melayu tetapi mereka bimbang, dengan menyertai Malaysia, bukan sahaja mereka tidak berpeluang untuk maju tetapi akan terus tertinggal di belakang. Ongkili berpendapat, reaksi negatif yang ditunjukkan ini adalah berikutan daripada keadaan mereka yang tidak mempunyai kefahaman politik yang sebenarnya. Tambahan pula perkembangan politik di negeri-negeri berkenaan begitu lambat bergerak. Ini semua berikutan kurangnya pemahaman mereka tentang keadaan politik di Selatan Asia, naungan atau penjagaan pihak penjajah yang menjadi penghalangnya, ketiadaan ahli-ahli politik yang berpengalaman dan ketiadaan pengalaman dalam politik dan pentadbiran.¹² Oleh kerana itulah pemimpin-pemimpin Borneo melihat cadangan Tunku itu sebagai satu dasar perluasan kuasa. Tambahan pula Sarawak yang pernah dijajahi oleh Bornei merasakan bahawa bukan hanya orang putih yang boleh menjajah mereka¹³, jadi adakah satu kemungkinan bagi Tanah Melayu menjajah mereka melalui cadangan Malaysia ini? Untuk menyakinkan mereka bahawa tidak akan berlaku fenomena penjajahan yang sering dibimbangi itu, Tunku menegaskan bahawa, *"Apabila wilayah-wilayah Borneo menjadi sebahagian Malaysia, ia bukan lagi menjadi tanah jajahan Britain dan bukan pula menjadi tanah jajahan Tanah Melayu ... Ia akan menjadi rakan kongsi dengan taraf yang sama ... Zaman penjajahan telah*

berlaku dan bukanlah niat Tanah Melayu untuk meneruskan atau menghidupkannya kembali."¹⁴

Namun begitu dalam perkembangan yang selanjutnya kita dapati terdapat perubahan sikap dalam kalangan pemimpin tempatan negeri-negeri tersebut kecuali Brunei. Persoalan yang menarik di sini ialah faktor apakah yang telah membuatkan pemimpin-pemimpin ini berubah sikap, daripada menentang keras kepada sikap sederhana dan akhirnya turut sama mahu bergabung dalam Malaysia? Jika pemimpin-pemimpin Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura mempunyai alasan mereka yang tersendiri untuk bergabung dalam Persekutuan Malaysia, bagaimana pula dengan negeri-negeri Borneo? Jawapan kepada persoalan ini berkait rapat dengan usaha-usaha pemimpin Tanah Melayu dan perkembangan-perkembangan terbaharu politik rantau Asia Tenggara.

Menurut Ongkili, titik permulaan perubahan sikap mereka ialah apabila mereka dihantar oleh pentadbir British masing-masing ke Persidangan Persatuan Parlimen Komanwel (*Commonwealth Parliamentary Association* - CPA). Apabila terbentuknya MSCC yang khusus untuk membincangkan cadangan penubuhan Malaysia yang dipengerusikan oleh Donald Stephen, jelas kelihatan perubahan sikap pemimpin-pemimpin Borneo.¹⁵ Mereka nampaknya masih boleh memberi ruang untuk membincangkan tentang Malaysia dengan pemimpin-pemimpin Tanah Melayu dan Singapura. Sikap positif yang ditunjukkan oleh pemimpin-pemimpin tempatan Sabah dan Sarawak ini telah membuka peluang seluas-luasnya kepada pemimpin-pemimpin Kuala Lumpur dan Singapura untuk melobi dengan bersungguh-sungguh terhadap kebaikan dan kelebihan-kelebihan Malaysia.

Selain daripada mengadakan perundingan demi perundingan, pemimpin-pemimpin Borneo mengambil peluang membuat lawatan ke beberapa tempat di Tanah Melayu terutamanya apabila perundingan diadakan di Kuala Lumpur atau Singapura. Lawatan ini memberi peluang kepada mereka melihat sendiri kehidupan rakyat di Tanah Melayu dan melihat kemajuan-kemajuan yang telah dicapai sejak Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Sedikit sebanyak menurut Ongkili lagi, lawatan ini telah menarik minat mereka untuk bercantum dengan Tanah Melayu dan Singapura dengan harapan negeri mereka akan menurut jejak-jejak kemajuan tersebut dengan lebih cepat. Selain daripada itu, keharmonian suasana kehidupan yang wujud antara pelbagai kaum

di Tanah Melayu telah melahirkan rasa kagum di kalangan pemimpin-pemimpin berkenaan. Mereka lihat sejak Tanah Melayu merdeka, tidak timbul persengketaan kaum walaupun negara itu didiami oleh rakyat daripada pelbagai kaum, agama dan budaya. Kesangsian bahawa diskriminasi yang akan berlaku mula lenyap di hati mereka dan kini mereka lebih bersedia untuk menyertai Malaysia.

Bagaimanapun menurut Mohd. Nordin Sopiee, faktor paling utama yang mengubah pendirian pemimpin-pemimpin Sabah dan Sarawak terhadap cadangan Malaysia ialah faktor keselamatan kedua-dua negeri itu.¹⁶ Menjelang tahun 1962 kedua-dua negeri Borneo itu menghadapi beberapa masalah keselamatan. Antaranya ialah ancaman daripada pihak komunis seperti yang pernah disebutkan sebelum ini. Namun begitu ancaman yang paling merisaukan mereka ialah ancaman daripada Indonesia dan Filipina. Mereka bimbang dengan dasar perluasan kuasa oleh Indonesia dan merasakan bahawa selepas menakluki Irian Barat, Indonesia akan beralih pula kepada negeri-negeri di Borneo. Tambah pula Indonesia nampaknya memberikan sokongan padu kepada kebangkitan pemberontakan Brunei yang dicituskan oleh A. M. Azahari iaitu pemimpin Parti Rakyat Brunei yang paling lantang menentang penubuhan Malaysia. A. M. Azahari mencetuskan pemberontakan itu dengan cita-cita mahu mewujudkan Republik Kalimantan Utara yang merdeka yang meliputi Brunei, Sabah dan Sarawak. Sarawak yang pernah diperintah oleh Brunei, tidak mahu tunduk atas cita-cita A. M. Azahari ini berdasarkan pengalaman masa lalu yang memperlihatkan corak pemerintahan Brunei yang menindas rakyat Sarawak.

Ancaman daripada Filipina pula lebih tertumpu kepada negeri Sabah apabila Filipina mendakwa bahawa Sabah adalah sebahagian daripada Filipina berdasarkan sejarah kesultanan Sulu. Kerajaan Filipina mendakwa bahawa Sultan Sulu hanya menyewakan Sabah kepada *North Borneo Chartered Company* dan bukan menyerahkannya buat selama-lama. Kini mereka mahu mengambil Sabah kembali. Sebaliknya bagi kerajaan Inggeris, daripada dokumen-dokumen yang mereka simpan, kerajaan Filipina tidak ada hak lagi ke atas Sabah kerana Sultan Sulu telah menyerahkan buat selama-lamanya Sabah kepada mereka. Kerajaan Filipina tetap tidak berganjak daripada tuntutan mereka. Ancaman-ancaman ini menimbulkan kebimbangan kepada kemerdekaan negeri-negeri tersebut kelak jika mereka terus

bersendirian. Mereka merasakan bahawa mereka tidak upaya menangani ancaman-ancaman seperti ini secara bersendirian. Sekurang-kurangnya, jika mereka menyertai Malaysia, kerajaan Persekutuan akan melindungi mereka daripada ancaman-ancaman tersebut. Nampaknya ancaman ke atas keselamatan negeri masing-masing menjadi titik tolak kepada perubahan sikap pemimpin-pemimpin Sabah dan Sarawak mengikut pandangan Mohd Nordon Sopiee.

Walau bagaimanapun, wujudnya ancaman-ancaman luar tersebut pada waktu itu barangkali tidak boleh seratus peratus dikatakan telah mengubah sikap pemimpin-pemimpin Sabah dan Sarawak. Jika tidak kerana jaminan yang bersungguh-sungguh daripada pemimpin-pemimpin Tanah Melayu bahawa keselamatan mereka akan dipelihara dalam Malaysia, mungkin mereka tidak akan begitu mudah bertukar sikap. Ini adalah kerana sebelum inipun mereka sangat bimbang tentang bentuk persekutuan yang hendak dilaksanakan itu, bimbang ia akan menjadi satu bentuk penjajahan juga. Jika tanggapan mereka benar tiada ertinya menyertai persekutuan semata-mata untuk lari daripada ancaman-ancaman tersebut sebaliknya tindakan mereka itu ibarat kata pepatah 'keluar dari mulut harimau masuk ke mulut naga'.



SOALAN DALAM TEKS

- 3 Apakah yang dapat anda ulas tentang perubahan sikap yang ditunjukkan oleh pemimpin-pemimpin Sabah dan Sarawak di atas cadangan penubuhan Malaysia?



Untuk aktiviti ini tiada maklum balas yang diberikan kerana ia terpulang kepada pendapat anda sendiri berdasarkan bacaan anda pada pelajaran ini dan bahan-bahan rujukan yang disarankan.

Demikianlah perbincangan berkenaan sejarah pembentukan Malaysia 1963 dari segi usaha dan faktor-faktor yang bertanggung jawab menjadikan Malaysia sebagai satu kenyataan. Terpulanglah pada anda untuk menentukan faktor mana yang menjadi faktor utama daripada himpunan faktor-faktor yang telah dibincangkan. Sebelum kita mengakhiri pelajaran ini, ingin disentuh sedikit tentang

kegagalan Malaysia menarik Brunei untuk bersama. Sebagaimana kerasnya usaha pemimpin-pemimpin Tanah Melayu dan Singapura untuk meraih persetujuan daripada Sabah dan Sarawak, begitu jugalah terhadap Brunei. Namun ada beberapa perkara yang menjadi penghalang besar ke arah percantuman. Brunei seperti yang kita sedia maklum kaya dengan hasil minyak dan masih mengamalkan sistem pemerintahan beraja. Dua perkara inilah dikatakan yang menjadi punca kepada terciptanya Brunei daripada Malaysia. Kerajaan Brunei menuntut agar hasil minyak mereka dikekalkan buat selamanya untuk mereka dan bersetuju untuk memberikan sumbangan kewangan kepada kerajaan persekutuan tanpa disebutkan jumlahnya. Pemimpin persekutuan sebaliknya hanya bersetuju untuk mengekalkan penguasaan hasil minyak Brunei untuk tempoh sepuluh tahun sahaja,¹⁷ dan selepas tempoh itu kerajaan persekutuan akan mengambil alih hasil minyak berkenaan. Ternyata Sultan Brunei tidak dapat menerima syarat ini, dan apabila kedua-dua belah pihak tidak boleh mencapai kata sepakat maka Brunei mengambil keputusan untuk tidak menyertai Malaysia.

Masalah yang kedua pula berkaitan dengan giliran Sultan Brunei untuk menjadi Yang di Pertuan Agung bagi Malaysia. Berdasarkan sejarah kewujudan kesultanan Brunei yang begitu lama usianya, Sultan Brunei mahu agar giliran baginda menjadi Yang diPertuan Agung dipercepatkan. Permintaan baginda tidak dilayan dan hanya diberi giliran yang terkemudian sahaja.¹⁸ Perkara ini sudah tentu tidak mengembirakan oleh Sultan Brunei. Namun demikian dikatakan bahawa perkara ini bukanlah sebab utama keengganan Brunei menyertai Malaysia. Sebaliknya masalah kewangan lebih penting.¹⁹

Masalah perhubungan yang tidak lancar antara pemimpin kedua-dua belah pihak menambahkusutkan lagi keadaan. Pemimpin Brunei merasakan mereka tidak dilayan dengan sewajarnya oleh pemimpin Tanah Melayu.²⁰ Bukan itu sahaja, pada saat kerajaan Brunei benar-benar berminat dengan idea Malaysia ini, pemimpin-pemimpin Tanah Melayu dikatakan tidak begitu sensitif dengan tuntutan-tuntutan keluarga diraja Brunei yang dikira tidak sukar untuk dipenuhi oleh kerajaan persekutuan.²¹ Atas perkara-perkara yang tidak begitu memberangsangkan bagi pihak Brunei khususnya, maka apabila Malaysia disyitiharkan, Brunei mengambil keputusan untuk terus bersendirian di bawah pemerintahan kerajaan British, biarpun sebahagian besar rakyat

dan pemimpinnya sangat berminat untuk bergabung dalam Malaysia.

RUMUSAN

Malaysia terbentuk pada 1963 adalah hasil kesungguhan dan komitmen yang tinggi yang ditunjukkan oleh pemimpin-pemimpin Tanah Melayu (Tunku Abdul Rahman terutamanya) Singapura, Sabah dan Sarawak serta tidak ketinggalan kerajaan Inggeris. Komitmen dan kesungguhan ini didorong oleh matlamat-matlamat tertentu yang ingin dipenuhi oleh pihak-pihak yang terlibat. Untuk mengelakkan ancaman komunis, Indonesia dan Filipina, ingin mencapai keseimbangan kaum dalam Malaysia, mempercepatkan kemerdekaan bagi negeri-negeri yang masih dijajah, pembangunan ekonomi dan politik yang lebih sihat adalah dorongan-dorongan kuat ke arah pembentukan Malaysia.

Halangan-halangan yang timbul untuk menggagalkan Malaysia terutama daripada Indonesia dan Filipina berjaya diatasi dengan usaha-usaha yang berterusan. Biarpun setiap negeri yang terlibat mempunyai motif tertentu dalam Malaysia, tetapi yang pentingnya Malaysia mampu memberikan faedah yang tidak sedikit kepada yang terlibat.



SOALAN PENILAIAN KENDIRI

Uji kefahaman anda terhadap pelajaran ini dengan menjawab soalan-soalan berikut:

1. Bincangkan watak-watak utama yang terlibat secara langsung dalam memainkan peranan untuk melaksanakan Malaysia dengan contoh-contoh.
2. Pada pendapat anda, apakah sebab sebenarnya yang membuatkan Tunku Abdul Rahman berusaha untuk membawa Sabah, Sarawak dan Brunei ke dalam Persekutuan Malaysia?

3. Huraikan usaha-usaha yang telah dilakukan oleh pihak-pihak yang terlibat untuk menjayakan Malaysia.
4. Ancaman-ancaman yang dihadapi oleh Sabah dan Sarawak menyebabkan pemimpin-pemimpinnya mengubah sikap terhadap cadangan Malaysia. Sejauhmanakah anda bersetuju dengan pernyataan ini?



PENYELESAIAN BAGI SOALAN DALAM TEKS

1. Tokoh-tokoh yang memainkan peranan penting dalam usaha merealisasikan Malaysia ialah;
 1. Tunku Abdul Rahman Putra (Perdana Menteri Tanah Melayu).
 2. En. Lee Kuan Yew (Pemimpin utama Singapura).
 3. Pentadbir-pentadbir Inggeris di London, Singapura, Sabah dan Sarawak.
 4. Donald Stephens (Pemimpin parti UNKO - Sabah).
 5. Ong Kee Hui (Pemimpin parti SUPP - Sarawak).

Darjah peranan yang dimainkan oleh tokoh-tokoh tersebut berbeza. Misalnya Tunku Abdul Rahman Putra dan En. Lee Kuan Yew begitu gigih berusaha untuk memenangi hati pegawai-pegawai Inggeris yang berkenaan dan juga pemimpin-pemimpin tempatan Sabah dan Sarawak. Peranan pegawai/pentadbir Inggeris terserlah dalam memberi ruang kepada setiap pihak yang terlibat untuk membincangkan cadangan tersebut. Peranan Donald Stephens dan Ong Kee Hui lebih nyata dalam mempengaruhi rakan-rakan mereka setelah mereka sendiri yakin dengan Malaysia.

2. Dalam beberapa siri mesyuarat jawatankuasa MSCC, perkara-perkara yang sering dibincangkan adalah berkenaan cadangan penubuhan Malaysia itu sendiri, mengapa ia perlu dan faedah-faedah yang bakal diperolehi daripada percantuman itu. Dalam mesyuarat pertama misalnya perkara utama yang ditekankan ialah tentang kesinambungan yang wujud dari segi rantaian sejarah antara Tanah Melayu,

Singapura dan negeri-negeri Borneo. Oleh kerana jawatankuasa itu juga dianggotai oleh pemimpin-pemimpin tempatan dari negeri yang terbabit, maka pemimpin Tanah Melayu cuba menarik minat mereka dengan memberi penekanan kepada persamaan-persamaan yang wujud dari segi budaya dan cara hidup antara mereka. Maka dengan percantuman dalam Malaysia, setiap negeri akan sama-sama menikmati kemajuan yang selaras.

Selain daripada itu, dalam mesyuaratnya yang ketiga, berikutan daripada reaksi positif pemimpin-pemimpin negeri Borneo, mereka mula membincangkan tentang hal-hal yang lebih tertumpu kepada soal-soal politik dan perlembagaan. Antaranya, pemimpin Tanah Melayu menegaskan bahawa Malaysia bukanlah satu bentuk penjajahan. Sebaliknya dengan penyertaan Sabah dan Sarawak, Malaysia akan mengandungi 14 buah negeri termasuk Singapura. Dalam perbincangan untuk merangka perlembagaan, perkara yang menjadi tumpuan perbincangan ialah berkenaan perkara-perkara Bahasa Kebangsaan, agama rasmi, imigresen, pendidikan, kewangan dan lain-lain yang menyentuh kepentingan negeri-negeri terbabit. Jaminan diberikan oleh pemimpin-pemimpin Tanah Melayu bahawa beberapa kekecualian akan diberikan kepada Sabah dan Sarawak dalam beberapa hal. Ini terbukti dengan wujudnya persetujuan 20 Perkara.

3. Maklum balas untuk aktiviti ini tidak diberi.



BAHAN BACAAN

1. Simanjuntak, B. 1985. *Federalisme Tanah Melayu 1945-1963*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
2. Mohd. Nordin Sopiee, 1974. *From Malayan Union to Singapore Separation: Political Unification in the Malaysia Region 1945-65*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
3. Ongkili, J. P. 1967. *The Borneo Response to Malaysia 1961-1963*. Singapore: Donald Moore Press Ltd.

4. Means, G. P. 1976. *Malaysian Politics*. London: Hodder & Stoughton.

BACAAN TAMBAHAN

1. Ongkili J. P. 1985. *Nation-building in Malaysia 1946-1974*. Singapore: Oxford University Press.
2. Milne, R. S. & D. K. Mauzy, 1992. *Politik dan Kerajaan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

NOTA BELAKANG

1. Di petik oleh Mohd. Nordin Sopiee, 1974. *From Malayan Union to Singapore Separation* (Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya), hal. 139.
2. B. Simandjuntak, 1985. *Federalisme Tanah Melayu 1945-63* (Petaling Jaya, Fajar Bakti), hal. 133.
3. Mohd. Nordin Sopiee, *op. cit.* hal. 127.
4. J. P. Ongkili, 1985. *Nation Building in Malaysia 1946 - 1974* (Singapore, Oxford University Press), hal. 165.
5. R. S. Milne & Diane K. Mauzy, 1992. *Politik dan Kerajaan di Malaysia* (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka), hal. 69 - 70.
6. *Ibid*, hal. 79.
7. B. Simandjuntak, *op. cit.* hal. 184.
8. *Ibid*, hal. 140.
9. Mohd. Nordin Sopiee, *op. cit.* hal. 143 - 146.
10. B. Simandjuntak, *op. cit.* hal. 148.
11. J. P. Ongkili, *op. cit.* hal. 161.

12. J. P. Ongkili, 1967. *The Borneo Response to Malaysia 1961 - 1963*. (Singapore, Donald Moore Press Ltd.), hal. 22.
13. R. S. Milne & Diane K. Mauzy, *op. cit.* hal. 71.
14. *Ibid.*
15. Pemimpin Brunei hanya bertindak sebagai pemerhati sahaja dalam majlis ini.
16. Mohd. Nordin Sopiee, *op. cit.* hal. 151.
17. *Ibid*, hal. 177.
18. J.P. Ongkili, *op. cit.* hal. 173.
19. *Ibid.*
20. *Ibid*, hal. 172.
21. Mohd. Nordin Sopiee, *op. cit.* hal. 181.

BIBLIOGRAFI

Ahmad Hussein, Syed, 1994. *Pengantar Sains Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Pusat Pengajian Luar Kampus.

Albert Lau, 1991. *The Malayan Union Controversy 1942-1948*. Singapore: Oxford University Press.

Allen, James de. V. 1967. *The Malayan Union*. Monograph Series no. 10, Southeast Asia Studies: Yale University.

Andaya, B. W. & L. Y. Andaya 1983. *Sejarah Malaysia*. Petaling Jaya: Macmillan Publishing.

Andaya, C. Y. 1987. *Kerajaan Johor 1641-1728*. DBP: Kuala Lumpur.

Appadorai, A., 1975. *The Substance of Politics*. Madras: Oxford University Press.

Colonial Office, 1946. *Malayan Union and Singapore : Statement of Policy on Future Constitution*. Command Paper no. Cmd 6724. London.

_____, 1946. *Malayan Union and Singapore : Summary of Proposed Constitutional Arrangements*. Command Paper no. Cmd 6749 London.

_____, 1947. *Federation of Malaya: Summary of Revised Constitutional Proposals*. Command Paper no. Cmd 7171. London.

Emerson, R., 1976. *Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Gopinath A. 1993. *Sejarah Politik Pahang 1880-1935*. Kuala Lumpur. DBP.

Gullick, JM. 1976. *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*. Kuala Lumpur: DBP.

Khoo Kay Kim, "Malay Society, 1874-1920s," JSEAS vol. 5, no. 2 (March 1974).

_____, 1991. *Malay Society*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.

Lim Teck Ghee & Vincent Lowe, (ed) 1976. *Toward A Modern Asia*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd.

Mac Iver, R. M., 1966. *The Modern State*. London: Oxford University Press.

Means, G. P., 1976. *Malaysian Politics*. London: Hodder & Stoughton.

Milne, R. S. & D. K. Mauzy, 1992. *Politik dan Kerajaan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohd. Isa Othman, 1990. *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*. Kuala Lumpur: DBP.
- Mohd. Nordin Sopiee, 1974. *From Malayan Union to Singapore Separation*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ness, G. D., 1967. *Bureaucracy and Rural Development in Malaysia*. California: University of California Press.
- Ongkili, J. P., 1967. *The Borneo Response to Malaysia 1961-1963*. Singapore: Donald Moore Press Ltd.
- _____, 1985. *Nation Building in Malaysia 1946-1974*. Singapore: Oxford University Press.
- Pickles, D., 1988. *Pengantar Ilmu Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Roff, W. R., 1994. *The Origins of Malay Nationalism*. (2nd Ed.) Oxford University Press.
- Simandjuntak, B., 1985. *Federalisme Tanah Melayu 1945 - 1963*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Stenson, M. R. "The Malayan Union and Historian," JSEAH vol. x, no. 2, (Sept. 1969).
- Stockwell, A. J., 1979. *British Policy and Malay Politics During The Malayan Union Experiment 1942 - 1948*. Monograph no. 8, Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- _____, "British Imperial Policy and Decolonization in Malaya, 1942 - 52," *Journal of Imperial & Commonwealth History* vol. 13, no. 1 (Oktober 1984).
- Turnbull, C. M., "British Planning for Post-War Malaya", JSEAS vol. 5, no. 5 (Sept. 1974).
- Vincent, A., 1987. *Theories of the State*. London: Basil, Blackwell.
- Yeo Kim Wah, 1982. *The Politics of Decentralization*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

BIODATA

AZMAH ABDUL MANAF dilahirkan di Kota Tinggi, Johor Darul Takzim pada 24 April 1962. Mendapat pendidikan awal di Kota Tinggi, Johor dan kemudian di Johor Bharu. Melanjutkan pelajaran di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang pada peringkat ijazah pertama pada tahun 1983 dan diteruskan sehingga mendapat ijazah sarjana dalam bidang Sejarah. Mula bertugas sebagai guru Sejarah di Pusat Pengajian Luar Kampus Universiti Sains Malaysia pada tahun 1991 dan dilantik sebagai pensyarah pada tahun 1994 di Bahagian Sejarah Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh. Ini adalah buku kedua beliau. Buku pertama yang telah beliau tulis berjudul *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia* juga diterbitkan oleh Utusan Publications.